

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 8

Khamis

17 Mei 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2006 (Halaman 30)

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007 (Halaman 54)

Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 (Halaman 87)

USUL-USUL:

Meminda Aturan Urusan Mesyuarat Di Bawah P.M. 13(2) (Halaman 1)

Meminda Aturan Urusan Mesyuarat Di Bawah P.M. 13(2) (Halaman 50)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 17 Mei 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL

**MEMINDA ATURAN URUSAN MESYUARAT
DI BAWAH P.M. 13(2)**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2), giliran pertanyaan bagi jawab lisan Tuan Chua Kim Chuan yang ditujukan kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang dijadualkan di No.11 dinaikkan ke No.3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum daripada itu, Dewan Negara menghargai atas kehadiran Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan juga Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana masing-masing datang sendiri untuk menjawab soalan pada pagi ini. Terima kasih Yang Berhormat.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah pencapaian jadual pelaksanaan projek-projek pembangunan wilayah seperti yang telah dikenal pasti dalam Rancangan Malaysia Kesembilan mengikut wilayah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mencapai pembangunan seimbang khususnya antara wilayah dan negeri, kerajaan sentiasa memberi tumpuan dengan merangka dasar dan strategi khusus kepada pembangunan wilayah dan mengambil langkah menyediakan peruntukan

yang sewajarnya bagi projek-projek pembangunan wilayah dalam setiap tempoh Rancangan Pembangunan Lima Tahun negara.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan yang bermula pada tahun 2006, kebanyakan projek-projek masih lagi di peringkat awal pelaksanaan. Tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini hanya akan berakhir pada tahun 2010. Oleh itu, adalah masih awal untuk kerajaan mengenal pasti tahap pencapaian pelaksanaan projek-projek pembangunan tersebut di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Namun begitu, bagi membolehkan penilaian dibuat, maklumat yang berkaitan sedang dikumpulkan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan. Kerajaan juga menerusi kementerian dan agensi pelaksana projek-projek berkenaan akan sentiasa memastikan semua projek pembangunan ini dilaksanakan dengan segera dan berjalan mengikut jadual pelaksanaannya.

Selain dari itu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan akan membuat penilaian tentang pencapaian sebenar setiap projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan pada kajian separuh penggal RMK-9 yang akan dimulakan pada tahun hadapan.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapannya. Saya cuma ingin mengutarakan soalan bahawasanya sungguhpun kita masih ada lagi empat tahun setengah untuk membuat penilaian atau melihat kepada kejayaan pembangunan wilayah ini, apa caranya untuk kita lebih menyegerakan atau mencergaskan pembangunan ini supaya jangan pada peringkat akhir kita tergesa-gesa dan hanya menghadapi masalah pada peringkat yang akhir.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu sewaktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Amat Berhormat telah menekankan bahawa dari segi persediaan sesuatu projek itu, ia hanya akan dipastikan kejayaannya mengikut setiap masa berlakunya dari segi pelaksanaan projek itu, dari segi perancangan sewaktu pelaksanaan dan sehinggalah sampai siap projek itu dan menjadi kenyataan.

Insya-Allah, jika semua sistem yang dirangka melalui sistem penilaian projek-projek ini, sudah pasti kita yakin dengan sistem yang baik dan semuanya berjalan lancar seperti yang dirancang, insya-Allah semua projek itu akan menjadi kenyataan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

2. Tuan Lee Sing Chooi minta Menteri Kerja Raya menyatakan perbezaan faktor-faktor utama atau kriteria yang diambil kira dalam kenaikan tol antara kontrak-kontrak yang ditandatangani kerajaan dengan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya, apakah kriteria-kriteria yang telah diubah dan dimasukkan dalam kontrak-kontrak penswastan lebuhraya yang baru selepas mempelajari pengalaman dan impak kontrak yang ditandatangani dahulu.

■1010

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Kerajaan telah menambah baik perjanjian konsesi baru dengan memasukkan peruntukan *Toll Review Mechanism*, dengan izin. Adanya peruntukan tersebut, *Toll Review Mechanism*, maka kerajaan boleh mengawal kenaikan kadar tol syarikat konsesi yang berkenaan. Antara faktor-faktor yang diambil kira dalam mempertimbangkan kenaikan kadar tol adalah seperti berikut:

- (i) bilangan trafik yang dijangka menggunakan lebuhraya berkenaan sekiranya kadar tol berbeza dikenakan;
- (ii) kadar kekerapan dan bilangan kenaikan tol;
- (iii) bayaran pampasan *access* pengurangan kadar tol agar kadar tol tidak dinaikkan;
- (iv) kemampuan syarikat untuk membayar balik pinjamannya serta menampung kos operasi dan penyelenggaraannya;
- (v) lanjutan tempoh masa dan lain-lain alternatif sebagai sebahagian daripada bayaran pampasan;
- (vi) kadar pulangan dalaman, iaitu *internal rate of revenue* setelah mengambil kira perbelanjaan modal, kos operasi dan penyelenggaraannya serta obligasi syarikat kepada kerajaan dan lain-lain peminjam serta pemegang saham syarikat konsesi;
- (vii) kedudukan lebuhraya tersebut yang terletak dan melalui kawasan bandar yang lazimnya mempunyai pengguna-pengguna tetap yang sering berulang-alik menggunakan laluan berkenaan;
- (viii) lebuhraya yang menghubungkan antara bandar dan digunakan untuk perjalanan jarak jauh dan sederhana serta kurang digunakan oleh pengguna secara tetap untuk berulang-alik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai contoh, sekiranya trafik sebenar yang melalui sesebuah lebuhraya lebih tinggi daripada unjuran asal maka kerajaan boleh menggunakan peruntukan di bawah klausa *Toll Review Mechanism* untuk tidak memberikan kenaikan tol sepenuhnya dan tidak perlu membayar sebarang pampasan. Berbeza dengan syarikat, kenaikan tol dalam perjanjian konsesi lama di mana syarikat konsesi berhak mendapat kenaikan tol sepenuhnya secara automatik tanpa mengambil kira jumlah trafik sebenar. Walau bagaimanapun, kerajaan tetap mempunyai hak untuk berunding dengan syarikat konsesi bagi menetapkan kadar tol yang tidak membebankan pengguna lebuhraya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi selepas itu Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan yang begitu baik. Tuan Yang di-Pertua, surat khabar hari ini di mana PLUS telah minta hendak naikkan tol 10% tahun hadapan. Dengan kenaikan tol lebuhraya yang utama ini akan membawa impak dan juga *change effect* yang akan membawa inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya, sejauh manakah PLUS – Lebuhraya Utara-Selatan itu diambil kira faktor yang utama iaitu bilangan trafik. Bolehkah bilangan trafik yang sekarang ini sudah lebih banyak itu boleh mengakibatkan tol itu tidak dinaikkan, dan juga bolehkah kerajaan bukan membayar pampasan tetapi membeli sebahagian projek-projek PLUS itu, bayar kos itu supaya tol itu tidak dinaikkan seperti yang dirancang atau tol yang setinggi-tinggi itu 1% setahun. Apakah pandangan, Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah meminta beberapa perkara yang saya percaya penting kepada rakyat. Tol ini ada tiga elemen. Elemen pertama untuk mengadakan lebuhraya atau tidak. Oleh kerana kerajaan tidak memutuskan untuk mengadakan lebuhraya di negara ini, tidak hari ini negara kita bukanlah boleh dipanggil sebagai negara membangun. Sudah bangun, lebih kurang sudah bangun. *[Ketawa]* Jadi, kemudahan-kemudahan yang kita punyai pada hari ini, itulah daripada keputusan telah dibuat oleh kerajaan.

Kita berterima kasih kepada sektor swasta yang telah meminjam, berbilion ringgit bagi pihak kerajaan. Mereka menjalankan projek memperbaiki keadaan, membina Lebuhraya Utara-Selatan, hari ini kita menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan. Apabila saya mahu pergi ke Ipoh, terus pergi. Ini petang saya pergi Ipoh, satu jam setengah, balik satu jam setengah. Pada masa dahulu, ia mengambil tiga jam setengah. Itulah sejarahnya.

Walau bagaimanapun, ramai di antara rakyat tidak mengambil elemen dua, iaitu pinjaman daripada bank. PLUS telah meminjam daripada bank RM7.4 bilion. Pada akhirnya apabila mereka bayar, ini akan menjadi RM16 bilion, sama, pinjaman dan faedahnya menjadi RM16 bilion. Apakah kutipan PLUS tiap-tiap tahun? RM1 bilion. Apabila rakyat baca dalam surat khabar, "*Oh, PLUS dapat RM1 bilion, PLUS dapat RM1 bilion.*" Bunyi-bunyi sahaja tetapi tidak tahu apa yang betulnya. RM1 bilion kita kena bayar kepada bank lebih kurang RM800 juta ke RM900 juta, kita kena jaga jalan, penyelenggaraan, kita kena kutip tol, kita ada juga beberapa banyak pekerja yang bekerja. Semua penyelenggaraan akan mengambil RM1.1 bilion setiap tahun termasuk bayaran kepada bank.

Pada mulanya apabila kerajaan telah menandatangani perjanjian di antara kerajaan dengan PLUS, kadar tol jauh lebih tinggi tetapi kali ketiganya kerajaan telah mengurangkan tol. Oleh kerana itulah hari ini, 13 lebih ataupun 14.2 sen, jikalau tidak hari ini kita kena bayar 18 sen. Itu tol asal. Walau bagaimanapun, semalam saya dapati syarikat telah mengadakan Mesyuarat Agung mereka, mereka juga telah mengumumkan iaitu kita akan dapat kenaikan tol pada tahun 2008.

Dengan serta-merta saya jawab, sebelum ia pergi ke media, saya sudah pergi media. Saya kata, syarikat tidak boleh menentukan dia mahu dapat tol ataupun tidak, kenaikan atau tidak, kerajaan akan memutuskan. Jemaah Menteri mesti mengambil keputusan atas perkara ini. Jadi, kami ada juga minta pegawai-pegawai di kementerian saya untuk mengadakan *multi mode* analisis, jikalau ada juga ini, apakah tol, berapa boleh naik. Kalau ada ini, berapa boleh naik, berapa ganti rugi akan dibayar kepada syarikat. Bolehkah kerajaan bayar juga terus tiap-tiap tahun.

Berapa kerajaan bayar, rakyat tidak tahu. RM1 bilion kah, RM2 bilion kah? Mana tahu? Duduk dalam kenderaan *drive* sahaja bawak.

■1020

Bila dia masuk tol, masa itu kerajaan bayar RM5 untuk dia. Lebih baik saya kata kita akan ambil wang tunai minta pegawai-pegawai saya bila kereta datang, bagi dia RM5, baru dia tahu apakah nilai wang itu telah dibelanjakan oleh kerajaan.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, setiap hari ada juga *complaint*. Satu, *complaint* untuk mendapat publisiti politik oleh pembangkang yang tidak mengambil tahu atau tidak mengambil kira apakah tujuan kerajaan untuk mengadakan pembangunan ini. Tidak. Jikalau pada hari itu kita tidak memutuskannya, hari ini negara macam jalan kereta lembulah. Hari ini moden, kita mahu mengadakan lebih banyak jalan dan lebih banyak hubungan. Kita juga mahu mengadakan *Outer Ring Road*. *Outer Ring Road* kosnya RM4 bilion. Kita juga mahu mengadakan *the West Coast Road*. Jika seseorang bertolak daripada Taiping jangankan dia boleh menggunakan lebuh raya yang sedia ada, dia juga boleh menggunakan lebuh raya yang lain dan perjalanannya akan menjadi lebih mudah.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kami mengambil kira semua masalah rakyat. Kita bukan tutup mata sahaja duduk dalam kementerian, pagi masuk dalam kementerian pukul 4.30 balik. Mana ada kita balik pukul 4.30? Kita balik pukul 10, pukul 8 malam! Pegawai-pegawai saya bila saya arah *mode* ini mesti dijalkan, dia mengambil lebih kurang sampai pukul 12 malam. Saya berjanji kepada Yang Berhormat saya akan membawa perkara *multimode tolling system* kepada Jemaah Menteri meminta ditimbang yang mana satu sama ada rakyat atau pampasan di sesetengah kerajaan. Timbanglah, dacinglah - Barisan Nasional. Terima kasih.
[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Rizuan bin Abdul Hamid.

Datuk Haji Rizuan bin Abdul Hamid: Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu di atas jawapan-jawapan tadi yang sungguh bersemangat dan sanggup datang ke Dewan Negara. Jawapan kepada soalan saya kali ini harus ikhlas dan jujur. Bukan macam hari itu masak makan nasi tengah hari. Nanti orang kampung saya FELDA Lasah marah Dato' Seri S. Samy Vellu.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Rizuan bin Abdul Hamid: Soalan saya secara umum apakah jenis-jenis bantahan rakyat mengenai kenaikan kadar tol? Bagaimana kerajaan menangannya? Apakah kesan yang tidak baik kepada kerajaan jika bantahan ini tidak dilayan? Adakah pernah kadar tol ini diturunkan apabila rakyat membantah? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu:Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk Haji Rizuan bin Abdul Hamid. Jawapan saya bila-bila masa. Kerajaan ini ialah kerajaan rakyat. Masalah rakyat diambil kira sebagai satu pertimbangan pertama dan utama oleh kerajaan. [*Tepuk*] Oleh kerana itu beberapa kali kita telah menurunkan kadar tol walaupun kita tahu perjanjian telah ditandatangani oleh kerajaan dengan syarikat. Umpamanya kita mengambil kira seperti di Lebuhraya Damansara - Puchong (LDP). Bila kita mulakan, dalam perjanjian itu kadar tol adalah sebanyak RM1.50. Apabila sahaja kita mendapat bantahan daripada rakyat dengan serta-merta kerajaan menurunkan kadar tol kepada RM1.00 dan akhirnya kerajaan membayar selama enam tahun berjumlah RM465 juta bagi pihak rakyat kepada syarikat. Kerajaan bersimpati dengan rakyat. Kerajaan juga mahu rakyat menggunakan jalan raya yang lebih sesuai dan lebih baik. Terima kasih.

3. Tuan Chua Kim Chuan minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan usaha kementerian untuk membantu para graduan menganggur adalah usaha yang murni. Namun, apakah kaitan dan sumbangannya untuk kemajuan sektor perdagangan pengedaran itu sendiri.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menjalankan usaha untuk membantu graduan menganggur menerusi program latihan dan kerja iaitu satu program usaha sama dengan enam *hypermarket*. Program tersebut memberi peluang latihan dan pekerjaan kepada para graduan menganggur. Program ini dilaksanakan mulai Januari 2007. Sehingga kini seramai 471 calon yang berminat telah berdaftar di bawah program tersebut. Daripada jumlah tersebut seramai 160 graduan telah berjaya terpilih untuk menjalani latihan di *hypermarket* dan dijangkakan seramai 850 orang graduan mengikuti latihan bagi tahun 2007.

Kementerian yakin dengan adanya usaha ini bukan hanya memberi peluang pekerjaan kepada graduan bahkan ia juga dapat mempertingkatkan keupayaan sektor peruncitan di peringkat negara kita untuk mengurus tadbir sektor peruncitan ini dengan secara baik dan cekap dan sekali gus ia akan dapat membantu pertumbuhan ekonomi dalam negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Chua Kim Chuan, selepas itu Tuan M. Munusamy dan Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan kejayaannya, adakah kementerian bercadang untuk memperluas program ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Sebenarnya memang kementerian sedar tentang usaha ini boleh membantu para graduan pada hari ini yang sebahagian besar keluar daripada IPTA yang memerlukan pekerjaan. Kita akan memperluaskan, bukan hanya untuk graduan iaitu keluaran daripada institusi pengajian tinggi bahkan kita juga memperluaskan sehingga kepada masyarakat belia-belia yang menganggur hasil kerana berkemungkinan tidak berupaya dari segi kewangan dan memasuki institusi pengajian tinggi, mungkin di peringkat STPM ataupun SPM. Anak-anak ini akan kita perluas untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Kita yakin bahawa sektor peruncitan di negara kita ini mempunyai potensi yang cukup baik dalam menjana ekonomi dan sudah pasti pihak peruncitan juga setelah berbincang dengan mereka memerlukan sokongan dari segi tenaga pekerja yang bukan hanya mahir dan mempunyai kelulusan bahkan juga yang kurang mahir dan kurang kelulusan boleh memenuhi keperluan sektor peruncitan ini. Insya-Allah kita akan memperluaskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan M. Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, program ini hanya memberi peluang kepada 471 calon sahaja yang memohon berbanding dengan 24,000 lebih graduan yang menganggur. Mungkin ini kerana mereka tidak tahu ada program seperti ini oleh kementerian. Adakah kementerian bercadang untuk menghebohkan atau memberi publisiti yang lebih luas terhadap program ini dan selain daripada *hypermarket* dan adakah program-program lain yang dijalankan oleh kementerian bagi penganggur-penganggur graduan?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kita sedar di luar sana ramai graduan yang tidak mempunyai peluang pekerjaan, kita hebahkan. Sebelum ini saya ingat pada awal tahun ini kita ada maklumkan menerusi media cetak dan media elektronik tentang peluang-peluang pekerjaan. Pada peringkat awal tahun ini kita *target* dalam lingkungan 1,000 graduan yang tidak menganggur untuk menyertai program-program ini tetapi kita dapati daripada itu hanya 471 calon yang telah berdaftar dan saya yakin akan ramai lagi menyertai sektor peruncitan ini untuk memenuhi keperluan mereka sebagai satu sumber pekerjaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga hendak menyatakan bahawa memang kita juga bertujuan bukan hanya hendak memperluaskan peluang pekerjaan ini di peringkat *hypermarket*, banyak juga sektor-sektor, industri-industri yang lain yang boleh kita memperluaskan peluang pekerjaan kepada anak-anak kita.

■1030

Contohnya industri besi keluli - *steel industry* dan juga industri-industri perkapalan ataupun industri-industri yang lain. Pihak kementerian sedang mengusahakan langkah-langkah ini untuk memastikan kita akan dapat memenuhi keperluan generasi yang memerlukan pekerjaan, insya-Allah. Saya pastikan bahawa hebahan seperti apa yang dicadangkan memang

kita ada hebahkan, akan dipertingkatkan untuk membolehkan anak-anak muda kita mendapat peluang menerusi hebahan ini.

Tetapi kita berharap kerana pihak peruncitan bila kita berbincang kepada mereka, hendakkan supaya pekerja-pekerja ini kekal dalam jangka masa tertentu. Kita dapati ada setengah-setengah, bila kita hendak masukkan dalam sektor peruncitan, mereka cuma bersifat sementara. Hendak kerja mungkin sementara menunggu pekerjaan-pekerjaan yang lain sebagai batu loncatan contohnya. Ini kita tidak ingin melihat. Kita hendakkan supaya anak-anak yang tidak mempunyai pekerjaan ini dipupuk sebaik mungkin sebagai Pengurus Pentadbir. Malahan bukan hanya mengurus *hypermarket* di dalam negara kita.

Kita sudah berbincang dengan pihak pemilik *hypermarket* yang juga ada pelaburan asing. Kita hendakkan supaya anak-anak ini diperluaskan pengalaman mereka. Akhirnya boleh mengurus *hypermarket* di United Kingdom, *hypermarket* di France, *hypermarket* di Hong Kong yang mana ada rangkaian *hypermarket* di dalam negara kita untuk mendedahkan anak-anak kita di dalam sektor peruncitan. Kerana kita tahu bahawa sektor peruncitan adalah merupakan salah satu sektor yang telah memberi sumbangan yang begitu banyak terhadap pertumbuhan ekonomi negara kita.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya sudah tersebut nama Dato' Haji Tajul Urus tadi. Okey Yang Berhormat, beri peluang yang lain. Sila Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah mengambil inisiatif memberi latihan kepada siswazah menganggur untuk bergiat dalam sektor perdagangan pengedaran. Walaupun begitu saya merasakan bahawa impaknya kepada siswazah menganggur ini masih berkurangan.

Soalan saya, tidakkah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mengambil tindakan yang lebih agresif lagi iaitu dengan menghantar siswazah-siswazah menganggur ini untuk membuat latihan secara lebih praktikal. Contohnya ke Guangzhou iaitu bandar pengedar barang-barang yang terkenal. Beri mereka elaun satu bulan untuk sara hidup, makan minum dan rumah dan biarlah mereka belajar cara mana masyarakat Cina di sana untuk menjadi, untuk memasuki sektor peruncitan ini secara lebih berkesan lagi. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Tajul Urus. Soalan yang dibangkitkan tadi, memang kita sedar bahawa sektor peruncitan di negara China merupakan satu sektor yang begitu besar dan kita juga sedar bahawa pengurusan sektor peruncitan yang ada di negara China juga diurus oleh *hypermarket* yang dimiliki seperti pihak Carrefour, pihak TESCO dan pihak Giant yang juga mempunyai cawangan mereka di negara kita.

Dengan itu kita membuat pendekatan, elok untuk kita laksanakan program ini iaitu melatih selama enam bulan dalam negara kita. Dalam jangka masa enam bulan kita latih graduan ini, selepas itu mereka akan mempunyai peluang pekerjaan yang tetap. Maksudnya kita jamin mereka. Kita latih enam bulan, *immediately* dengan izin, *secure job* ada peluang pekerjaan dan kita bagi elaun terhadap graduan ini. Sebahagian elaun akan dibelanjakan oleh pihak *hypermarket* 70%. 40% akan disumbangkan oleh pihak kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan.

Ini sebahagian daripada langkah-langkah yang saya yakin juga membolehkan mereka didedahkan dengan pengurusan pentadbiran peruncitan di peringkat antarabangsa kerana sistem yang diamalkan di negara China juga diurus tadbir oleh pihak-pihak seperti TESCO, pihak Giant dan Carrefour yang mempunyai sistem yang *standard* seperti juga di United Kingdom. Apa yang penting, kita berhasrat dan bercita-cita agar kelak seperti apa yang saya sebutkan, anak-anak kita selepas dari mempunyai kejayaan, mereka juga berpeluang untuk mengurus tadbir *hypermarket* di luar negara kita.

3. Ir. Hiang A Li minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kajian telah dilakukan terhadap keberkesanan kempen kitar semula, apakah tahap kejayaannya dan apakah faktor utama kepada kelembapan perjalanan program ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini secara serentak bersama soalan nombor 49. Dari Ahli Yang Berhormat Dato' Seri Empiang Jabu bertarikh 24 Mei 2007 memandangkan soalan ini menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Di benarkan.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak menjalankan satu kajian yang menyeluruh bagi menilai keberkesanan kempen kitar semula yang telah dijalankan oleh kementerian. Namun begitu, melalui maklum balas yang diterima, kementerian percaya bahawa kempen tersebut yang telah dilancarkan sejak tahun 2000 telah membuahkan hasil yang membanggakan. Satu kajian tidak rasmi yang telah dijalankan oleh sebuah IPTA yang merangkumi golongan pemuda dan remaja telah menunjukkan bahawa 90% yang dikaji mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang tinggi tentang kitar semula. Kejayaan program kitar semula bergantung kepada kepekaan dan komitmen orang ramai serta pihak-pihak terlibat di dalam mengamalkan dan membudayakan konsep 3R iaitu *reduce*, *reuse* dan *recycle* dalam tugas kehidupan seharian mereka.

Sejak program kitar semula dimulakan, kesedaran masyarakat terhadap amalan kitar semula telah meningkat. Ini berdasarkan daripada pertanyaan dan sokongan yang diterima oleh kementerian daripada pelbagai pihak seperti orang awam, swasta, NGO, institusi pengajian tinggi

serta sekolah-sekolah. Pihak-pihak tersebut sedang aktif melaksanakan aktiviti kitar semula secara berjadual dan konsisten.

Selain itu, banyak artikel kitar semula dan keperluan pengurangan sampah telah diterbitkan di dalam akhbar dan majalah. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, program kitar semula merupakan program yang sentiasa berterusan dan kementerian sedang berusaha untuk mempertingkatkan lagi kejayaan program ini dengan menggunakan pelbagai cara seperti menggubal perundangan dan peraturan berkenaan kitar semula khususnya melalui Akta Rang Undang-Undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang dijangka akan dibentangkan dalam sesi Parlimen pada Jun 2007. Melalui akta ini kementerian akan diberi kuasa untuk menyelaraskan dan memperkasakan lagi segala aktiviti berkenaan dengan kitar semula. Terima kasih.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya rakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberikan jawapan yang lengkap dan juga saya ingin saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana telah dapat rancang dan juga lancarkan satu program kempen yang begitu baik seluruh Malaysia. Saya pernah buat lawatan ke negara Jerman.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat..

Tuan Ir. Hiang A Li: ...yang telah, itu berkenaan dengan soalan yang mana dia kata, saya telah diberitahu bahawa dia perlukan tempoh yang panjang supaya dapat menjayakan kempen atau program serupa ini. Soalan saya adakah pihak kementerian bercadang untuk menetapkan satu tempoh masa yang sederhana untuk menjayakan program ini supaya keseluruhan rakyat dapat kesedaran dari segi kempen kitar semula? Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kitar semula berbeza daripada satu negara kepada satu negara yang lain. Pada masa sekarang, kalau mengambil butir-butir kasar kita mempunyai lebih kurang 5% daripada sisa pepejal di kitar semula di dalam negara kita. Kita telah menetapkan satu harapan bahawa menjelang tahun 2020, negara kita akan berjaya supaya dapat mencapai kitar semula lebih kurang 20% daripada sisa pepejal yang dikeluarkan. Saya dan kementerian sedar bahawa ada negeri-negeri yang lain macam negara-negara di Barat dan Jepun di mana jumlah *percentage* kitar semula ini adalah daripada 20% sampai 40%. Kita berharap pada satu hari nanti kita akan mencapai tahap itu juga. Terima kasih.

■1040

Tuan Tan Bon You: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kita sedar bahawa kerja ini akan mengambil masa, adakah pihak kerajaan bercadang untuk melaksanakan program supaya mewajibkan pembeli sayur-sayuran ini menyediakan bakul sendiri supaya kita akan mengelakkan dari karung plastik yang digunakan berlebihan. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Kementerian tidak mempunyai kuasa di bawah perundangan untuk melaksanakan atau memaksa apa-apa tentang pengurusan sisa pepejal pada keseluruhannya. Di dalam pengurusan sistem pepejal yang dicadangkan dan yang akan dibentangkan, Kementerian akan mendapat kuasa untuk membuat apa-apa keputusan dan apa-apa cadangan yang difikir perlu untuk memastikan bahawa Program Kitar Semula ini akan berjaya.

Di dalam itu Kementerian mempunyai kuasa untuk memberitahu satu-satu pihak yang tertentu bahawa satu-satu bahan mesti dikitar semula dan mereka boleh didakwa kerana tidak mengikut apa yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Selepas penggubalan akta ini, maka Kementerian akan mendapat kuasa. Dengan melalui itu saya berharap bahawa pengurusan ini akan lebih lancar dan lebih berkesan. Terima kasih.

4. Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S Maniam minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk membantu para pekerja di ladang-ladang yang menerima gaji kurang dari RM500 sebulan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, sistem penetapan gaji ditentukan melalui persetujuan bersama di antara majikan dan pekerja. Bagi sektor perladangan, pekerja-pekerja yang diwakili kesatuan sekerja, penetapan gaji adalah melalui persetujuan yang dimeterai di dalam perjanjian bersama antara kesatuan sekerja iaitu National Union of Plantation Workers (NUPW) dan kesatuan majikan, Malayan Agricultural Producers Association (MAPA).

Perjanjian terakhir yang ditandatangani oleh kedua-dua kesatuan di atas ialah pada 18 Ogos 2005 dan ia berkuat kuasa mulai 1 Julai 2005 dan akan terus berkuat kuasa selama tempoh tiga tahun. Daripada perjanjian tersebut, gaji minimum seorang pekerja ladang ialah RM350 sebulan dan gaji maksimum pula ialah sebanyak RM1,500 sebulan. Namun demikian, jika terdapat keperluan untuk kadar gaji dikaji semula, kedua-dua pihak pada bila-bila masa boleh berbincang walaupun tempoh perjanjian bersama belum luput.

Rundingan bersama ini akan menentukan kadar gaji dan elaun-elaun insentif mengikut produktiviti dan pasaran buruh. Dalam keadaan ini Kementerian Sumber Manusia tidak ada kuasa untuk menetapkan kadar gaji dan jenis upah. Namun demikian, Kementerian Sumber Manusia sememangnya membantu dalam merundingkan untuk mendapatkan persetujuan kesatuan sekerja dan kesatuan majikan mengenai perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini, gaji pekerja-pekerja ladang yang dibayar bukan sahaja hanya gaji pokok tetapi mengandungi beberapa elemen elaun insentif yang dikaitkan dengan harga pasaran komoditi dan lain-lain elaun. Selain daripada itu, pekerja-pekerja ladang juga menikmati kemudahan percuma yang disediakan oleh majikan ladang seperti perumahan, klinik, pengangkutan anak ke sekolah, penjagaan anak di pusat asuhan kanak-kanak

secara percuma, bekalan susu percuma, dewan komuniti dan kemudahan rekreasi, peruntukan tanah untuk menternak dan bercucuk tanam.

Mengikut Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446), majikan ladang diwajibkan juga menyediakan bekalan air percuma dan bekalan elektrik percuma sekiranya majikan membekalkannya dari sumber generator sendiri. Terima kasih.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya bertanya soalan tambahan. Sebelum merdeka, pemilik ladang-ladang di negara ini ialah penjajah. Falsafah mereka adalah untuk bayar gaji rendah atau perkataan lain, menindas. Itu adalah modus operandi British. Kini selepas merdeka, ladang-ladang di negara ini seperti Guthrie, Golden Hope, Sime Darby – kepunyaan kerajaan, GLC – IOI, KLK dan lain-lain adalah kepunyaan rakyat Malaysia sendiri. Saya percaya falsafah British dahulu, kini tidak boleh pakai lagi.

Oleh itu soalan tambahan saya, sama ada Kementerian Sumber Manusia dapat merumuskan suatu mekanisme yang lebih munasabah. Di mana pekerja-pekerja ladang akan diberi imbuhan tahunan atau bonus, atau pun kemudahan-kemudahan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan, yang setimpal khususnya dalam keadaan di mana harga komoditi yang begitu tinggi sekarang, apatah lagi keuntungan syarikat perladangan amat-amat baik. *We share profit sharing.*

Takkan NUPW dan MAPA dan MEOA atau Malaysian Estate Owner Association di bawah naungan kementerian tidak dapat mewujudkan mekanisme sedemikian seperti kata pepatah "*berat sama-sama dipikul, ringan sama-sama dijinjing*" perlu menjadi prinsip Kementerian Sumber Manusia, kerana kebanyakan mereka adalah penyokong kuat kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan sudah jelas, Yang Berhormat.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin. Memang benar semasa penjajahan British dahulu, gajinya sangat rendah malah tidak sampai RM100 pun ada, tetapi sekarang apabila kita merdeka dan mempunyai kerajaan sendiri, kerajaan banyak menentukan arah aliran dan juga tujuan supaya pekerja-pekerja di semua sektor termasuklah pekerjaan di sektor perladangan ini supaya diberikan perhatian, terutama dari segi gaji dan juga kemudahan-kemudahan yang lain.

Oleh hal yang demikian, pihak Kementerian Sumber Manusia telah pun membuat pengesyoran dari segi beberapa perkara. Pertama, dari segi penetapan gaji. Kita telah mengesyorkan kepada MAPA dan juga NUPW untuk melaksanakan gaji minimum iaitu pada tahun 2003, MAPA dan juga NUPW telah bersetuju supaya pekerja-pekerja ladang terutamanya penoreh-penoreh getah dan juga pekerja ladang kelapa sawit menerima gaji minimum mereka RM300 sehingga RM350 sebulan *respectively*, dengan izin.

Namun demikian, selain daripada itu juga, sebagaimana yang telah saya jelaskan, terdapat juga insentif-insentif baru yang lain iaitu pekerja-pekerja ladang juga pada hari ini selain daripada gaji minimum yang telah saya sebutkan itu, diadakan juga imbuhan kepada tambahan perolehan yang mereka hasilkan yang dikenali dengan izin, *piece rate*. *Piece rate* ini diberi di antara 15 sen sehingga 55 sen satu tan dan di satu-satu keadaan seperti di bidang pengambilan buah kelapa sawit secara pukalnya diberi sebanyak RM12 setan.

Walaupun gaji mereka itu sebagai asasnya rendah, tetapi berasaskan kepada *piece rate* yang baik, mereka lazimnya memperolehi dua ataupun tiga kali ganda daripada jumlah gaji harian mereka. Sebab itu hari ini kalau kita lihat rata-rata pekerja ladang mempunyai perolehan antara RM700 hingga RM1,000 sebulan. Begitu juga pekerja-pekerja am seperti pekerja yang meracun, membaja, membersihkan, gaji asas mereka lebih tinggi daripada pekerjaan di sektor yang lain iaitu mereka boleh dapat asasnya RM400 hingga RM600 sebulan, ditambah dengan *piece rate* yang lain.

■1050

Jadi memang kita mempunyai prinsip yang jelas bahawa pekerja-pekerja ladang juga diupah setimpal dengan perolehan keluaran komoditi majikan-majikan yang ada di Malaysia dan kita sentiasa memantau pergerakan majikan-majikan supaya keuntungan yang diperolehi mereka juga diagih dan dipulangkan faedah balik kepada pekerja-pekerja mereka. Terima kasih.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan pendapatan pekerja ladang terlalu rendah, jadi ia menyebabkan anak-anak pekerja jarang berpeluang mendapat pendidikan tinggi. Soalan saya adakah kerajaan merancang untuk mewujudkan satu dana pembangunan sosial sebagai contoh baru-baru ini semasa Pilihan Raya Kecil DUN Ijok, Yang Berhormat Menteri Besar Selangor telah mengumumkan bantuan diberikan kepada anak-anak pekerja ladang negeri Selangor supaya kebajikan naka-anak pekerja ini terjamin.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Rawisandran. Memang kita sedar bahawa perlu ada insentif-insentif diberikan kepada anak-anak dalam melanjutkan pelajaran mereka. Kita dapati memang banyak majikan-majikan ladang yang besar-besar memberikan bantuan persekolahan dan juga biasiswa untuk melanjutkan pelajaran mereka di tempat yang lebih tinggi. Bukan itu sahaja, malah terdapat juga kerajaan-kerajaan negeri melalui syarikat ladang-ladang mereka yang memberikan insentif kepada bidang pelajaran dan pendidikan anak-anak mereka.

Selain daripada itu juga, kita dapati pekerja-pekerja juga dipantau untuk diberikan pampasan seperti mana yang diberikan pihak PERKESO di bawah Kementerian Sumber Manusia apabila penjaga ataupun ibu bapa mereka meninggal dunia, mereka ini diberikan insentif dan juga galakan malah diberikan duit pampasan. Kita berikan pampasan kepada anak-anak mereka sehinggalah anak-anak mereka ini berusia 21 tahun dalam bidang pelajaran dan

juga pendidikan. Pendek kata, ibu bapa atau penjaga yang meninggal, anak mereka dipelihara dan dibela oleh kerajaan melalui bantuan pampasan PERKESO di samping yang lain-lain yang telah saya sebutkan tadi. Terima kasih.

5. Datuk Chew Vun Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan semua kanak-kanak di negara ini mendapat pelajaran yang sewajarnya memandangkan masih terdapat segelintir golongan yang tercicir daripada arus pembelajaran perdana negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia memang prihatin tentang masalah keciciran murid-murid di negara ini. Keciciran yang berlaku tidak semestinya murid-murid terus meninggalkan pendidikan. Sebaliknya mereka meneruskan pelajaran di sekolah-sekolah bukan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia contohnya *homeschooling* dengan izin, belajar di sekolah-sekolah yang tidak berdaftar seperti madrasah dan juga mengikuti keluarga berhijrah ke luar negara. Namun demikian, terdapat juga murid-murid yang terus meninggalkan dunia pendidikan kerana tidak berminat terhadap pelajaran, masalah kesihatan dan juga memasuki alam pekerjaan.

Sungguhpun begitu, Kementerian Pelajaran terus berusaha untuk mengurangkan kadar keciciran pada semua peringkat pendidikan dan berusaha mengenal pasti jumlah keciciran sebenar daripada sistem pendidikan negara. Sehubungan itu juga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kadar penyertaan murid-murid dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran. Antaranya ialah:

- (i) menguatkuasakan pendidikan wajib;
- (ii) memperluaskan mata pelajaran vokasional (MPV) di sekolah-sekolah harian;
- (iii) memperbanyakkan program motivasi;
- (iv) menjalinkan program permuafakatan antara warga sekolah dan komuniti;
- (v) memperkenalkan pentafsiran dan penilaian yang sesuai; dan
- (vi) menyediakan sistem penyampaian alternatif berorientasikan *Emotional Quotient (EQ)* dengan izin dan kebolehan murid-murid.

Selain itu juga kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada murid-murid yang tidak berkemampuan, menyediakan pelbagai bentuk program pemulihan khas termasuk menyediakan perjawatan guru pemulihan dan juga program-program intervensi. Kemudahan asrama juga merupakan usaha untuk mengatasi masalah keciciran. Kementerian Pelajaran berkeyakinan langkah-langkah tersebut akan dapat mengatasi masalah keciciran di kalangan murid-murid. Terima kasih.

Datuk Chew Vun Ming: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah masalah pelajar-pelajar luar bandar yang berjalan kaki sejauh beberapa kilometer ke sekolah dapat diselesaikan terutamanya di negeri Sabah.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan satu bajet yang begitu besar untuk merapatkan kualiti pendidikan di antara bandar dan juga luar bandar. Sebahagian daripada bajet ini adalah untuk memastikan bahawa semua sekolah tak kira aliran ataupun tak kira lokasi mempunyai kemudahan-kemudahan asas termasuk juga seperti elektrik dan air. Satu lagi langkah yang telah diambil oleh kerajaan adalah untuk mewujudkan sekolah pusat dan satu telah pun diadakan di Pulau Bum Bum di negeri Sabah di mana kerajaan cuba membawa pelajar-pelajar daripada sekolah-sekolah kecil pada satu tempat dengan kemudahan asrama. Kami dapati bahawa ini adalah satu pendekatan yang boleh diambil sekiranya ada persetujuan daripada pihak ibu bapa dan juga daripada pihak komuniti setempat untuk menutup sekolah dan mencantumkan sekolah jadikan satu sekolah pusat dengan kemudahan asrama demi meningkatkan kualiti pendidikan dan juga akses kepada pelajaran untuk pelajar-pelajar khususnya yang bertempat di kawasan luar bandar. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya memfokuskan kepada masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada 110,000 orang. Kalau dilihat tahap keciciran anak-anak Orang Asli adalah begitu tinggi. Apakah strategi secara holistik pihak kementerian untuk memberi fokus yang khusus agar keciciran di kalangan anak-anak Orang Asli ini dapat diatasi dengan secepat mungkin. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian sedar bahawa kadar keciciran wujud di kalangan pelajar-pelajar Orang Asli dan beberapa langkah telah pun diambil dan kajian juga telah pun dibuat. Kementerian sangat giat dengan program-program *outreach* dengan izin, untuk membuat program intensif kepada pelajar-pelajar dan juga ibu bapa. Kami selalu memberi nasihat kepada ibu bapa sekiranya mereka ingin memancing ikan, memburu ataupun menjalankan kegiatan pertanian, kalau boleh jangan keluarkan anak-anak mereka sewaktu sekolah tapi mereka boleh mengambil keluar anak-anak mereka daripada sesi sekolah sebaik sahaja sesi sekolah tamat.

Selain daripada itu, kami sediakan kemudahan asrama dan kami juga sedang mengkaji kemungkinan bahawa reka bentuk sekolah juga perlu diubahsuai supaya lebih sesuai dengan *environment* dengan izin, Orang Asli. Pada masa yang sama, kami dapati bahawa ramai ada juga segelintir pelajar-pelajar Orang Asli yang mengalami *learning disability* dengan izin dan program-program tertentu sedang dijalankan untuk pelajar-pelajar yang mengalami kesusahan dari segi pembelajaran. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah setakat ini, berapakah jumlah keciciran murid-murid di peringkat tahun enam (UPSR), tingkatan tiga (PMR) dan tingkatan lima (SPM)? Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak ada statistik angka-angka yang terperinci tapi secara purata saya ada iaitu jumlah keciciran untuk sekolah rendah dianggarkan seramai 6,966 orang ataupun 1.4% dari kira-kira tiga juta pelajar.

■1100

Bagi sekolah menengah pula, jumlah keciciran adalah dianggarkan seramai 43,924 ataupun 10.9% daripada pelajar sekolah menengah seramai 2 juta. Terima kasih.

6. Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta Perdana Menteri menyatakan sehingga ini adakah wujud suatu garis panduan yang membolehkan para ibu bapa di kalangan penjawat jawatan awam ditempatkan tidak berjauhan dari keluarga mereka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, penempatan seseorang penjawat awam adalah berdasarkan kepada wujudnya sesuatu jawatan, kekosongan jawatan, kesesuaian pegawai dalam sesuatu jawatan dan kompetensi yang dimiliki oleh seseorang pegawai serta mengambil kira kepentingan perkhidmatan. Tiada garis panduan yang menetapkan supaya penjawat awam ditempatkan tidak berjauhan dari keluarga mereka. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes tertentu, faktor keluarga akan diambil kira dalam membuat sesuatu keputusan mengenai penempatan pegawai. Untuk makluman Yang Berhormat, selain dari dasar penempatan yang saya sebutkan tadi, pihak-pihak yang berkuasa menempatkan pegawai-pegawai sentiasa prihatin agar faktor ibu bapa diambil kira juga seberapa yang mungkin sewaktu menempatkan pegawai-pegawai atau penjawat awam.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Puan Nordiana.

Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah sekiranya penempatan seseorang kakitangan awam ini tidak mengambil kira soal kebajikan keluarga, bagaimana dengan prestasi kerja mereka terutamanya di kalangan guru-gurulah yang dapat saya lihat sekarang ini terutama golongan guru muda seperti saya ibu-ibu muda yang mempunyai anak yang apabila suaminya ditukar ke negeri lain, isteri terpaksa menjaga anak ataupun berjauhan daripada anak itu memakan masa bertahun-tahun lamanya untuk pertukaran. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari segi dasar saya dah sebut tadi iaitu yang penting kepada kita ialah wujudnya sesuatu jawatan di situ dan kalau kita jadikan ianya sebagai satu dasar, ia menjejaskan yang lain-lain semua sekali, bukan sahaja satu perjawatan. Umpamanya saya bagi contoh, kalau seorang penjawat jawatan tentera laut umpamanya dia ditempatkan di Pulau Layang-layang, jadi isterinya umpamanya seorang guru nak pergi Pulau Layang-layang pula. Jadi, kalau kita jadikan dasar, maknanya kita kena teruskan begitu dan yang keduanya ialah sewaktu kita mengambil pegawai dan kakitangan

itu, mereka belum lagi timbul masalah ini. Ini timbul setelah dah berkahwinlah baru timbul masalah ini. jadi waktu temu duga itu kata kalau kita tanya dia, dia kata ke mana pun tak apa. Tak ada masalah, pergi ke hulu banat pun tak apa. Tapi bila dah kahwin ini dia banyak akal sangat dah, banyak akal. Ini yang jadi masalah sebenarnya, sebab itu dalam menempatkan perkara ini, saya dah sebut tadi pihak berkuasa sentiasa prihatin kepada perkara ini, bagi peluang. Kita kalau boleh dekat, dekat. Kalau boleh kita nak buat pejabat depan rumah pun supaya...[Ketawa]

Jadi, keadaan-keadaan seperti ini memang kita prihatin. Tetapi oleh kerana yang lebih penting kepada kita ialah perkhidmatan kerana perkhidmatan kita kepada rakyat, kepada negara ini. Itulah lebih penting dalam sewaktu kita mengangkat sumpah sebagai aku janji untuk berkhidmat sebagai pegawai dan kakitangan kerajaan. Tapi kemudahan-kemudahan lain tak dapatlah kita nafikan banyak. Macam guru, semalam pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri umumkan pelbagai tabung kewangan, tabung amanah dan sebagainya, tambahan jawatan-jawatan untuk kenaikan pangkat dan sebagainya banyak Yang Berhormat. Jadi yang ini adalah sebagai serpihan kecil sahaja. Ada lagi masalah beberapa orang. Walau bagaimanapun pegawai kita memang bagi perhatian tentang masalah penempatan ini supaya kalau keluarga itu dekat memanglah lebih baik lagi tapi kadang-kadang dekat pun ada masalah juga ya. Dia tak pergi pejabat, dia duduk di rumah sahaja ya. Jadi, ada! Ini pegawai-pegawai ini pengalaman kita Tuan Yang di-Pertua, ada juga kalau dekat. Kalau jauh bagus sikit pun ada juga. Jadi ini adalah kehendak alamlah. Apa nak buat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ya, Puan Mumtaz.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan saya, walaupun kita mengatakan bahawa memanglah pada peringkat awal tidak ada masalah dari segi peletakan di mana tempat pun, tapi adakah kementerian menyedari tentang wujudnya sekurang-kurangnya kalau di Kelantan satu bas yang akan berulang setiap hari daripada Kota Bharu ke Kuala Terengganu kerana kebanyakan daripada pegawai ini, anak-anak telah pun besar dan telah pun bersekolah di Kelantan. Yang saya bimbangkan ialah dari segi kalau tidak dibuat satu pemantauan dari segi keselamatan kerana satu bas ini akan berulang ataupun dua bas dari Kota Bharu akan berulang daripada pukul lima pagi untuk sampai ke Kuala Terengganu pada pukul lapan pagi dan mereka juga akan pulang balik pada waktu malam. Jadi, sekiranya pihak kerajaan mempunyai apa-apa insentif...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan, soalan Yang Berhormat.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Jadi, saya tanya sekarang adakah pihak kerajaan menyedari tentang perkara ini dan sekiranya menyedari, dari segi keselamatannya apakah langkah-langkah yang akan dibuat sekiranya perkara ini disedari oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya pun kurang jelas tentang satu bas ulang-alik ini daripada Kota Bharu ke Kuala Terengganu ini. Mungkin kerana mereka ada rumah di Kota Bharu, jadi bekerja di Terengganu maka mereka kena berulang aliklah. Jadi kalau lagu tu, inisiatifnya ialah pegawai itu kena pergi pindahlah ke Kuala Terengganu. Dia duduk di situ tak payahlah dia berulang pakai bas lagi. Sekarang ini inisiatifnya mesti datang daripada kerajaan sahaja, bukan daripada pegawai-pegawai itu sendiri Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini masalahnya, lagi satu kita kena fikir tentang kekosongan jawatan juga. Kalau tak ada jawatan, macam mana kita nak buat sebab nak bayar gaji, nak bayar elaun dan sebagainya. Jadi sebab itu saya kata tadi dalam dasar yang kita pakai supaya wujudnya jawatan di situ, ada kekosongan. Kalau tak ada kekosongan tak boleh. Ini berlaku bukan sahaja dari segi jawatan-jawatan yang kita kata profesional tapi jawatan-jawatan lain pun begitu juga kerana ada tempat dia sebahagian kecil sahaja jawatan wujud tetapi oleh kerana ramai orang berasal dari tempat itu khususnya orang Kelantan ini ramai dalam pegawai perkhidmatan kerajaan ini, jadi dia ada masalah sebab nak balik ke Kota Bharu. Tapi ramai juga yang tak mahu balik. Terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Saya bimbang masalah keselamatan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Cukup, cukup.

7. **Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta Menteri Luar Negeri menyatakan selaku Pengerusi OIC, apakah pencapaian Malaysia dalam memenangi isu-isu antarabangsa terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan negara-negara OIC.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan di atas soalan yang telah dikemukakan. Sejak menjadi Pengerusi Sidang Kemuncak OIC mulai Oktober 2003, Malaysia telah berusaha keras ke arah memartabatkan imej Islam di persada dunia. Usaha-usaha tersebut termasuk langkah-langkah yang diambil bagi membuka peluang kepada negara-negara anggota OIC untuk berdikari tanpa terlalu bergantung kepada bantuan dari luar masa hadapan dengan memberi penekanan kepada program dan aktiviti kerjasama ekonomi dan pembangunan sosial. Ini kerana kita sedar bahawa kelemahan ekonomi di kalangan sebahagian negara-negara anggota OIC iaitu 24 daripada 57 negara anggota OIC adalah negara mundur adalah antara penyumbang utama kepada pelbagai krisis dan masalah di negara-negara tersebut.

Kebergantungan banyak negara-negara anggota mengakibatkan mereka mudah dikenakan tekanan dan tidak bebas bersuara. Program Bina Upaya atau dengan izin *Capacity Building* telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2005 untuk negara-negara anggota OIC yang layak bagi membina dan memajukan ekonomi negara-negara yang miskin dan mengurangkan kebergantungan mereka kepada bantuan luar. Di bawah

penerajuan Malaysia juga, kita telah berusaha menggalakkan proses dialog dengan dunia luar dan pihak Barat agar mereka faham nilai-nilai ajaran Islam yang sebenar dan mengelakkan tanggapan negatif mereka tentang Islam.

Penganjuran program *Who Speaks for Islam and Who Speak for The West* di Kuala Lumpur serta penglibatan Malaysia di pelbagai forum antarabangsa termasuklah berhubung isu yang sama adalah merupakan sumbangan Malaysia bagi meningkatkan imej Islam dan menggalakkan interaksi yang sihat melibatkan pelbagai tamadun, budaya, cara hidup dan agama di kalangan masyarakat antarabangsa. Malaysia turut memainkan peranan menangani isu keganasan dan menganjurkan sesi khas Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) yang telah diadakan pada tahun 2002. Pendekatan Islam Hadhari yang diamalkan di Malaysia juga menekankan kesederhanaan dan menolak elemen keganasan juga telah diterima dan diiktiraf oleh negara-negara OIC semasa Sidang Kemuncak Khas Ketiga OIC pada Disember 2005.

■1110

Penerimaan pendekatan Islam Hadhari ini juga mencerminkan sokongan negara-negara anggota terhadap pendirian bahawa umat Islam perlu bersifat progresif dalam menghadapi cabaran semasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Roslan bin Awang Chik selepas itu Datuk Soon Tian Szu.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada isu-isu ekonomi juga terdapat isu-isu penindasan berlaku seperti di Selatan Thailand. Apa telah terjadi kepada 131 orang di Selatan Thailand? Adakah mereka masih menetap di Malaysia ini dan apakah kepada penindasan-penindasan di Dafur, Sudan dan sebagainya? Macam manakah Malaysia boleh memainkan supaya penindasan ini selaras dengan kehendak Islam itu sendiri? Terima kasih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih lagi di atas soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Mengenai Selatan Thailand, Malaysia sentiasa menunjukkan keprihatinan kita terhadap pergolakan yang berlaku di Selatan Thailand kerana ia menyentuh sensitiviti kita di sebelah sini. Tentang sejumlah mereka yang dikatakan berada di dalam negara kita, kita telah memberi pilihan kepada mereka sama ada untuk pulang ataupun untuk terus berada di sini dan kita tidaklah memaksa mereka untuk pergi ke sana.

Mengenai beberapa isu penindasan yang lain. Di Dafur sendiri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini dalam kunjungannya ke Sudan, beliau telah berkesempatan untuk terus turun ke padang melawat Dafur dan melihat sendiri situasi yang berlaku dalam negara tersebut dan dalam konteks ini Malaysia berpendirian bahawa isu Dafur harus ditangani oleh OIC dan menerima pandangan Sudan bahawa isu ini tidak sepatutnya sampai ke peringkat Bangsa-

Bangsa Bersatu untuk campur tangan dan menghantar tentera pengaman kerana mereka merasakan bahawa isu Dafur harus diselesaikan di peringkat negara-negara anggota OIC ataupun pihak *African Union* ataupun Kesatuan Negara-negara Afrika tanpa perlu campur tangan kuasa-kuasa barat di sana. Terima kasih.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tadi telah ditanya tetapi saya hendak ubah sedikit boleh ya. Cuma saya hendak tanya selaku Pengerusi OIC setakat ini daripada segi perdagangan apakah pencapaian negara kita selaku pengerusi dalam perdagangan untuk negara kita? Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Kita menyedari bahawa hubungan perdagangan dengan negara-negara OIC adalah merupakan satu potensi yang sangat besar. Sehingga sekarang jumlah dagang misalnya antara Malaysia dengan negara-negara OIC ialah sebanyak USD22 bilion, satu jumlah yang besar dan telah meningkat lebih daripada 16% kalau berbanding dengan tahun 2005. Angka yang saya berikan tadi ialah angka 2006. Ini bermakna bahawa potensi negara OIC dari segi perdagangan adalah satu potensi yang besar. Ketika lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Sudan baru-baru ini ia menyatakan tentang *preferential tariff* bagaimana untuk mengurangkan tarif, batasan-batasan tarif antara negara-negara OIC.

Sehingga sekarang kita telah melaksanakannya dengan Jordan dan akan kembangkan lagi tentang soal untuk mengurangkan batasan tarif dengan banyak lagi negara-negara OIC. Ini adalah satu perkembangan yang baik dan di Malaysia sendiri kita rasakan bahawa di bawah teraju Malaysia, imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam begitu baik sekali. Sebab itulah kalau kita lihat sekarang ini minat negara-negara Islam negara Arab misalnya untuk datang melabur di sini untuk berkunjung ke sini. Misalnya Arab Saudi misalnya dalam angka bilangan pengunjung ataupun pelancong mereka yang datang ke Malaysia pada tahun lepas ialah lebih daripada 53,000 orang yang datang dan seorang daripada mereka dikatakan berbelanja atas purata RM6,800 satu orang.

Itu bermakna kita mendapat kemasukan wang lebih daripada RM350 juta dan mereka ini datang dimanfaatkan untuk semua bukan kata mereka datang hanya pergi ke negeri yang ramai orang Islam tetapi seluruh Kuala Lumpur, di Sunway, di Genting dan sebagainya. Banyak bank dan institusi kewangan negara-negara Islam ataupun negara Arab yang kita lihat sedang dibuka di Kuala Lumpur. Ini menandakan bahawa penerimaan kepimpinan Malaysia sebagai Pengerusi OIC sudah begitu meluas dan hinggakan sepatutnya kita sudah mengakhiri kepimpinan kita sebagai Pengerusi OIC pada tahun 2006 tetapi negara lain yang sepatutnya mengambil meminta ditangguhkan dan Malaysia meneruskan kepimpinan ini sehingga tahun 2008. Ini menunjukkan keyakinan dunia Islam dan masyarakat antarabangsa mengenai kepimpinan Malaysia. Terima kasih.

8. Dato' Yip Kum Fook minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mengenakan caj menaik (*rising scale*) kepada pengguna elektrik

yang menggunakan elektrik secara berlebihan sedangkan sepatutnya TNB mengenakan caj menurun (*sliding scale*) untuk menggalakkan penggunaan barangan elektrik yang menjadi petanda tahap kemajuan sesebuah negara.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, langkah mengenakan kadar tarif elektrik kepada skala menaik kepada sektor domestik adalah selaras dengan prinsip supaya pengguna yang mempunyai tahap penggunaan yang tinggi perlu membayar kos yang lebih tinggi atau lebih dikenali sebagai *user pay concept*, dengan izin. Langkah ini tidak bermaksud untuk menekan pengguna malahan mempunyai tujuan murni untuk menggalakkan rakyat menggunakan elektrik dengan cekap bagi mengelakkan pembaziran. Seperkara lagi kerajaan juga ketika menimbangkan penstrukturan tarif mengambil kira serta memberi perhatian serius kepada pengguna-pengguna elektrik yang berpendapatan rendah yang hanya menggunakan elektrik untuk kemudahan asas seperti lampu, TV, peti sejuk agar tidak membebankan mereka.

Dengan mengambil langkah-langkah *demand side management* seperti ini jangka hayat sumber tenaga yang ada seperti gas asli, arang batu dan minyak yang digunakan bagi penjanaan elektrik dapat dipanjangkan supaya dapat dinikmati oleh generasi-generasi akan datang. Pandangan Ahli Yang Berhormat supaya rakyat menggunakan peralatan elektrik secara menyeluruh selaras dengan tahap kemajuan negara dan kualiti hidup rakyat adalah baik. Walau bagaimanapun kerajaan juga ingin melihat penggunaan peralatan elektrik yang cekap tenaga dengan lebih meluas. Penggunaan peralatan yang cekap tenaga akan membantu pengguna mengurangkan penggunaan elektrik dan seterusnya mengurangkan kos elektrik yang perlu dibayar.

Sebagai contoh pengguna akan menjimatkan kos elektrik sebanyak 25% dengan menggunakan peti sejuk cekap tenaga berbanding dengan peti sejuk biasa. Dalam konteks ekonomi secara keseluruhannya penjimatan kos ini bukan sahaja menguntungkan para pengguna malah turut menguntungkan negara dengan mengurangkan keperluan untuk menjana elektrik bagi memenuhi permintaan para pengguna. Oleh yang demikian rakyat seharusnya menyokong usaha kerajaan untuk menggunakan tenaga elektrik secara berhemah untuk kebaikan negara dan rakyat keseluruhannya dan juga kesejahteraan generasi yang akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Yip Kum Fook seterusnya Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, tahniah dan syabas di atas jawapan. Walau pun kini penggunaan barangan elektrik sudah meluas, ramai ada lebih daripada satu peti sejuk atau TV dan sebagainya. Ini telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Jika kadar elektrik terlalu tinggi pengguna akan mencari jalan untuk mengurangkan penggunaan elektrik dan ini

akan merugikan TNB dalam jangka panjang. Soalan tambahan saya ialah jika TNB ada rizab elektrik yang banyak tetapi tidak digunakan ia akan merugikan TNB juga akhirnya. Penggunaan yang tinggi telah membantu TNB mendapatkan keuntungan kerana rizab elektrik yang tidak digunakan berlebihan itu tidak boleh disimpan.

Jadi TNB mesti mencari cara untuk menggalakkan lebih banyak penggunaan elektrik. Soalan tambahan saya ialah adakah kerana *rising scale* ini dengan izin telah menyebabkan pengusaha industri menghadapi masalah untuk membayar bil elektrik mereka dan apakah langkah yang diambil untuk membantu mereka dan juga TNB untuk mencari jalan penyelesaian? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat, walaupun terdapat rizab margin dalam pembekalan tenaga negara ini pada hari ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, pihak Tenaga Nasional menjual lebih elektrik ini kepada negara Thailand dan ini dapat membantu mengurangkan rizab margin yang ada pada hari ini.

■ 1120

Sebagaimana yang saya nyatakan juga tadi, antara sebabnya mengapa kita hendak meminta rakyat ataupun pengguna untuk menjimatkan tenaga elektrik adalah supaya memastikan jangka hayat sumber tenaga yang ada seperti gas asli, arang batu dan minyak yang digunakan bagi penjanaan elektrik dapat dipanjangkan supaya dapat dinikmati lebih lama bagi generasi-generasi yang akan datang, terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan tambahan saya ialah, di negara kita ini terdapat lebih kurang 60,000 pengguna yang dikategorikan sebagai pengguna elektrik secara berlebihan ataupun *high power consumers*. Saya ingin bertanya apakah berlaku yang dikatakan sebagai *power theft* maksudnya mereka mencuri elektrik ini khususnya di kalangan pengilang-pengilang. Bagaimana ia dipantau dan apakah ada undang-undang khusus untuk tindakan diambil terhadap *high power consumers* yang mencuri tenaga elektrik ini.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Dewan, walaupun banyak aduan ataupun *complaint* yang kita terima mengatakan kebanyakan mereka yang mencuri ataupun membuat gangguan kepada meter elektrik ini merupakan pengguna-pengguna kecil domestik. Namun tidak dapat saya nafikan di dalam Dewan ini terdapat juga pengguna-pengguna yang menggunakan elektrik secara pukal yang kita namakan sebagai LPC, dia menggunakan secara besar dan mereka ini juga membuat gangguan kepada meternya, ini satu kecurian, mencuri tenaga dan untuk mengurangkan daripada berlakunya perkara ini, maka pihak tenaga telah meminta *large power consumers* ini supaya mereka ini diadakan *remote metering*.

Maknanya pihak Tenaga boleh melihat sendiri di pejabat Tenaga Nasional Berhad bagaimana trend penggunaan bekalan elektrik bagi kilang-kilang ini dengan cara itu maka,

dapatlah Tenaga Nasional mengenal pasti bahawa kilang-kilang ini ataupun *large power consumer* ini tidak mencuri bekalan-bekalan elektrik kerana ini adalah menyalahi undang-undang. Jika berlaku kesalahan mencuri bekalan tenaga elektrik ini, maka tindakan undang-undang bolehlah diambil iaitu denda sebanyak RM100,000 ataupun penjara tiga tahun ataupun kedua-dua sekali boleh diambil dan di masa yang sama pihak tenaga juga boleh membawa syarikat ini ke mahkamah supaya mereka membayar balik segala kos kerugian yang dialami oleh pihak Tenaga. Ini yang dilakukan oleh Tenaga pada hari ini dan aturan undang-undang yang sedia ada untuk membantu Tenaga untuk mengurangkan masalah kecurian tenaga bekalan elektrik pada hari ini, terima kasih.

9. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah jumlah keseluruhan dan jenis (jenama) kereta-kereta yang masih lagi diimport bagi tahun 2005 sehingga 2006.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan kereta yang diimport pada tahun 2005 ialah 50,857 unit. Pada tahun 2006, ialah 38,121 unit. Terdapat 43 jenama kereta yang diimport ke dalam negara yang terdiri daripada kereta penumpang salon, kenderaan dua guna, kenderaan pelbagai guna (MPV), kenderaan utiliti sukan (SUV) dan pacuan empat roda *or four wheel drive*. Mengikut jenama utama adalah Toyota, Hyundai, Kia, Chevrolet, Mitsubishi, Suzuki, BMW, Mercedes, Honda, SsangYong, Volkswagen, Ford OT, Mazda, Peugeot dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah kereta yang dibawa masuk pada 2006 merosot kerana terdapat beberapa model yang di bawah jenama Kia, Hyundai dan SsangYong yang telah dipasang secara CKD di dalam negara. Yang kedua keadaan pasaran kereta penumpang yang lembap akibat yang pertama, penurunan harga kereta terpakai yang menyukarkan tukar beli kereta lama kepada kereta baru. Kedua kesukaran mendapat pinjaman, ini sahaja sekian terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, daripada kereta-kereta yang di import masuk ini berapakah jumlah syarikat yang telah diberi AP untuk mengimport kereta-kereta dan bilakah kerajaan bercadang untuk memansuhkan pemberian AP ini, terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, bilangan AP terbuka ialah untuk Semenanjung - 36, Sarawak - 29, Sabah - 12. Jumlah untuk AP terbuka adalah 77 dan untuk AP francais adalah 31. Jumlah besar untuk AP untuk pengimportan kereta adalah 108 sahaja. Mengikut Dasar Automotif Nasional, sistem AP akan ditamatkan pada 31 Disember 2010, sekian terima kasih.

10. Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah strategi agensi penguatkuasaan JPJ di seluruh negara selain daripada membuat sekatan jalan raya dan menyamar di dalam mengesan pemandu-pemandu yang memandu semua jenis kenderaan tanpa lesen, pemandu khayal atau mabuk, pemandu teksi dan bas untuk tujuan jenayah dan berapakah jumlah Pegawai Penguatkuasa JPJ mengikut negeri di seluruh negara sehingga April, 2007 dan jumlah kekosongannya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob bin Haji Mohammad yang telah mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini cara sekatan di jalan raya dan juga penyamaran masih merupakan strategi utama JPJ dalam menguatkuasakan Undang-undang Jalan Raya sama ada ke atas pemandu yang tidak mempunyai lesen, memandu di bawah pengaruh dadah atau alkohol dan juga pemandu teksi dan bas bagi tujuan menyalahi undang-undang di atas jalan raya. Selain daripada itu, kementerian dengan kerjasama JPJ pada masa ini sedang dalam proses untuk memperkenalkan satu sistem pengesanan kesalahan lalu lintas secara automatik atau dikenali sebagai dengan izin *automated enforcement system*. Melalui sistem ini kelak, kesalahan-kesalahan lalu lintas akan dapat ditingkatkan pada kadar 90% berbanding 25% pengesanan semasa kini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan April 2007, JPJ mempunyai sebanyak 2,912 perjawatan bagi Pegawai Penguatkuasa di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,491 perjawatan yang telah diisi, sementara 421 jawatan lagi masih belum diisi. Untuk pengetahuan Dewan, saya ada pecahan dari segi jawatan bagi JPJ di negeri-negeri, saya akan serahkan kepada Yang Berhormat kerana kalau saya pergi satu persatu dia banyak *grading*, memakan masa sedikit, saya serahkan senarai ini kepada Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Dato' Seri Tengku di atas jawapan tadi. Tuan Yang di-Pertua, mengikut fakta yang ada, jumlah kenderaan yang didaftarkan dalam tempoh 10 tahun kini ialah hampir 17 juta. Dalam tempoh 10 tahun tersebut, kemalangan - *accident* telah berlaku 3.1 juta yang mana melibatkan kematian angka hampir 80,000. Ini amat menakutkan.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah pandangan Yang Mulia Tengku dengan fakta yang serius ini, apakah lagi yang boleh dibuat oleh kerajaan di samping tindakan-tindakan yang sedia ada agar kadar kemalangan, kadar kematian dapat kita kurangkan.

■1130

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Pada pandangan saya memanglah tepat apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Bagi saya tindakan dari segi penguatkuasaan. Penguatkuasaan ini bukan sahaja menggunakan pegawai-pegawai dan juga menggunakan pelbagai peralatan canggih. Ini memerlukan satu peruntukan yang besar, dan saya merasakan juga bahawasanya kerjasama daripada pihak polis dan juga jabatan-jabatan lain.

Kita juga pada hari ini adanya satu Jabatan Keselamatan Jalan Raya yang mana kita banyak menekankan kepada persoalan, mendedahkan anak-anak muda kita di peringkat awal daripada sekolah lagi dari segi mereka untuk mempelajari dan cara mereka hendak menggunakan jalan raya apabila mereka sampai ke satu umur dewasa. Jadi ini adalah satu-satu jalan yang kita mengharapkan akan memberi kesan untuk kita menyelamatkan banyak lagi nyawa pengguna jalan raya kita pada hari ini.

Kita tidak boleh menafikan bahawasanya kenderaan bertambah dari satu masa ke satu masa. Kalau kita menengok dari segi pendaftaran kenderaan pada hari ini. Kereta-kereta baru yang didaftarkan adalah tidak kurang dari satu juta setahun. Ini juga adalah sesuatu menggerunkan juga kerana begitu banyak kereta yang menggunakan jalan raya pada hari ini. Kalau Yang Berhormat tengok dari segi pegawai penguatkuasaan hanya ada 2,900 untuk mengawal 15 juta kenderaan yang ada di dalam negara kita pada hari ini dan sesuatu yang perlu kita renung dan buat kajian berapa ramai lagi pegawai JPJ [*Masalah rakaman*]. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, kemudian Yang Berhormat bagi Puan Mumtaz binti Md Nawi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah kemalangan yang membabitkan bas ekspres yang dipandu laju ini semakin menjadi-jadi sekarang ini. Jadi saya ingin bertanya, tidakkah kerajaan bercadang untuk menghidupkan semula penggunaan kotak hitam yang pernah digunakan dahulu atau pun sekurang-kurangnya memasang *alarm* di bas berkenaan. Iaitu apabila melebihi had kelajuannya, ia akan berbunyi yang memberi peringatan kepada pemandu dan juga penumpang bas bahawa dia melampaui had kelajuan. Sebab ini yang menjadi masalah tentang bas-bas ekspres yang dipandu laju ini.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan itu baik, jadi kita pada hari ini juga telah tengok pada teknologi-teknologi lebih canggih untuk kesan kelajuan, sama ada dia di bawa untuk bas ekspres atau pun untuk kenderaan biasa. Jadi saya rasa ini memang masih dalam kajian kita menerusi teknologi-teknologi yang terkini terdapat hanya dengan lebih berkesan. Saya terima pandangan. Tapi soal *black box* itu rasa saya ada lagi alat-alat yang lebih canggih daripada *black box* yang boleh kita gunakan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Puan Mumtaz binti Md Nawi.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan telah pun membuat kajian perbandingan yang membandingkan antara negara-negara asian dan negara-negara maju tentang faktor kurangnya kemalangan di negara mereka berbanding dengan negara kita agar kajian ini boleh diaplikasikan dalam negara untuk mengurangkan kes kemalangan.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada angkanya pada hari ini tapi setahu saya kalau hendak bandingkan kita dengan negara-negara jiran kita atau pun selain daripada Singapura, boleh dikatakan kita antara yang terbaik. Kerana kita merekodkan setepat-tepatnya dan kita mendapat angka yang untuk memberi kesedaran kepada masyarakat kita.

Ada di separuh-separuh negara, banyak lagi kemalangan yang berlaku tetapi kebanyakannya tidak direkod, tapi kita yang dikatakan adalah sebuah negara yang telah merekodkan segala kemalangan yang berlaku di dalam negara kita. Jadi saya rasa kita ke arah atau menuju ke satu tindakan yang mana kita begitu serius tentang kemalangan yang berlaku dalam negara kita. Terima kasih.

12. Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan institusi-institusi kewangan agar memberitahu pelanggan apakah kos sebenar pinjaman mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat secara amnya, institusi perbankan dikehendaki memaklumkan kepada peminjam kadar faedah sebenar atau pun efektif kadar keuntungan bagi pinjaman secara perbankan Islam bagi kemudahan kredit yang ditawarkan. Bagi pinjaman perumahan yang ditawarkan oleh institusi perbankan kadar faedah yang dikenakan dinyatakan dalam surat serta terma dan syarat-syarat perjanjian perumahan. Kadar faedah pinjaman dikenakan atas peminjam dalam bentuk peratusan daripada jumlah pinjaman dan lazimnya terbahagi kepada:

- (i) kadar faedah terapung iaitu kadar faedah yang dikenakan boleh berubah akibat kenaikan atau kejatuhan sesuatu kadar rujukan seperti kadar pinjaman asas; dan
- (ii) kadar sama rata iaitu kadar faedah dikenakan sebagai peratusan tetap atas sesuatu pinjaman pada sepanjang tempoh pinjaman.

Bagi pembiayaan sewa beli, Akta Sewa Beli 1967 memperuntukkan bahawa semua perjanjian sewa beli perlu menyatakan kadar peratusan tahunan bagi semua barangan pengguna, bagi semua jenis kenderaan bermotor.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh saya ganggu sebentar. Saya rasa penekanan terhadap pertanyaan itu, pertanyaan adalah menjuruskan kepada penekanan dan apabila ditekankan kadar faedah, kadar faedah, kadar faedah, kos sebenarnya tenggelam. *The thrust of the question is*, mengapa tidak pinjaman tuan RM100 kadar faedah tuan 3% maka kos sebenar tuan ialah RM400.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas teguran itu. Sebenarnya kalau ikut, dia ada dua cara. Satu *conventional* dan satu lagi *Islamic*. Yang *Islamic*

itu dia memang jelas, dia jual lepas itu dia beli balik. Jadi yang itu memang jelas dia tunjuk berapa kos atau berapa untung yang telah dibuat oleh bank, tapi bagi soal *conventional* dia tidak di sebut. Dia cuma disebut *BLR plus* dengan izin, berapa *percent to percent* atau pun *flat rate* untuk kenderaan *flat rate*. Contohnya kita beli, pinjaman kereta, katakan *flat rate* 4% maknanya 4% *over* tujuh tahun. Jadi maknanya $7 \times 4\% = 28\%$ dia kena bayar. Maknanya kalau dia pinjam RM100,000 maka selepas tujuh tahun yang sebenarnya bayar RM128,000. Itu makna jelas.

Bagi pinjaman perumahan contohnya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *sliding skill*. Walau bagaimanapun, katakan *BLR* katakan sekarang ini *BLR* 6.75%, kebanyakan bank ada bank-bank yang caj 6.8%, tapi ini di *apply sliding skill* dengan izin Tuan Yang di-pertua, maknanya *average out* dia akan menjadi 4% juga. Jadi maknanya, nampak tinggi tapi sebenarnya apabila di *average out* di jadi lebih kurang 4% juga. Jadi untuk pinjaman kereta dia kali *over the principle* Tuan Yang di-Pertua, maknanya dia tidak kira *sliding skill* dia kira *principle*. Jadi seperti saya sebut tadi kalau 4%, 7 tahun, dia kena bayar 4% x 7 tahun, RM28,000, *over the principles*. Dia tidak kurang. Kiranya lebih kurang sama sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dari segi pengiklanan dan sebagainya selalu bank-bank ini mengatakan bahawa lebih-lebih pinjaman sewa beli di mana dikata 3%, 4% dan sebagainya, tapi kita tahu apabila tentang pinjaman-pinjaman dikira secara tahun. Jadi, macam tadi Yang Berhormat kata kalau sesuatu pinjaman perbankan dan sekarang ramai mengambil pula untuk membeli perabot juga dan sebagainya. Bila dikatakan 4%, 5% kalau kadar sebenar faedah itu dalam jangka masa tiga tahun sebenarnya adalah dalam lingkungan 99 setengah peratus.

■ 11.40

Pengguna tidak tahu itu. Jadi itu maksud saya, maknanya dalam iklan juga harus diberi tahu bahawa kos sebenar lebih-lebih lagi apabila pinjaman sewa beli ini adalah tinggi sebenarnya kalau di bandingkan dengan overdraf dan sebagainya.

Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua telah pun di sebut di dalam surat perjanjian itu, cuma kadang-kadang kebanyakan kita tidak baca Tuan Yang di-Pertua *sign* dulu bila kena barulah baca. Jadi itulah yang selalu terkena Tuan Yang di-Pertua.

13. Tuan Chiu Tiang Chai minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bagaimanakah pihak kementerian ingin mengatasi masalah kemiskinan warga tua, kehidupan setinggan, ibu tunggal, keluarga bermasalah, pengangguran dan kebajikan yang wajar diberi tumpuan di bawah Dasar Sosial Negara supaya modal insan negara ini tidak menjadikan isu-isu ini sebagai penghalang kepada pembangunan mereka dan pada masa yang sama menjadikan RMK-9 sebagai teras dalam memastikan kesemua keperluan ahli komuniti dipenuhi terus demi memperkasakan pembangunan modal insan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

[Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa mengambil perhatian serius di atas segala permasalahan sosial yang perlu diberi tumpuan sewajarnya di bawah Dasar Sosial Negara.

Mengenai isu kemiskinan warga emas kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menyediakan perkhidmatan bantuan kewangan iaitu bantuan warga emas yang miskin. Selain daripada bantuan kewangan Kerajaan juga menyediakan pelbagai aktiviti sokongan lain seperti Program Pusat Jagaan Harian Warga Emas, ia merupakan satu program komuniti yang bercorak berdampingan *outrange* dengan izin untuk warga emas yang tinggal berseorangan di rumah kerana ahli keluarga keluar bekerja.

Selain itu juga kerajaan telah memperkenalkan Program Khidmat Bantuan di rumah yang merupakan satu program perkongsian pintar antara JKM dan pertubuhan sukarela kebajikan dalam memberi khidmat kepada golongan warga emas miskin yang tinggal berseorangan dan memerlukan bantuan.

Mengenai isu ibu tunggal, kementerian melalui penyediaan program-program pembangunan kapasiti dalam pelbagai bidang seperti rekreasi undang-undang, kesaksamaan gender dan program-program pengukuhan keupayaan wanita dari segi ekonomi, sosial dan intelek.

Mengenai isu kekeluargaan, kementerian mengambil pendekatan untuk meningkatkan kesedaran dan minat masyarakat mengenai kepentingan mengukuhkan institusi keluarga, menjalankan beberapa aktiviti-aktiviti promosi serta pendidikan dan latihan dalam bidang pembangunan keluarga bagi membantu keluarga mendidik anak-anak dan membentuk keluarga yang bersahsiah mulia.

KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, mengambil pendekatan pencegahan dan pembangunan melalui program pendidikan yang dilaksanakan kepada pelbagai golongan sasaran seperti remaja, ibu bapa, pasangan baru dan yang akan berkahwin.

Pendidikan ini dilaksanakan berdasarkan modul-modul pendidikan keluarga sedia ada iaitu Pakej Modul Kasih di seluruh negara. Selain itu program ini juga dilaksanakan melalui kerjasama pintar dengan agensi kerajaan, Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga serta badan bukan kerajaan.

Mengenai isu kebajikan kementerian melalui...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa terhad, tak mahukah Yang Berhormat memberi peluang kepada pertanyaan tambahan?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Okey, sekian terima kasih, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada pula, Yang Berhormat boleh sambunglah.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kebajikan kementerian melalui JKM menyediakan beberapa jenis bantuan kepada kumpulan sasar bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan yang lebih sejahtera. Antaranya ialah bantuan kanak-kanak, bantuan am, bantuan orang tua, elaun pekerja cacat, bantuan anak pelihara, bantuan alat tiruan dan bantuan sekolah.

Kementerian ini akan terus berusaha dan memberi perhatian khusus kepada aspek pembangunan modal insan selaras dengan matlamat Rancangan Malaysia Kesembilan. Pihak kementerian yakin dengan peningkatan kualiti hidup penerima-penerima bantuan dan ahli keluarga mereka tidak lagi bergantung semata-mata kepada bantuan kerajaan, sekian terima kasih.

14. Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta Menteri Sumber Manusia menyatakan setakat mana kejayaan Program Menggalakkan Warganegara Malaysia yang Berkepakaran Yang Bekerja di Luar Malaysia Pulang Ke Malaysia sejak berkuat kuasa mulai 1 Januari 2001.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, semenjak dilaksanakan mulai 1 Januari 2001 sehingga 23 April 2007 sebanyak 1100 permohonan telah di terima dan sebanyak 499 permohonan telah diluluskan di bawah program ini.

Daripada jumlah permohonan yang telah diluluskan tersebut seramai 339 orang yang berkepakaran telah kembali dan berkhidmat di Malaysia, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya Yang Berhormat, bagi menggalakkan warganegara Malaysia balik bekerja di negara ini, apakah inisiatif-inisiatif yang ditawarkan oleh kerajaan? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Di antara inisiatif-inisiatif yang ditawarkan oleh pihak kerajaan:

- (i) semua barang-barang kepunyaan mereka yang dibawa balik di kecualikan daripada cukai;
- (ii) dua buah motokar yang dibawa balik juga di kecualikan daripada cukai import, cukai duti dan juga cukai-cukai yang lain termasuk cukai jualan;
- (iii) isteri dan juga anak-anak mereka diberikan *permanent resident* dalam tempoh enam bulan selepas mereka tiba di Malaysia;
- (iv) anak-anak mereka juga diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran di sekolah-sekolah antarabangsa;
- (v) mereka di benarkan membawa balik motokar yang mempunyai pemanduan di sebelah kanan;

- (vi) suami atau pun isteri mereka yang bekerja di luar negara sedangkan suami atau pun isteri mereka yang bekerja di Malaysia juga di benarkan untuk bekerja di Malaysia apabila suami atau pun isteri mereka yang rakyat di negara ini bekerja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, masa cukup.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PUSAT JAGAAN (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.47 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

[Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Pusat Jagaan 1993, Akta 506 di bacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan meningkatnya penyertaan ibu bapa atau anak-anak mereka dalam pasaran tenaga buruh pada penghujung tahun 1980-an dan perubahan sistem kekeluargaan daripada keluarga luas kepada keluarga asas, banyak pusat penjagaan telah ditubuhkan bagi menawarkan perkhidmatan jagaan untuk ibu bapa yang sudah tua, anak-anak dan orang kurang upaya.

Sehubungan itu, Akta Pusat Jagaan 1993 telah digubal untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan ke atas pusat-pusat jagaan supaya dapat dikekalkan standard minimum seperti yang telah ditetapkan.

Sejak pewartaannya pada tahun 1993, akta ini tidak pernah melalui sebarang proses pindaan. Akta ini diwujudkan berdasarkan beberapa falsafah utama iaitu:

- (i) memberi penjagaan dan pemeliharaan yang khusus kepada penghuni yang tinggal di pusat jagaan seperti warga emas, orang kurang upaya dan juga kanak-kanak;
- (ii) dapat mengurangkan masalah sosial yang berlaku terutamanya yang melibatkan pengabaian warga emas, orang kurang upaya serta kanak-kanak;

- (iii) menjadikan perkhidmatan pusat jagaan ini sebagai tempat untuk meluaskan pergaulan dan menjalankan aktiviti harian bersama rakan-rakan; dan
- (iv) menjadikan pusat jagaan sebagai tempat kemudahan jagaan harian gantian bagi memenuhi keperluan ibu bapa atau anak-anak yang bekerja.

Selaras dengan keperluan dan perkembangan semasa, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menerima maklum balas daripada agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan mengenai beberapa pindaan yang perlu di lakukan ke atas Akta Pusat Jagaan 1993, antara perkara yang memerlukan perhatian ialah:

Pertama mewujudkan sistem yang lebih mesra kepada pengguna seperti berikut:

■ 1150

- (i) tempoh perakuan pendaftaran pusat jagaan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dipanjangkan bagi memudahkan pengendali dalam usaha pentadbiran;
- (ii) tindakan untuk memastikan setiap pengendali pusat jagaan mempamerkan perakuan pendaftaran supaya ia mudah dilihat;
- (iii) pengendali pusat jagaan memaklumkan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat mengenai apa-apa perubahan yang berlaku dalam butir-butir perakuan pendaftaran; dan
- (iv) memberi kuasa kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri dalam urusan pendaftaran dan mengeluarkan perakuan pusat pendaftaran jagaan.

Kedua, memperuntukkan kuasa bagi tindakan penguatkuasaan melalui kompaun ke atas kesalahan yang dilakukan dan mengelak atau *seal* dengan izin, pusat jagaan yang tidak berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 2 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 506 bagi mengadakan suatu tarif baru "Pengarah Negeri" yang merujuk kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat suatu negeri dan termasuklah Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya masing-masingnya.

Ini membolehkan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri menjalankan tugas mengenai pendaftaran pusat jagaan seperti yang diperuntukkan dalam Bahagian 2 akta ini, selaras dengan konsep penurunan kuasa yang bertujuan mengurangkan kerenah birokrasi dalam urusan pendaftaran pusat jagaan.

Fasal 3, bertujuan untuk meminda perenggan 3(b) Akta 506 susulan pemansuhan Akta Pelajaran 1961 [Akta 43/1961] dan Akta Hospital Swasta 1971 [Akta 43] oleh Akta Pelajaran

1996 [Akta 550] dan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 iaitu Akta 586 masing-masingnya.

Fasal 4, bertujuan untuk meminda subseksyen 10(3) Akta 506 untuk melanjutkan tempoh sah perakuan pendaftaran dari 12 bulan kepada 60 bulan. Kehendak untuk mempamerkan perakuan pendaftaran adalah diperuntukkan dalam subseksyen 10(4), subseksyen 10(5) menghendaki orang yang kepadanya perakuan pendaftaran dikeluarkan untuk memberitahu ketua pengarah tentang apa-apa perubahan yang berlaku dalam apa-apa hal keadaan yang butir-butirnya dinyatakan dalam perakuan pendaftaran itu. Subseksyen 10(6) mengadakan peruntukkan bagi penyerahan perakuan apabila sesuatu pusat jagaan ditutup.

Fasal 6, bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 11A dalam Akta 506 yang membolehkan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri melakukan tugas-tugas pendaftaran pusat jagaan.

Fasal 7, bertujuan untuk memberi kuasa kepada ketua pengarah dan pegawai diberi kuasa untuk mengelak atau *seal* dengan izin, pusat jagaan yang belum didaftarkan.

Fasal 8, bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 506 untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi orang yang tidak mempamerkan perakuan pendaftaran, tidak memberitahu ketua pengarah tentang apa-apa perubahan yang berlaku dalam apa-apa hal keadaan yang butir-butirnya dinyatakan dalam perakuan pendaftaran atau tidak menyerahkan perakuan itu apabila pusat jagaan itu ditutup.

Fasal 9, bertujuan untuk meminda seksyen 21 berhubung dengan pendakwaan supaya selaras dengan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

Fasal 10, bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 21A ke dalam Akta 506 untuk membolehkan apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta ini di kompaun.

Pindaan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam sesi pembentangan ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Akta Pusat Jagaan 1993, Akta 506 akan memberi kesan positif kepada usaha kerajaan untuk menjaga kepentingan dan keselamatan mereka yang berada di pusat jagaan. Ini membolehkan Jabatan Kebajikan Masyarakat menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan seperti yang diperuntukkan di bawah akta dengan lebih berkesan berikutan pemberian kuasa dalam memulakan pendakwaan mengelak pusat jagaan yang tidak mendaftar serta mengkompaun pihak-pihak yang melanggar peruntukan-peruntukan di bawah akta tersebut. Langkah ini akan dapat membantu mengatasi masalah bertambahnya pusat jagaan yang tidak berdaftar daripada terus beroperasi. Pindaan ini juga menunjukkan bahawa kepentingan dan keselamatan mereka yang berada di pusat jagaan adalah diutamakan oleh pihak kerajaan.

Selain itu perlanjutan tempoh perakuan pendaftaran dari 12 bulan kepada 60 bulan dapat menggalakkan lebih ramai pengendali pusat jagaan untuk mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat yang menyokong?

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kita perlukan Barisan Kerajaan, kerana ini *bill* kerajaan, tidak mengapa, saya tunggu. Ini sebabnya pengawas di dalam Dewan-dewan dipanggil *whip*, Penang kata 'shurku' kadang-kadang kena 'shurku' baru ada *Whip*.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pusat Jagaan 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Hajah Saripah Aminah

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk menyertai perbahasan untuk meminda Akta Pusat Jagaan 1993. Ada beberapa aspek yang pada hemat saya penting untuk dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, yang diagihkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi rancangan pembangunan dan perbelanjaan iaitu sebanyak RM552 juta. Adalah satu anggaran yang besar yang mampu menjana pembangunan modal insan untuk masa depan negara,

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri di kementerian iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, yang ternyata amat peka dan prihatin terhadap pembangunan keluarga dan wanita di negara ini. Dengan merangka, merancang dan merealisasikan usaha bagi melahirkan sebuah keluarga, masyarakat dan penduduk yang bersifat penyayang dan berhemah, terbelas dan terjaga.

Saya percaya bahawa tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan, Program Pembangunan Keluarga dan Masyarakat dapat diselaraskan dengan objektif meningkatkan kebajikan rakyat dan kualiti hidup yang lebih sempurna. Saya juga amat berkeyakinan bahawa cadangan untuk meminda Akta Pusat Jagaan 1993 ini akan turut mengambil kira piagam konvensyen mengenai hak kanak-kanak sedunia yang memastikan perlindungan, pemulihan dan pembangunan kanak-kanak diberikan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kementerian berkenaan bahawa pindaan kepada akta yang sedia ada itu hendaklah memastikan mutu ataupun piawaian penjagaan kanak-kanak di pusat jagaan diberi penekanan yang serius dari segi penguatkuasaan undang-undang.

■1200

Ini penting kerana masalah penderaan, kecuaiannya dan termasuk kemalangan di pusat-pusat jagaan kanak-kanak sering dilaporkan berlaku termasuk insiden yang menyedihkan sepertimana yang dipaparkan oleh pihak media. Saya ingin menarik perhatian bahawa kes penderaan kanak-kanak di negara kita sentiasa meningkat setiap tahun. Sebagai contohnya pada tahun 2005 sebanyak 1,656 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan berlaku. Siapa yang bersalah? Adakah ibu bapa ataupun masyarakat yang harus dipertanggungjawabkan?

Pada saya, ini berlaku kerana perasaan kasih sayang sudah tipis. Nilai-nilai kemanusiaan semakin pupus dan sikap bertanggungjawab sesama insan telah terhakis. Saya juga berpendapat bahawa gejala tersebut berlaku atau mungkin berlaku disebabkan oleh masalah penyisihan sosial dengan izin, *social exclusion* terutamanya di kawasan bandar yang mana nilai-nilai kebendaan menjadi keutamaan melebihi kepentingan rohani. Manakala sikap mementingkan diri sendiri pun menguasai norma-norma kehidupan masa kini.

Sehubungan itu, saya ingin menggesa supaya Unit Mengesan Penderaan Kanak-kanak dan Kanak-kanak Terabai (SCAN) yang telah ditubuhkan di hospital daerah dan negeri bertujuan memantau kes penderaan kanak-kanak yang dirujuk ke hospital dipertingkatkan lagi dari segi penyebaran maklumat. SCAN sewajarnya diperluaskan secara menyeluruh mengenai fungsi, peranan dan bidang tugas-tugasnya. Ini penting kerana sebilangan besar masyarakat sama ada di kawasan bandar ataupun di luar bandar masih tidak menyedari kewujudan SCAN.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat kaitkan soal penderaan kanak-kanak ini dengan pusat-pusat jagaan sekurang-kurangnya meliputi konteks yang terdapat dalam perbahasan. Penderaan kanak-kanak dikaitkan dengan rang undang-undang yang menjadi masalah di hadapan.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah antara sebab-sebab ada kes-kes penderaan kanak-kanak gagal dilaporkan kepada pihak berkuasa. Setakat ini saya difahamkan ada sebanyak 86 pusat jagaan kanak-kanak berdaftar telah ditubuhkan di tempat kerajaan. Manakala seramai 3,197 penyedia khidmat penjagaan kanak-kanak telah diberikan latihan untuk meningkatkan prestasi mereka dalam mengendalikan pusat jagaan kanak-kanak.

Walau bagaimanapun, apa yang saya khuatir ialah adanya premis bangunan atau rumah kediaman yang telah dijadikan pusat jagaan kanak-kanak oleh mereka tahun ini yang cuba mengaut keuntungan lumayan. Trend perniagaan seperti ini dilihat telah tumbuh seperti cendawan terutamanya di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Apakah kewujudan premis atau rumah kediaman yang dijadikan pusat jagaan tersebut telah dipantau atau diperiksa oleh pihak berkuasa di kementerian ataupun di PBT kerana saya bimbang ianya telah disalahgunakan oleh pihak tertentu dengan tidak mengutamakan aspek-aspek keselamatan, kebajikan dan pembangunan kanak-kanak itu. Dalam hal ini, saya amat bersetuju pegawai-pegawai di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di peringkat daerah diberi kuasa penuh untuk memeriksa, menggeledah dan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang melanggar peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kementerian. Saya juga ingin menyarankan kepada kementerian berkenaan supaya lebih tegas dan tidak bertolak ansur dengan mana-mana pihak yang menyediakan pusat-pusat jagaan tetapi tidak menyediakan pelbagai kemudahan asas termasuk dari segi penyediaan makanan.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh mengenai masa depan kanak-kanak iaitu anak-anak yatim atau anak yang ditinggalkan oleh ibu bapa termasuk yang diabaikan. Kita sebenarnya amat berterima kasih kepada kerajaan yang sentiasa memberi perhatian kepada kanak-kanak tersebut dengan menambah bilangan Rumah Tunas Harapan di seluruh negara. Kita berharap di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, lebih banyak lagi Rumah Tunas Harapan dapat dibina.

Seperti pusat jagaan kanak-kanak-kanak, saya juga bimbang dengan kewujudan rumah-rumah anak-anak yatim yang ditubuhkan oleh organisasi atau individu-individu tertentu. Memang kita menyokong usaha murni mereka tetapi persoalannya, apakah rumah-rumah tersebut dipantau atau diberi pengawasan oleh pihak kerajaan? Ini kerana kita tidak mahu rumah-rumah anak yatim tersebut disalahgunakan atau diperalatkan oleh kumpulan-kumpulan tertentu.

Dalam masa yang sama, saya juga ingin meminta kementerian terbabit dan kerajaan-kerajaan negeri memberikan bantuan dan perhatian terhadap perjalanan rumah-rumah anak yatim ini. Sering kita dengar ada rungutan oleh pihak pentadbir rumah-rumah anak yatim yang merungut kononnya mereka terlalu sukar untuk mendapatkan geran bantuan daripada kerajaan khususnya kerajaan-kerajaan negeri. Justeru itu, kadang kala kita terserempak dengan sekumpulan anak yatim yang terpaksa meminta derma untuk menampung dana pembiayaan rumah anak-anak yatim. Seinggalah mereka terpaksa mengabaikan waktu persekolahan.

Di kesempatan ini juga, saya ingin menyentuh mengenai pusat jagaan anak-anak yatim yang menjaga anak-anak daripada sekecil bayi hinggalah mereka dewasa berumur 18 tahun. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pentadbir rumah anak-anak yatim ini. Tetapi saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mengenai kanak-kanak yang dijaga di situ. Suka saya menyebut mengenai lawatan rombongan beberapa bahagian UMNO ke Kepala Batas, Pulau Pinang baru-baru ini di mana mereka turut mengunjungi sebuah rumah Anak-anak Yatim Bakti di Kepala Batas.

Yang menarik perhatian saya ialah kanak-kanak yang dijaga di situ turut ada anak-anak warga asing seperti anak Indonesia dan juga Bangladesh yang masih bayi, yang ditinggalkan oleh ibu bapa mereka di kawasan rumah anak-anak yatim ini. Nisbahnya lebih ramai daripada warganegara Malaysia sendiri. Saya bukanlah mencadangkan supaya pentadbir rumah anak-anak yatim tidak menerima anak-anak warga asing ini. Biarlah, kasihan mereka anak-anak yang tidak berdosa.

Tetapi saya hendak meminta pihak berwajib yang bertanggungjawab mengenai isu ini memantau pekerja-pekerja asing supaya mereka tidak berkelakuan tidak senonoh dan tidak wajar sehingga mengandung di luar nikah. Apabila melahirkan anak, tinggal untuk dijaga oleh rumah anak-anak yatim ini. Seperti yang kita sedia maklum, pekerja-pekerja asing wanita dalam kontrak mereka apabila bekerja di negara asing, dalam konteks ini di Malaysia tidak dibenarkan mengandung. Apabila saya ke rumah jagaan rumah anak-anak yatim di sana, saya melihat ada anak Indonesia, anak Bangladesh dan anak orang Pakistan yang semuanya ditinggalkan sewenang-wenangnya.

Kanak-kanak tersebut Tuan Yang di-Pertua, adalah anugerah Tuhan yang tidak ternilai. Tetapi apabila terjadi perkara-perkara sumbang, mereka sewenang-wenangnya meninggalkan anak-anak mereka di pusat jagaan kanak-kanak dan pusat jagaan anak-anak yatim ini. Sekiranya mereka ini memahami anak-anak adalah kurniaan Tuhan yang perlu kita jaga, belai dan didik dengan sempurna, perkara sebegini tidak akan terjadi. Tetapi melihat kepada fenomena yang berlaku di sana, saya berasa sungguh sedih dan ada juga perasaan marah.

Jadi saya minta sangatlah kepada pihak yang berwajib carilah penyelesaian kepada masalah ini. Saya pasti ada lagi pusat jagaan anak-anak yatim yang membela anak-anak warga asing seperti yang saya lihat di Kepala Batas. Selain Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang sentiasa berusaha menjaga kebajikan kanak-kanak tersebut iaitu anak-anak yatim, saya juga berharap pihak swasta khususnya sektor korporat dan badan-badan kerajaan akan turut melipatgandakan sokongan dan bantuan mereka kepada golongan ini.

■ 1210

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada akta ini pada hemat saya akan mengukuhkan lagi Akta Pusat Jagaan Kanak-kanak yang sedia ada dalam menjaga keperluan hidup, perlindungan pembangunan dan penyertaan kanak-kanak. Dengan ini saya dengan ini menyokong penuh Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pusat Jagaan 1993. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Heng Seai Kei.

12.11 tgh.

Puan Heng Seai Kei: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut sama membahaskan rang undang-undang ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas kepada menteri dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas

keprihatinan dan inisiatifnya untuk membuat pindaan kepada Akta Pusat Jagaan 1993 yang telah digubal untuk tujuan pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan pusat-pusat jagaan sama ada yang dikendalikan oleh pertubuhan sukarela ataupun swasta bagi menjamin agar penghuni-penghuninya mendapat penjagaan dan perlindungan sempurna terutama sekali dari segi pemakanan, tempat tinggal, rawatan kesihatan dan aktiviti harian.

Walau bagaimanapun, setelah ditelitikan pindaan ini, selain daripada apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Dato' Syed Mohamed, berikut adalah beberapa kemusykilan yang ingin saya ketengahkan untuk perhatian dan tindakan kementerian bagi tujuan penambahbaikan.

Yang pertama ialah dari segi implikasi perundangannya. Tuan Yang di-Pertua, pindaan Seksyen 10, Seksyen kecil 3 Akta 506, telah melanjutkan tempoh perakuan kesahan pendaftaran dari satu tahun kepada lima tahun iaitu 12 bulan kepada 60 bulan. Pindaan ini walau pun akan memudahkan pengusaha pusat jagaan daripada beban untuk memperbaharui sijil perakuan setiap tahun tetapi satu mekanisme pemantauan berkala yang rapi dan sistematik haruslah dirancang supaya pemeriksaan yang lebih kerap boleh dibuat ke atas pusat-pusat ini demi memastikan segala syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh kementerian dipatuhi sepanjang masa seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Dato' Syed Mohamed tadi.

Selain itu nisbah bilangan penjaga dengan penghuni yang ditetapkan juga didapati adalah *rigid* dan kurang memuaskan terutama bagi pusat jagaan orang kurang upaya dan warga tua.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, mengikut akta pusat jagaan ini, bagi pusat jagaan orang kurang upaya atau OKU untuk kumpulan kategori kurang upaya, hanya ditetapkan seorang penjaga untuk menjaga maksimum menjaga 10 orang penghuni. Untuk kategori kurang upaya teruk pula ditetapkan seorang penjaga untuk menjaga maksimum empat orang penghuni.

Bagi pusat jagaan warga tua pula, kategori warga tua biasa ditetapkan seorang penjaga untuk menjaga maksimum 18 orang dan bagi warga tua berpenyakit atau yang terlantar ditetapkan seorang penjaga untuk menjaga maksimum empat orang penghuni. Penetapan nisbah seperti ini ternyata adalah terlalu *rigid* dan tidak memadai. Ini kerana OKU dan warga tua adalah golongan yang perlukan perhatian dan penjagaan rapi. Oleh itu nisbah bilangan penjaganya haruslah lebih ramai dan dibenarkan *flexibility* mengikut tuntutan keadaan penghuninya.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, pindaan ini juga tidak menggariskan kelayakan minimum kriteria pemilihan penjaga pusat jagaan ini. Ini amatlah penting bagi memastikan agar penjaga yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga golongan penghuni di pusat jagaan ini adalah terlatih, berkualiti dari segi akademik dan sahsiah diri demi keselamatan dan kesejahteraan mereka.

Selain itu, skim gaji minimum penjaga juga tidak dinyatakan. Keadaan yang membenarkan pengusaha pusat jagaan menetapkan gaji penjaganya sendiri ini akan mengundang isu eksploitasi yang membawa kepada kadar pusing ganti penjaga yang tinggi di pusat jagaan ini. Akibatnya wujudlah satu yang dikatakan dengan izin *chain effect* di mana jawatan penjaga di pusat-pusat jagaan akan dijadikan sebagai kerja sementara bagi mereka yang mencari pekerjaan yang lebih baik iaitu seperti pepatah Cina, menunggang kerbau sementara mencari kuda. Akibatnya mutu penjaga akan tetap menjadi rendah dan yang menjadi mangsanya ialah anak-anak, OKU dan warga tua yang menghuni di pusat-pusat ini.

Berhubung perkara ini, saya mencadangkan agar pihak kementerian mempertimbangkan pengambilan siswazah menganggur yang berminat untuk menceburi dan menerajui bidang ini. Ia bukan sahaja dapat mengurangkan masalah pengangguran siswazah tetapi juga secara langsungnya akan meningkatkan kualiti pengurusan dan perkhidmatan pusat-pusat jagaan ini sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun pindaan ini menetapkan nisbah keluasan dengan jenis penghuni tetapi tidak pula menentukan secara spesifiknya mengenai lokasi dan struktur binaan bangunan untuk pusat-pusat jagaan ini. Oleh kerana majoriti penghuninya merupakan kategori warga tua dan OKU yang perlukan lebih rehat, saya cadangkan agar lokasinya haruslah kondusif, nyaman, tenteram dan jauh daripada tempat yang sibuk atau bising supaya bebas daripada segala bentuk gangguan.

Selain itu struktur binaan bangunannya haruslah mesra pelanggan. Misalnya liputan lantai yang tidak terlalu licin, bebas daripada segala halangan, adanya pemasangan penyangga serta dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti tempat beriadah, kemudahan minda seperti IT dan sudut bacaan. Ini adalah penting bagi memastikan kebajikan dan kepentingan semua penghuni di pusat-pusat jagaan ini dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, penggubalan Akta Pusat Jagaan 1993 dan pindaannya juga tidak mengambil kira golongan anak-anak pesakit HIV atau AIDS dan juga mangsa-mangsa penyeludupan, *human trafficking* dengan izin kerana pusat jagaan yang ada hanya difokuskan kepada beberapa kumpulan masyarakat sahaja iaitu kanak-kanak dan remaja, warga tua dan orang kurang upaya.

Pada pendapat saya masalah anak-anak penghidap HIV atau AIDS dan wanita atau kanak-kanak mangsa penyeludupan merupakan dua kumpulan penting yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kementerian. Dalam membangunkan modal insan sebagai melengkapkan agensi sosial negara isu ini juga harus diberikan perhatian sewajarnya. Justeru itu, saya ingin mencadangkan agar sudah sampai masanya kedua-dua golongan ini diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian dengan mewujudkan pusat jagaan khusus yang lengkap dengan bantuan perubatannya dan keperluan golongan ini.

■ 1220

Antara tujuan pusat jagaan terutamanya golongan warga tua diwujudkan adalah bertujuan membantu ahli keluarga termasuk anak-anak mereka untuk menguruskan ibu bapa mereka semasa mereka bekerja.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, wujud keadaan di mana anak-anak telah mengambil kesempatan ini untuk menghantar ibu bapa mereka ke pusat jagaan walaupun mereka layak dan berupaya menjaganya sendiri dengan alasan tidak mahu ataupun ini akan menyusahkan mereka. Di sini seolah-olah timbullah situasi yang bertentangan dengan nilai-nilai kekeluargaan seperti kasih sayang, menghormati ibu bapa serta tanggungjawab yang harus menjadi teras dalam masyarakat dengan wujudnya pusat penjagaan ini, terutamanya yang berbayar.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan agar peraturan pusat jagaan untuk menerima mereka ini perlulah mengambil kira sebab musababnya juga terutamanya kepada pusat jagaan swasta. Dengan itu, saya mohon menyokong pindaan Rang Undang-Undang Pusat Jagaan 1993 ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawi.

12.21 tgh.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah pun mencadangkan satu pindaan undang-undang kepada pusat jagaan yang telah pun dilaksanakan sebelum ini. Ini memandangkan kita melihat kepada keperluan, kepada pindaan yang akan memberikan kebaikan kepada golongan-golongan yang kita kira tidak bernasib baik di negara kita dan juga golongan-golongan yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan dengan serius.

Ini kerana kecenderungan oleh kebanyakan orang yang tidak mempunyai kesedaran dan ketidakfahaman tentang tanggungjawab peribadi dan sosial mereka dengan meletakkan seboleh-bolehnya semua tanggungjawab kepada kerajaan menjaga orang-orang yang kurang upaya ataupun warga emas setelah bagi mereka orang-orang sebegini tidak memberi keuntungan secara langsung kepada pihak mereka yang menjalankan perniagaan.

Ini adalah satu fitrah yang perlu dididik oleh kerajaan agar semua tanggungjawab sosial dan khidmat kepada orang yang tidak mempunyai keupayaan ini akan menjadi satu budaya hidup kepada masyarakat Malaysia. Tidak semua orang dan semua perkara itu akan boleh memberikan keuntungan secara langsung kepada orang yang menolong. Pendekatan ini kalau kita lihat adalah banyak dibuatkan oleh penulis-penulis cerita-cerita rakyat pada zaman selepas merdeka kerana kita lihat pasal zaman ini kebanyakan masyarakat berada di dalam komposisi masyarakat miskin.

Bila mana keadaan rakyat telah pun berubah menjadi lebih senang dan lebih membangun perasaan untuk menolong orang lain terutama golongan warga emas serta orang kurang upaya ini kian terhakis, bersama terhakisnya kemiskinan di kalangan rakyat. Maka bila kita membahaskan rang undang-undang ini, saya menyeru agar pihak kerajaan membuat satu pendekatan secara serius bagi memastikan perubahan minda di kalangan rakyat supaya menitikberatkan keadaan dan kepentingan orang lain dalam kehidupan secara bersistem.

Kita memuji keprihatinan rakyat bila melihat paparan media tentang keadaan orang miskin dan orang kurang upaya bergantung kepada paparan media dan perkara ini kita lihat adalah tidak sistematik bagi sesebuah kerajaan dan juga organisasi hanya untuk memberi respons kepada semua paparan media tetapi kita perlu menjalankan ini secara lebih berkala dan lebih bersistematik.

Perkara ini kita perlu teliti sebagaimana kita melihat bagaimana kita boleh menerajui sebuah syarikat perniagaan. Satu pemerintahan kerajaan adalah terdiri daripada satu entiti yang hidup, yang mana anggota yang menjadikan sebuah kerajaan itu terdiri juga daripada orang kurang upaya, kanak-kanak dan juga warga emas.

Golongan ini memerlukan perkara asas dalam hidup dan perkara asas ini saya rasa telah pun dinyatakan dengan jelas oleh rakan saya tadi, Yang Berhormat Senator Puan Heng Seai Kie, berkenaan apakah yang diperlukan oleh orang-orang kurang upaya, warga emas dan kanak-kanak semasa mereka ditempatkan di pusat-pusat jagaan. Ini kerana mereka adalah rakyat negara kita Malaysia yang boleh kita banggakan dari segi pembangunan-pembangunan yang lainnya.

Persoalannya, siapakah kategori-kategori orang yang dilindungi di bawah akta ini. Antara orang yang dilindungi di bawah akta ini adalah kanak-kanak berusia empat tahun ke bawah yang merupakan anak-anak yang ditempatkan sama ada secara kekal atau sementara dalam jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun yang ditempatkan atas arahan mahkamah ataupun ditempatkan sendiri oleh ahli keluarga, sama ada mereka menjalankan pekerjaan mereka sendiri.

Jadi, oleh kerana perintah yang didapati oleh mahkamah terhadap hak dan penjagaan kepada kanak-kanak ini, kita perlu melihat dengan lebih teliti kerana dengan meningkatnya indeks peratusan jenayah yang telah pun dipaparkan oleh kerajaan dalam Dewan Negara ini, iaitu daripada tahun 2005 ke 2006 telah meningkat sebanyak 41,000 maka kita yakin dengan keadaan ini banyak anak-anak yang telah terlibat di bawah keadaan ini di mana anak-anak yang telah ditinggalkan oleh banduan-banduan ataupun tahanan-tahanan reman ini mungkin terabai dari sudut penjagaan. Maka adalah menjadi tanggungjawab kerajaan dan masyarakat untuk memastikan bahawa anak-anak banduan ataupun tahanan reman ini yang dari segi emosinya telah pun terluka kerana ditinggalkan oleh ibu bapa yang tidak bertanggungjawab dari segi pendidikan dan kebajikan mereka.

Oleh itu, menyedari tugas yang amat berat ini yang perlu didukung oleh kerajaan maka menjadi satu tanggungjawab untuk kita mencadangkan kepada pihak mahkamah supaya memastikan agar anak-anak yang diletakkan di bawah tanggungjawab, sama ada oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun orang perseorangan ini dilaporkan keadaannya dari masa ke semasa sebelum ataupun selepas ibu bapanya dijatuhkan hukuman kekal oleh pihak mahkamah.

Begitu juga sekiranya taska komuniti boleh mendapat banyak faedah dan keistimewaan oleh kerana kerajaan telah menanggung sebanyak RM150 untuk setiap anak-anak bagi ibu bapa yang berpendapatan rendah, maka seharusnya peruntukan dan kemudahan kepada anak-anak yang berada di pusat jagaan ataupun orang-orang kurang upaya yang berada di pusat jagaan serta warga emas yang berada di pusat jagaan ini juga diberikan kelebihan yang lebih. Ini kerana bagi mereka ini tidak ada orang lain yang boleh membantu melainkan pihak kerajaan.

Dari segi kemudahan fizikal, saya rasa sudah banyak disentuh oleh rakan saya tetapi dari segi kemudahan bagaimana kita memastikan bahawa penjaga yang akan bekerja ataupun mengendalikan pusat-pusat jagaan ini mestilah kita lihat dari semua sudut. Ini kerana kebanyakan penjaga sebagaimana yang telah pun dibahaskan sebelum ini kemungkinan akan hanya akan mengambil tugas ini sambil lewa.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar pihak kerajaan membuat skema ataupun had skala gaji kepada penjaga yang akan berkhidmat di pusat-pusat jagaan, sama ada di pusat jagaan untuk kanak-kanak, orang kurang upaya, mahupun warga emas bagi memastikan kualiti yang diberikan oleh penjaga ini kepada orang yang dijaga adalah amat baik. Pemilihan guru atau penjaga ini mesti diteliti agar kerja kebajikan yang dilaksanakan bersama perniagaan ini akan mencapai tahap kualiti yang setanding dengan negara maju dan boleh diikuti oleh negara-negara lain.

Oleh kerana dalam tahap ini, kita lihat jumlah pusat-pusat jagaan sama ada pusat jagaan kanak-kanak, OKU, mahupun warga emas masih lagi dalam jumlah yang kecil. Kita mengharapkan pemantauan pada tahap ini akan menjadi satu garis panduan agar apabila jumlah peningkatan rumah-rumah jagaan ataupun pusat-pusat jagaan ini bertambah, keadaan akan menjadi lebih mantap dan lebih sistematik. Dalam konteks ini, orang kurang upaya dan warga emas juga...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pusat jagaan ini saya bersetuju untuk anak-anak yatim, warga emas yang tidak ada waris tetapi bagaimana pula dengan ada anak-anak yang tidak mahu menjaga ibu bapa mereka yang dihantar ke pusat jagaan ini. Bak kata orang, kalau ibu bapa boleh bela, boleh melahirkan, menjaga 11 orang anak, adakah 11 orang anak ini, yang kadang-kadang sudah berjaya tetapi mereka tidak mahu menjaga ibu bapa mereka, hantar ke pusat jagaan ini. Apakah tidak ada undang-undang bahawa ibu bapa yang begini yang tidak bertanggungjawab terhadap ibu bapa mereka, maka kerajaan

mengadakan undang-undang supaya boleh mendakwa ibu bapa ini yang tidak bertanggungjawab. Apa pandangan, Yang Berhormat?

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Ini adalah satu persoalan yang baik dan saya rasa memang sudah ada di dalam negara kita satu undang-undang yang mana kita boleh mendakwa anak-anak yang tidak mahu menjaga kebajikan ibu ayah dengan sengaja. Perkara ini mungkin tidak dapat liputan yang luas kerana mungkin tidak pernah ada lagi kes ibu bapa yang mendakwa anak-anak mereka kerana kegagalan untuk menjaga ibu bapa sebagaimana yang sepatutnya.

Jadi kalau ada kes, mungkin kita akan lihat bagaimana respons masyarakat dan juga apakah hukuman yang akan dikenakan oleh hakim berdasarkan kepada akta yang telah pun sedia ada dalam negara. Terima kasih.

■ 1230

Saya sambung, ya? Kepentingan mereka haruslah disuarakan dan diperdengarkan secara sistematik kerana mereka adalah golongan yang tidak boleh berdikari dan mereka perlu dan sememangnya layak dibantu. Model pusat jagaan yang telah berjaya hendaklah diketengahkan. Saya mencadangkan seharusnya dilantik seorang Senator dalam Dewan Negara ataupun sekurang-kurangnya satu kerusi yang dilantik dalam semua Kabinet EXCO dalam negeri masing-masing untuk memastikan agar semua polisi dan pelaksanaan kerja yang diputuskan oleh kerajaan akan mengambil kira aspek ketidakupayaan dan kekurangan golongan-golongan ini dalam semua hal, bukanlah hanya akan respons setiap kali ada masalah yang ditimbulkan oleh orang kurang upaya ataupun oleh warga emas. Kita kena ingat bahawa tidak boleh dijadikan satu perniagaan tanpa melupakan tugas dan hak orang-orang yang kurang upaya dalam mengendalikan pusat-pusat jagaan ini.

Penderaan yang kita lihat kemungkinan kita lebih menumpukan kepada penderaan fizikal. Namun begitu dalam konteks hari ini bila mana banyak penderaan bukan lagi dilakukan dalam bentuk fizikal, penderaan emosi juga banyak mengakibatkan tekanan kepada penghuni-penghuni yang kalau kita lihat mungkin tidak akan berkembang dari segi emosi mahu pun pendidikan kerana mereka mungkin telah ditekan dari segi emosi. Oleh yang demikian satu mekanisme perlu dicari dan dikenal pasti agar kita boleh mengenal juga sekiranya penghuni-penghuni yang tinggal di pusat-pusat jagaan ini telah didera secara emosi oleh pengendali-pengendali ataupun pentadbir ataupun oleh rakan-rakan yang sama menghuni pusat jagaan tersebut.

Pindaan serta penambahan kuasa kepada ketua pengarah adalah amat baik, namun dalam zaman IT ini segala kemungkinan boleh berlaku. Lagikan wang boleh dipalsukan apatah lagi sijil pendaftaran. Maka saya menyarankan agar pihak kerajaan betul-betul memantau dari segi pensijilan, pendaftaran walaupun telah dipamerkan oleh pihak pusat penjagaan yang diletakkan di tempat yang terbuka agar perkara pemalsuan pusat-pusat penjagaan dari segi sijil ini boleh kita atasi dan boleh kita pantau dengan sebaik-baiknya.

Begitu juga dengan pemantauan berkala perlu dibuat bagi memastikan pusat jagaan persendirian dan kerajaan ini dikendalikan dengan baik sebagaimana yang telah diujahkan oleh rakan saya sebelum ini bahawa lamanya tempoh sah daripada 12 bulan kepada 60 bulan ini akan memberi kesan yang baik daripada segi perniagaan. Namun dari satu sudut, satu mekanisme ataupun garis panduan jelas hendaklah ditetapkan oleh kerajaan agar pemantauan ke atas semua syarat yang sepatutnya dipatuhi oleh semua pusat jagaan ini dipatuhi sepanjang tempoh sah pendaftaran. Kalau boleh dibuat secara tahunan demi mengelakkan syarat-syarat ini hanya dipatuhi pada peringkat permulaan permohonan untuk pendaftaran atau semasa akhir tempoh pengesahan untuk mengelakkan pusat jagaan mereka “dilak”. Walaupun ia tidak termaktub dalam akta, namun dari segi garis panduan sekiranya ditetapkan oleh pihak kementerian akan menyebabkan perkara ini dapat dipantau dengan baik dan laporan-laporan kepada setiap rumah pusat jagaan ini hendaklah dilaporkan juga kepada kementerian khas untuk pemantauan.

Dengan pengenalan dan penggubalan undang-undang kewajipan pendaftaran pusat-pusat jagaan yang merangkumi tiga golongan sasaran ini maka kita berharap dengan kemudahan serta kelonggaran syarat akan menggalakkan pendaftaran penjagaan pusat-pusat penjagaan di kalangan pengendali-pengendali sekolah dan juga pusat jagaan ini di seluruh negara. Bila mana pendaftaran ini dapat disempurnakan kita mungkin akan dapat memantau dan menyeragamkan keseluruhan kandungan pendidikan serta kemudahan dan pentadbiran di pusat-pusat penjagaan ini. Dengan kreativiti masing-masing sepatutnya lebih banyak kemudahan untuk menjaga kebajikan orang kurang upaya, kanak-kanak ataupun warga emas ini dapat dibuat di pusat jagaan masing-masing dengan keadaan kawalan yuran-yuran yang dibuat haruslah tidak melebihi kadar dan had pasaran. Ini kita bimbang sebab takut tempat-tempat yang memberikan khidmat yang lebih baik akan mengenakan yuran dan caj yang amat keterlaluan dan ini akan menyebabkan satu persaingan yang tidak sihat di kalangan pusat-pusat jagaan ini.

Seterusnya persoalan tentang sepatutnya bilakah seorang anak ataupun golongan orang kurang upaya ini perlu dihantar atau dimasukkan ke pusat-pusat jagaan terutama pusat-pusat jagaan yang dikendalikan oleh kerajaan kerana kita bimbang sebagaimana kes yang berlaku sebelum ini iaitu kes seorang kanak-kanak hilang yang kemudiannya telah ditempatkan di rumah orang perseorangan dan kemudiannya dituduh pula mungkin menculik anak tersebut kerana ketidaktahuan mereka tentang tempoh waktu ataupun cara bila mana mereka menjumpai anak-anak ataupun golongan seperti ini. Jadi sepatutnya lebih informasi perlu didedahkan oleh media dan juga tentang undang-undang dan peraturan apakah yang perlu mereka lakukan sekiranya mereka menjumpai kanak-kanak ataupun orang-orang kurang upaya ataupun warga emas bagi mengelakkan insiden-insiden seperti ini berlaku.

Kita juga bimbang akan berlaku insiden-insiden sebagaimana baru-baru ini kita melihat sepasang warga emas yang seorangnya lumpuh dan seorangnya meninggal akibat tidak

dipantau dengan baik oleh anak-anak pasangan tersebut. Perkara ini kalau terjadi kepada diri kita sendiri 10 atau 20 tahun akan datang adalah amat menyedihkan.

Kesedaran orang ramai tentang perlunya pendidikan khas dan juga pergaulan sesama orang kurang upaya ataupun warga emas juga perlu dipertingkatkan. Ini kerana dalam melibatkan kanak-kanak yang kurang upaya barang permainan khas atau sistem pendidikan itu adalah berbeza dengan sistem pendidikan biasa. Sepatutnya kita memberi satu penekanan supaya keluarga yang mempunyai anak-anak yang kurang upaya ini dengan sukarela dan penuh suka hati ingin menghantar anak-anak mereka untuk ditempatkan di pusat-pusat jagaan, kemungkinan dalam pusat-pusat jagaan harian demi untuk memastikan pendidikan khas ini dapat diberikan kepada golongan kurang upaya ini.

Seterusnya lagi saya ingin merujuk kepada seksyen 16A di bawah subseksyen 4 di mana yang ditulis di sini, "*Ketua pengarah atau pegawai yang diberi kuasa itu yang bertindak di bawah seksyen ini tidaklah bertanggung bagi apa-apa kos yang berbangkit daripada tindakan itu atau kerosakan kepada rumah, bangunan, premis atau tempat yang dilak di bawah seksyen ini melainkan jika kerosakan itu dilakukan dengan sengaja.*"

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah yang dimaksudkan dan apakah keperluan sehingga kita perlu memasukkan satu frasa ayat yang mengatakan "...*jika kerosakan itu dilakukan dengan sengaja.*" Kerana bagi saya ini seolah-olah menunjukkan ada pegawai kerajaan yang sanggup untuk melakukan kerosakan dengan sengaja. Jadi kemungkinan penjelasan tentang keperluan frasa ini perlu diberikan oleh pihak kementerian sebelum kita meluluskan rang undang-undang ini.

Satu lagi di bawah seksyen 5, "*Apa-apa tindakan yang diambil di bawah seksyen ini berkenaan dengan mana-mana rumah, bangunan, premis atau tempat lain tidak boleh melarang pendakwaan mana-mana orang yang menggunakan rumah, bangunan, premis atau tempat itu sebagai pusat jagaan dengan melanggar akta ini.*"

Walaupun saya mempunyai sedikit pengalaman sebagai seorang peguam, saya rasa seksyen 5 ini adalah amat mengelirukan. Saya minta pihak kementerian boleh menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan seksyen 5 - keseluruhan frasa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi, Yang Berhormat?

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Sedikit lagi. Seterusnya tentang kepentingan dan bajet yang akan diperuntukkan oleh setiap kerajaan yang dikatakan mungkin mempunyai tanggungjawab kepada negeri masing-masing, adakah pihak kementerian mempunyai garis panduan tentang berapakah yang perlu kita belanjakan untuk memastikan kebajikan orang kurang upaya serta warga emas ini dibuat dalam bajet tahunan masing-masing.

Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Masyarakat dan Keluarga untuk menjawab dan menggulung.

12.39 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2007 ini.

Untuk menjawab soalan atau cadangan dari Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed, pertama sekali apakah kewujudan premis pusat jagaan yang tumbuh seperti cendawan yang tidak berdaftar dipantau oleh kementerian atau PBT.

■1240

Untuk maklumat Yang Berhormat, dalam usaha untuk memantau pusat jagaan tidak berdaftar, pindaan akta ini telah memperuntukkan kuasa kepada pegawai diberi kuasa untuk mengelak, mengkompaun dan mendakwa pusat jagaan yang tidak berdaftar. Di samping itu juga pihak kementerian telah berusaha memberi penerangan kepada pengendali pusat jagaan untuk mendaftar. Walau bagaimanapun pemantauan ke atas pusat jagaan akan dipertingkatkan di setiap daerah oleh pegawai diberi kuasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, selepas akta ini diluluskan, di bawah akta ini kita ada peruntukan untuk memohon supaya satu pasukan penguatkuasaan ditubuhkan dan melalui pasukan penguatkuasaan ini kita akan dapat memantau dan memastikan semua pusat jagaan ini dikendalikan dengan baik. Untuk menjawab soalan mengenai bimbang akan penubuhan rumah anak-anak yatim dan sama ada rumah-rumah ini dipantau dan diawasi oleh kerajaan.

Kementerian juga mengambil berat mengenai pengendalian atau pengurusan rumah kanak-kanak dalam menjamin kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak yang dijaga. Disebabkan itu, Akta Pusat Jagaan 1993 telah dikuatkuasakan untuk pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan pusat-pusat seperti ini. Kementerian akan berusaha untuk memastikan pemantauan ke atas rumah anak-anak yatim dipertingkatkan selaras dengan keperluan akta pusat jagaan ini.

Untuk maklumat Yang Berhormat, untuk menubuhkan atau untuk mendaftar sesebuah pusat jagaan ini, mereka perlu mendapat permit dari beberapa agensi kerajaan iaitu termasuk bomba untuk keselamatan, jabatan kesihatan dan juga pihak berkuasa tempatan. Sekiranya mereka tidak mendapat permit, kelulusan dari mana-mana satu yang telah saya sebut tadi, mereka tidak akan dapat permit itu. Masalah rungutan anak-anak yatim mengenai...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat...

Datin Paduka Chew Mei Fun: ..biar saya habiskan ini dahulu. Susah mendapat geran. Akibatnya menggunakan anak-anak ini untuk mengutip derma. Untuk maklumat Yang Berhormat, sebenarnya di bawah kementerian kita, kita telah mewujudkan geran tahunan untuk dipohon oleh pusat-pusat jagaan yang telah didaftar dan ada kelayakan. Masalahnya, ada lagi

pusat-pusat jagaan mereka buat aduan kerana mereka susah dapat geran tahunan adalah kerana:

- (i) kemungkinan mereka tidak berdaftar di bawah ROS dan mereka didaftar di bawah ROC. Kalau mereka didaftar di bawah ROC, mereka tidak ada kelayakan ini; dan
- (ii) ada juga pusat-pusat jagaan yang mereka terlalu murah hati. Oleh itu mereka telah terima terlalu banyak penghuni-penghuni sampai ke satu tahap ia tidak dapat untuk membeli satu perkhidmatan yang berkualiti untuk penghuni-penghuni itu. Oleh itu kita juga, kalau mereka tidak memenuhi syarat-syarat yang ditentukan, pendaftaran atau geran ini tidak akan disampaikan kepada mereka.

Silakan.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pusat jagaan yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan ini, Yang Berhormat tadi memberi penerangan bahawasanya pihak-pihak ini mesti mendapat kelulusan daripada PBT, bomba dan lain-lain. Tetapi saya bercakap *discontent* Pulau Pinang di mana cuma PBT sahaja yang memantau perkara ini dan utiliti lain tidak mengambil kisah tentang perkara ini. Orang-orang ini dia suka buat dahulu, kena kompaun setakat RM300 - RM400, bayar, bayar, bayar. *At the end of the day*, apa pun mereka tidak dapat. Lesen pun tidak ambil, kelulusan pun tidak ambil, tetapi pusat jagaan ini memang ada sehingga sekarang. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Kita tidak dapat menafikan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Inilah mengapa kita mengambil tindakan untuk meminda Akta Pusat Jagaan ini kerana kalau kita ikut akta yang asal, pusat-pusat jagaan yang tidak berdaftar kita ada kuasa untuk mendakwa mereka tetapi kita tidak ada kuasa untuk mengelakkan premis itu. Dengan adanya pindaan ini, kita adalah lebih berkuasa dan kita akan dapat ambil tindakan dengan secepat mungkin.

Walau bagaimanapun, saya ingin ambil perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini, kebanyakan pusat-pusat jagaan yang dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan kebajikan atau sukarela, mereka ini adalah kerana mereka ingin beri bantuan kepada golongan-golongan yang istimewa.

Oleh itu, sebelum kita ambil tindakan untuk mengelak mereka atau untuk mendakwa mereka, kementerian akan ambil satu *approach* yang mana lebih mesra untuk bantu atau kita beri nasihat supaya mereka ikut syarat-syarat. Kita tidak akan ambil tindakan dengan sewenang-wenangnya walaupun kuasa ini telah pun diberikan kepada kita.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Laluan Yang Berhormat, saya sudah bangun tiga kali ini. Yang Berhormat, saya amat tertarik hatilah tentang jawapan *commonsense* Yang Berhormat tadi tentang rumah anak-anak yatim. Saya fikir Yang Berhormat dalam kerajaan lebih banyak pengalaman. Kalau hendak bercakap tentang bantuan dalam anak-anak yatim, tetapi jawapan tadi macam *commonsense* sahaja. Saya hendak beritahu saya...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat, jawapan *commonsense* itu yang paling baik.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Tak berapa betul. Saya hendak bagi tahu tak betulah tu.. Saya hendak bagi tahu pihak kerajaan, tak berapa betul jawab itu. Sebenarnya, saya nak bagi tahu, saya sudah 10 tahun jadi Pengerusi Rumah Anak-anak Yatim Wilayah Persekutuan. Bukan senang hendak uruskan. Hendak bagi tahu Yang Berhormat, di Wilayah Persekutuan bolehlah dapat geran. Tetapi cuba tengok di negeri-negeri lain. Kerajaan negeri, ada kerajaan negeri buat satu rumah anak-anak yatim, bagi bantuan. Ada tidak kementerian Yang Berhormat beri bantuan terhadap rumah anak-anak yatim di negeri-negeri? Ada tak?

Saya hendak tanya, kerana sepanjang yang saya tahu, hanya di Wilayah Persatuan bagi bantuan. Negeri Selangor terpaksa minta sedekah dengan orang, begitu susah. Negeri Perak, negeri Johor, sama juga. Jadi kenapa Yang Berhormat kata jawapannya begitu, sebenarnya kalau Yang Berhormat fikir betul-betul, tengok, kaji tiap-tiap rumah negeri-negeri, kementerian Yang Berhormat yang harus bertanggungjawab untuk membantu anak-anak yatim. Bukan bagi kepada NGO. Jadi, boleh tak Yang Berhormat bagi pandangan ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat pun menjawab tanpa nada yang begitu *combative*.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita harus tengok pusat jagaan itu ditubuhkan oleh siapa? Kalau pusat jagaan itu ditubuhkan oleh kerajaan negeri, kerajaan kegerilah yang harus jaga pusat jagaan itu, pertama. Kedua, kalau rumah atau pusat jagaan itu adalah ditubuhkan oleh pertubuhan NGO, bila sebelum mereka hendak menubuhkan pusat jagaan ini mereka mesti fikir dengan baik-baik.

■1250

Adakah mereka dapat mengendalikan pusat ini dengan baik? Walau bagaimanapun, tadi saya sudah cakap kalau mereka dapat memenuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan, pertama dia perlu berdaftar dengan kementerian. Kalau dia sudah mendaftar dengan kementerian dan pendaftarannya adalah melalui ROS, *then* dia boleh *submit*, dia boleh mengemukakan permohonan. Kalau dia layak semua, memang kita akan beri bantuan dengan mengikut kadar seorang penghuni RM8 seorang. Ini jawapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf, saya minta maaf cuba bagi panduan tadi sebab pada saya *parliamentary exchange* ataupun *parliamentary repartee* ini boleh mempunyai sifat *combative* atau sifat *conciliatory*. Kadang-kadang *parliamentary exchange* ini terlalu

combative di mana kebenaran pun kita kabur. Jadi sebab itu dalam hasrat mencapai kebenaran sebaik-baiknya, sebab itu lebih baik *conciliatory* dari *combative*.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin katakan di sini mungkin ada perbezaan di antara hasrat dan juga merealisasikan hasrat itu seperti yang Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan – saya tidak *combative* ya – seperti yang Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan kata...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat perli saya ke?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tidak. *[Ketawa]* Sudah terlupa. *[Ketawa]* Memang ada kebenaran dan apa yang Yang Berhormat sebut pun ada kebenaran. Sekarang ini kita hendak mencari penentuan di antara kedua-duanya. Kita hendak hidupkan satu masyarakat penyayang. Jadi tidak kiralah siapa yang mewujudkan *day care centre* ataupun rumah anak-anak yatim tetapi yang pentingnya adalah menghargai inisiatif yang sudah pun diambil.

Ini bermakna hasrat negara untuk mewujudkan masyarakat penyayang itu sudah pun menjadi. Jadi walaupun negeri yang menubuhkannya, apa salahnya bantuan diberikan oleh kementerian juga, ini menunjukkan bahawa kita menghargai segala inisiatif yang diambil. NGO juga kalau ia mewujudkan sesuatu yang baik untuk penduduk, untuk anak-anak yatim, kita juga harus menyatakan penghargaan kita dan penghargaan itu melalui bantuan yang diberi oleh kementerian.

Saya rasa kita tidak payahlah kata, "*This is your responsibility*. Ini tanggungjawab saya". Kita sama-sama memikul tanggungjawab dan saya rasa mungkin masalah kementerian ialah tidak cukup dana, tidak cukup peruntukan. Kalau kita benar-benar hendak menghidupkan masyarakat penyayang, sayangkan kepada kebajikan untuk menentukan rakyat semua bersama kita, Barisan Nasional, saya menyarankan supaya bajet kementerian dalam soal kebajikan dipertingkatkan. *[Tepuk]* Ini soal *back to basic* yang kita selalu warwarkan. Di sini saya rasa sudah tepukan gemuruh tadi menunjukkan bahawa Dewan Negara ini memang menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, Yang Berhormat ambil maklum juga terhadap tepukan. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Semestinya. Ini menunjukkan bahawa kita memang menerima dan harus meningkatkan tanggungjawab dan peranan kita dalam soal kebajikan. Jadi kalaulah kementerian Yang Berhormat minta *allocation*, peruntukan yang lebih tinggi di dalam bajet yang akan datang, kami semua sedia menyokong.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya setuju perkara kebajikan ini adalah tanggungjawab semua, tetapi kita juga mesti ingat kalau sesuatu pertubuhan, hanya kerana dia murah hati, dia menubuhkan sesebuah pusat jagaan, tetapi

dengan tidak ada pelan yang komprehensif. Adakah ini bermakna kementerian mesti mengambil alih semua pusat jagaan yang dibina atau ditubuhkan oleh sesiapa pun?

Oleh itu di sini kita memang menggalakkan, okey dan saya tadi pun sudah beritahu kalau dia memenuhi semua syarat, kita akan beri bantuan, okey. Kedua, bukan sahaja kementerian, sekarang di bawah kerajaan, kita juga menggalakkan semua korporat supaya mereka melaksanakan *corporate social responsibility*. Oleh itu inilah tanggungjawab bersama.

Mengenai mengambil berat masalah penderaan kanak-kanak yang berlaku sekarang dan mencadangkan program SCAN dipertingkatkan. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed, SCAN *team* diwujudkan di beberapa buah hospital besar dan ianya adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan Malaysia. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil inisiatif dalam perkara ini dengan mengadakan perbincangan dengan pelbagai agensi termasuk KKM, khususnya pakar pediatrik.

Susulan daripada dialog program SCAN akan diaktifkan dengan mengembangkan SCAN kepada semua hospital seluruh negara. Susulan lanjut KKM akan diadakan untuk masa kini.

Mengenai cadangan Puan Heng Sei Kie mengenai pindaan rang undang-undang tidak mengambil kira golongan anak-anak mangsa HIV dan mangsa *human trafficking*. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian memang mengambil kira kanak-kanak mangsa HIV dan kanak-kanak mangsa penyeludupan semasa membuat pindaan kepada Akta Pusat Jagaan selaras dengan konvensyen mengenai hak kanak-kanak. Walaupun tidak disebut secara terperinci dalam akta, tetapi keperluan ini terkandung di dalam Peraturan Akta Pusat Jagaan di mana golongan mereka ini diberi perlindungan dan jagaan yang sewajarnya.

Mengenai kelayakan minimum penjaga tidak disebut di dalam akta ini. Mengikut Peraturan Pusat Jagaan tiada disebut kelayakan minimum untuk mana-mana individu diambil bahagian sebagai penjaga. Tiada juga gaji minimum ditetapkan sebagai penjaga. Saya rasa ini sudah salah. Okey, kalau ikut garis panduan untuk permohonan menubuhkan pusat jagaan tetap, kita mengadakan peraturan-peraturan supaya memastikan penjaga-penjaga atau seseorang yang menubuhkan pusat jagaan ini, mereka ada kelayakan untuk mengendalikan sesebuah pusat jagaan.

Untuk skim gaji minimum ini memang kita tidak ada menentukan satu skim gaji minimum. Mengenai.. *[Mencari rujukan di atas meja]* Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Mengenai anak... *[Ketawa]* Kerana saya tidak dapat baca ini. Lebih baik saya rujuk kepada apa yang saya sendiri catatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu saya katakan okey. *[Ketawa]*

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih. Okey. *Sorry*lah. Anak-anak yang tidak jaga ibu bapa. Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie menegaskan supaya kementerian tidak ambil ibu bapa-ibu bapa...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Okey, masa cukup.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung apabila Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang. Beri masa kepada Yang Berhormat berehat setelah keletihan terhadap perbahasan yang telah berlangsung. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan. Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

USUL

MEMINDA ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 13(2)

2.32 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarantnam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa Mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2), Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006 yang dijadualkan nombor 2 diturunkan selepas Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006 di nombor 6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini”.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Ini bermakna setiap pindaan kepada Aturan Urusan Mesyuarat perlu disetujui oleh Majlis. Tuan Yang di-Pertua tidak ada kuasa untuk memutuskan. Hanya Ahli Majlis iaitu Ahli-ahli sahaja yang ada kuasa untuk memutuskannya. Terima kasih.

Sekarang saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menyambung jawapan.

2.34 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie telah mencadangkan agar mewujudkan peraturan untuk anak-anak yang menghantar ibu bapa ke pusat jagaan supaya tidak disalahgunakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian hanya akan terima warga emas yang tidak berwaris dan untuk yang berwaris hanya sekiranya anak-anak mereka memang tidak mampu untuk menjaga ibu bapa mereka. Pada masa yang sama, KBKM juga akan mempergiatkan usaha *advocacy* dan kempen mewujudkan kesedaran agar anak-anak lebih bertanggungjawab dan menyayangi ibu bapa mereka.

Mengenai nisbah penjaga bagi penghuni di pusat jagaan pada masa ini, khususnya kepada OKU dan warga emas adalah terlalu *rigid* dan tidak memadai mengikut kenyataan Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie. Untuk makluman Yang Berhormat, nisbah penjaga dan penghuni telah ditetapkan mengikut *international standard* bagi menentukan keperluan penjagaan kepada penghuni adalah baik dan terurus demi kebaikan penghuni.

Mengenai cadangan lokasi premis sebagai pusat jagaan haruslah kondusif dan bebas gangguan serta selamat. Pusat jagaan tersebut juga mesti menyediakan kemudahan untuk riadah dan sudut bacaan. Untuk makluman Yang Berhormat, perakuan pendaftaran hanya akan dikeluarkan oleh KPWKM selepas mendapat kelulusan tiga agensi teknikal iaitu bomba, jabatan kesihatan dan pihak berkuasa tempatan. Faktor-faktor keselamatan kondusif dan mesra insan adalah di bawah tanggungjawab PBT yang juga mengambil kira kemudahan riadah dan sudut bacaan.

Mengenai warga tua yang lumpuh dan terbiar, JKM melalui KPWKM sangat memandang berat mengenai perkara ini di mana terutama sekali anak-anak seharusnya bertanggungjawab menjaga ibu bapa mereka. JKM juga menyediakan khidmat sokongan seperti penempatan di Rumah Sri Kenangan bagi warga emas yang tidak mempunyai waris. Selain daripada itu, pusat jagaan harian warga emas memberi khidmat sokongan kepada penjagaan sementara warga emas dalam komuniti dan juga khidmat bantuan di rumah. Bantuan orang tua juga disediakan kepada warga emas sebanyak RM200 sebulan.

Mengenai pegawai diberi kuasa di bawah pusat jagaan khususnya pegawai kebajikan masyarakat perlu diberi kuasa bagi menggeledah supaya dapat bekerja dengan tegas dalam urusan pemantauan. Menurut peruntukan seksyen 16 Akta Ibu, pegawai diberi kuasa mempunyai kuasa untuk memasuki mana-mana premis yang disyaki dan dalam menjalankan pemeriksaan pegawai diberi kuasa boleh mengemukakan soalan mengenai pengurusan premis dan juga mengehendaki apa-apa rekod perhubungan dengan premis diberikan kepada pegawai diberi kuasa. Sekiranya ia gagal dilakukan, pegawai diberi kuasa boleh menyita rekod tersebut.

Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawī mencadangkan hukuman dikenakan kepada anak-anak mampu menjaga ibu bapa tetapi enggan berbuat demikian. Selain itu, sijil perakuan pendaftaran harus dibuat kawalan agar tiada unsur-unsur pemalsuan dibuat.

Cadangan untuk mengenakan hukuman ke atas anak-anak supaya lebih bertanggungjawab menjaga ibu bapa mereka yang tua, kementerian berpandangan bahawa anak-anak wajib menjaga ibu bapa mereka bukan berdasarkan paksaan atau terhadap ibu bapa seperti yang dituntut oleh agama dan budaya peruntukan undang-undang, tetapi berdasarkan rasa tanggungjawab dan kasih sayang. Kerajaan akan menyediakan pelbagai kemudahan dan khidmat sokongan bagi membantu anak-anak menjaga serta membolehkan warga emas terus tinggal dalam komuniti selaras dengan dasar warga tua, negara dan pelan tindakan warga tua. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat ini akan dikaji dengan lebih mendalam lagi dari segi implikasi dan kesesuaian pelaksanaannya dalam konteks negara ini.

Berhubung dengan pemalsuan perakuan pendaftaran, pegawai diberi kuasa di daerah-daerah akan membuat pemantauan bagi mengelakkan pemalsuan perakuan pendaftaran pusat jagaan. Sijil perakuan pendaftaran mempunyai elemen khas bagi mengelakkan pemalsuan. KPWK M juga sedang merancang bagi mewujudkan pangkalan data pusat jagaan supaya memudahkan orang ramai mengakses pusat jagaan berdaftar dengan KPWK M.

■1440

Mengenai seksyen 16A(4), untuk makluman Yang Berhormat, dalam seksyen ini ketua pengarah atau pegawai diberi kuasa akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerosakan jika kerosakan itu dilakukan dengan sengaja. Ini adalah untuk mengelakkan salah guna kuasa oleh ketua pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa. Seksyen 16A(5) adalah untuk membolehkan pendakwaan terhadap mana-mana orang yang menggunakan rumah, bangunan atau premis sebagai pusat jagaan bertentangan dengan akta ini walaupun tindakan mengelak telah diambil di bawah seksyen ini.

Mengenai Fasal 5 iaitu pindaan kepada seksyen 11, pindaan kepada seksyen ini adalah untuk mengganti perkataan “pengkanselan” dengan perkataan yang lebih sesuai iaitu “pembatalan”.

Mengenai siapakah kategori-kategori orang yang dilindungi oleh akta ini, untuk makluman Yang Berhormat, di bawah akta ini mereka yang diberi penjagaan adalah kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas. Kanak-kanak yang ditempatkan di pusat jagaan adalah mereka yang memerlukan jagaan dan bukannya pengasuhan kerana kanak-kanak yang memerlukan pengasuhan diletakkan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 iaitu yang berumur di bawah empat tahun.

Yang Berhormat Puan Heng Sei Kie membangkitkan mengenai pindaan seksyen 10 iaitu melanjutkan tempoh perakuan daripada 12 bulan ke 60 bulan. Satu mekanisme yang sistematik perlu diwujudkan supaya peraturan dipatuhi sepanjang masa. Untuk makluman Yang

Berhormat, kementerian telah mengambil kira penambahan kakitangan untuk tujuan pemantauan semua premis yang dijadikan pusat jagaan apabila perakuan pendaftaran dilanjutkan dari 12 bulan ke 60 bulan. Mekanisme dari segi pemantauan berkala dan pemeriksaan mengejut dalam lima tahun tempoh perakuan diberi akan dilaksanakan. Walaupun 60 bulan tempoh kelulusan diberi, namun pengendali wajib memaklumkan kepada ketua pengarah dan agensi teknikal mengenai sebarang perubahan di dalam bukti-bukti perakuan pendaftaran dalam tempoh 14 hari. Sekiranya pengendali telah berhenti beroperasi, perakuan pendaftaran hendaklah diserahkan kepada ketua pengarah dalam tempoh 30 hari.

Mengenai kemasukan kanak-kanak ke institusi kebajikan atau pusat jagaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi, untuk makluman Yang Berhormat, terdapat tiga cara kemasukan kanak-kanak ke institusi kebajikan atau pusat jagaan iaitu:

- (i) kanak-kanak yang terlibat dalam kesalahan jenayah akan dimasukkan ke institusi kebajikan atas perintah mahkamah;
- (ii) ibu bapa yang tidak berkemampuan atas faktor ekonomi atau tidak dapat mengawal tingkah laku anak-anak mereka boleh memohon untuk menempatkan anak-anak mereka di institusi kebajikan melalui perintah mahkamah; dan
- (iii) sekiranya ibu bapa dipenjarakan, kanak-kanak tersebut akan diberi keutamaan untuk ditempatkan dengan saudara mara atau waris terdekat. Jika tiada individu yang mampu atau sanggup memberi penjagaan, kanak-kanak tersebut boleh dimasukkan ke institusi kebajikan atau pusat jagaan di bawah kementerian.

Saya telah pun jawab semua soalan. Oleh itu, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2006) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua

4.47 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2006 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peruntukan Tambahan Perbelanjaan Mengurus Kedua 2006 ini adalah dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2006 yang telah diluluskan terdahulu di Dewan yang mulia ini. Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2006 yang dibentangkan adalah berjumlah RM19,653.3 bilion iaitu satunya sebanyak RM571.4 juta adalah Tambahan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada undang-undang tertentu. Sebanyak RM19,081.9 bilion adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan dan sebanyak RM1,71.1 bilion daripada jumlah tersebut telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka yang telah dipohon diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang yang dibentangkan ini.

Tambahan Perbelanjaan Tanggungan.

Bagi Perbelanjaan Tanggungan, tambahan terbesar adalah sebanyak RM412.5 juta untuk Maksud T14 - pencen, elaun bersara dan ganjaran bagi membiayai bayaran faedah pesara kepada para pesara. Lain-lain Tambahan Perbelanjaan Tanggungan adalah untuk Maksud T12 - perbendaharaan sebanyak RM157.9 juta. Maksud T9 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebanyak RM0.8 juta dan untuk Maksud T3 - ketua hakim, hakim besar dan hakim sebanyak RM0.2 juta.

Tambahan Perbelanjaan Bekalan.

Anggaran Tambahan Perbelanjaan Bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM19,081.9 bilion iaitu

sebanyak RM15,851.5 bilion, yang terbesarnya adalah pindahan lebih tunai daripada Akaun Hasil Disatukan 2006 kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

■ 1450

Pindaan ini perlu ditunjukkan sebagai sebahagian daripada perbelanjaan mengurus 2006 di bawah Maksud B.12 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Sebanyak RM3,230.4 juta sahaja bagi menampung tambahan perbelanjaan bekalan bagi kementerian-kementerian. Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar tambahan perbelanjaan bekalan yang diperlukan oleh kementerian-kementerian iaitu sebanyak RM2,84.8 juta bagi menampung pertambahan bayaran emolumen. Kementerian terlibat adalah:

Agensi	Bayaran Emolumen (RM)
Kementerian Pelajaran	803 juta
Kementerian Pertahanan	662.2 juta
Kementerian Kesihatan	487 juta
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	123 juta
Kementerian Sumber Manusia	4.5 juta
Kementerian Belia dan Sukan	3 juta
Parlimen	1.2 juta
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	0.4 juta
Badan Pencegah Rasuah	0.4 juta
Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi	0.06 juta

Lain-lain tambahan perbelanjaan bekalan yang diperlukan oleh kementerian-kementerian adalah seperti berikut, sebanyak RM252.8 juta untuk Maksud B.7. Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu sebanyak RM155.1 juta, untuk bayaran istimewa pencen kali kelima, BIPP 5, ini macam bonuslah kalau pesara kita panggil BIPP. Sebanyak RM92.1 juta untuk membiayai perbelanjaan tajaan pelajar-pelajar Jabatan Perkhidmatan Awam dalam dan luar negeri serta kos rawatan perubatan pesara dan sebanyak RM5.6 juta untuk lain-lain perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan. Sebanyak RM270 juta untuk Maksud B.12 iaitu peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun iaitu sebanyak RM220 juta untuk kumpulan pinjaman kepada badan-badan berkanun dan RM50 juta untuk Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam bagi perbelanjaan kemudahan pinjaman berkaitan penambahbaikan sistem pengangkutan awam negara.

Sebanyak RM256.4 juta untuk Maksud B.21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu sebanyak RM214.5 juta untuk menampung kenaikan kadar subsidi baja padi, sebanyak RM20.9 juta untuk bayaran sewa ruang pejabat dan lain-lain kos perkhidmatan dan bekalan serta RM17.4 juta untuk peruntukan perbelanjaan mengurus badan-badan berkanun dan RM3.6 juta

untuk membiayai pembelajaran penganjuran MAHA. Sebanyak RM165.8 juta untuk Maksud B.60, Kementerian Pertahanan untuk menampung pelbagai keperluan Program Latihan Khidmat Negara, untuk kenaikan harga bahan api dan kekerapan penerbangan pesawat TUDM serta kenaikan perbelanjaan rangsum, rangsum ini *ration* makanan, tentera darat berikutan kenaikan kadar dan tambahan skala.

Sebanyak RM131.6 juta untuk Maksud B.62 Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk membiayai perbelanjaan bagi perolehan pembelian 2,000 unit kereta peronda polis dan alat kelengkapan serta kos penyelenggaraannya. Sebanyak RM17.7 juta untuk Maksud B.13 Kementerian Luar Negeri bagi membiayai penganjuran mesyuarat peringkat menteri-menteri luar, biro penyelarasan pergerakan Negara-negara Berkecuali, NAM. Sebanyak RM12.8 juta untuk Maksud B.20 Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi untuk menampung perbelanjaan sewa bangunan dan bantuan perbelanjaan mengurus badan-badan berkanun. Sebanyak RM12.7 juta untuk Maksud B.24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk bantuan perbelanjaan mengurus Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Sebanyak RM11.5 juta untuk Maksud B.1 Parlimen, untuk membiayai pengubahsuaian ruang pejabat serta lain-lain perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, sebanyak RM6.5 juta untuk Maksud B.44 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk membiayai perbelanjaan pengeluaran filem dokumentasi tempatan. Sebanyak RM4.4 juta untuk Maksud B.22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk membiayai perbelanjaan mengurus KEMAS dan sebanyak RM3.3 juta untuk Maksud B.5 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi membiayai emolument ahli-ahli suruhanjaya dan perbelanjaan perjalanan kerana urusan temu duga pengambilan kakitangan awam.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 2006 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2007 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A Tahun 2007. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2006 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin.

2.57 ptg.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah membenarkan saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Kedua bagi tahun 2006 ...

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum itu Yang Berhormat selepas ini saya minta Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir untuk bersedia.

Dato' Gooi Hoe Hin: ... di Dewan yang mulia ini. Tadi saya dengar dengan teliti pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang faham, termasuk juga Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini iaitu Dewan ini akan melulus perbelanjaan kerajaan namun kerana ianya adalah duit rakyat jelata maka memang juga menjadi tugas dan tanggungjawab kita semua di Dewan yang mulia ini supaya kita sama-sama menelitinya dengan sebaik yang boleh serta mengawasi dan mengawal perbelanjaan berkenaan agar ianya berpatutan dan berhemah tidak boros dan bersesuaian menepati objektif dan tujuan perbelanjaan yang diperuntukkan.

Walau bagaimanapun, kadang kala saya keliru dan kurang memahami mengapa dalam perancangan belanjawan ataupun perbelanjaan-perbelanjaan ianya sentiasa tidak dapat mengikut perbelanjaan yang diluluskan dalam peruntukan yang sedia ada tetapi sebaliknya peruntukan tambahan diperlukan dari masa ke semasa seolah-olah kini sudah jadi satu amalan biasa atau budaya bagi Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Kita semua boleh menerima kehendak ini kalau keadaan sesuatu yang berlaku di luar jangkaan. Biasanya seperti banjir yang berlaku di Johor kita perlukan wang yang tambahan.

■ 1500

Banjir di Kedah, subsidi kita naikkan untuk padi. Kita tidak akan teragak-agak untuk terus menerus untuk meluluskannya tanpa waswas. Pandangan saya bukan bertujuan negatif tetapi untuk memberi penekan kepada pihak yang berkenaan untuk memberi tumpuan yang lebih serius dalam merangka dan mengurus belanjawan negara khususnya perbendaharaan yang menjadi agensi pusat yang bertanggungjawab. Dalam pemerhatian serta penelitian atas Kertas Perintah 4, tahun 2007, saya tidak dapat mengelakkan diri dari membuat penganalisan bahawa perancangan perbelanjaan negara amat perlu diperbaiki lagi.

Sejurus dengan penambahan baikkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Mengapa saya menyatakan sebegini? Bagi saya mengikut tatacara amalan peliharaan sesuatu perancangan belanjawan ia harus menepati sasaran serta tidak melebihi peruntukan yang diberikan. Hanya antara *plus or minus* 5%, namun saya dapati peruntukan mengurus yang tadi di bentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagi tahun 2006, kalau saya rujuk kembali yang diluluskan RM 101,246,477,910 tetapi sehingga kini peruntukan tambahan yang dipinta bagi pertama dana kedua telah berjumlah RM 24,780,803,696 setakat ini. Secara amnya perbelanjaan 2006 telah terlebih lebih kurang 24.5% yang termaklum ke Dewan yang mulia ini.

Di samping itu saya juga telah cuba merujuk kembali belanjawan 2004 yang diluluskan RM 80,530,000,000 dan tambahan RM 97,387,080,505 bermakna lebih kurang 11%. Bagi tahun 2005 belanjawan yang diluluskan RM 89,141,090,000 dan tambahan RM 10,152,874,593 lebih kurang 12%. Saya harap pada sidang Dewan yang mulia yang akan datang pada bulan Julai tiada permintaan peruntukan tambahan bagi tahun 2006. Kalau ada mungkin *just* sudah naik 30%. Jadi kalau begitu tidak berguna lagi kiraan belanjawan dilakukan kerana ia tidak bermakna. Prinsip-prinsip pengurusan belanjawan perlu dipatuhi dengan baik dan sempurna dan perbelanjaan harus menepati tujuan objektif dan sasarannya. Oleh yang demikian saya berhasrat mencadangkan...

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, berdasarkan kepada perbahasan yang dibuat, adakah Yang Berhormat dengan saya ketidakcukupan mengurus yang terpaksa diminta dari masa ke semasa ini adalah disebabkan oleh kecenderungan pihak pentadbir, pihak pegawai untuk membuat *ad hoc planning* dan keputusan daripada untuk mengikut dari apa yang telah dirancang secara jangka panjang. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan sekali gus.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Dato' Gooi Hoe Hin hendak beri?

Dato' Gooi Hoe Hin: Sila.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Senator Dato' Gooi Hoe Hin. Saya melihat mungkin dari segi perspektif lain. Mungkin agak bercanggah sedikit dengan sahabat saya. Kita lihat anggaran belanjawan mestilah anggaran itu sudah cukup kita memahami dari segi konsep kerana ia tidak boleh terus kepada kecekapan atau pun *accuracy* atau pun *plus - minus 5% or 10%* kerana istilah anggaran itu telah menunjukkan kita membuat anggaran dan manusia boleh merancang, kita menganggar, tetapi sebagai manusia biasa kita bukan malaikat, kita bukan *angel*, kerajaan juga bukan *angel*. Kalau dibandingkan negara-negara luar, perkara yang sama tambahan peruntukan akan juga berlaku setiap kali sesi bajet di negara-negara asing. Cuma ada juga perkara yang saya setuju dengan sahabat saya dari segi permohonan tambahan. Saya katakan tadi juga kerajaan atau pun pegawai hanya mampu merancang. Jadi di sini saya tidak boleh cuba melemparkan tohmahan dari segi berlakunya keborosan atau ketidakcekapan pegawai yang merancang. Lantaran itu kita harus lihat acuan, acuan rancangan dasar-dasar kerajaan yang mana kadang-kadang bukan kerana darurat yang berlaku yang memerlukan tambahan peruntukan tetapi kerana dasar yang memerlukan penyesuaian, penyelarasan dan

mengakibatkan tambahan-tambahan peruntukan dan kita lihat sememangnya memerlukan tambahan peruntukan demi kebaikan rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Gooi Hoe Hin: Saya ini selalu bersetuju dengan 102%. Dua-dua Yang Berhormat sahabat karib saya. Apa yang saya hendak jelaskan ialah sesuatu yang berlaku itu memang ada yang berlaku di luar kawalan. Kita mesti akui dan menerima, tapi apabila kita merancang dan kini sekarang pemeriksaan belanjawan sedang berlaku. Pegawai Pusat Agensi Pusat Perbendaharaan melawat semua kementerian. Takkan dia kalau saya banding tidak elok, katakan 2006, di Kementerian Kesihatan, 2006 mengurus yang diluluskan RM 7,369,430,000 selepas 7.3 bilion tetapi takkan mereka tidak boleh merancang bahawa berapa doktor sudah ada, berapa jururawat sudah ada dan sebagainya. Bermakna tidak perlu menyusahkan Dewan yang mulia ini, tidak menyusahkan perbendaharaan bahawa yang dirancang itu sekurang-kurang itu akan menepati. Itu tujuan saya. Supaya pegawai itu berhati-hati.

Oleh yang demikian, saya sambung. Saya berhasrat mencadangkan di Dewan yang mulia ini beberapa cadangan dan langkah yang mungkin dapat diberi pertimbangan oleh pihak perbendaharaan semasa dalam penelitian berkenaan khususnya Jabatan Perbendaharaan Malaysia. Perbendaharaan harus memperketat lagi permintaan peruntukan tambahan tanpa alasan yang munasabah. Perbendaharaan perlu memberi garis panduan yang lebih ketat kepada pegawai pengawal (*controlling officer*), kementerian, jabatan atau agensi dalam merangka belanjawan.

Yang ketiga, perbendaharaan harus memberi kurniaan. Kurniaan kepada atas kepada pihak yang berkenaan yang belanja mengikut belanjawan yang diperuntukkan. Saya berpendapat, kelemahan memang terdapat dalam mana jua pentadbiran. Namun yang penting kita harus menerima pandangan dengan hati terbuka. Di Dewan yang mulia ini kita tegur-menegur tetapi secara *consolatory* bukan *combative* dan secara kesopanan dan kesusilaan.

■ 1510

Bukan melihatnya secara kritikan yang mana bukanlah niat dan tujuan saya. Prinsip akauntabiliti dan keutuhan pengurusan kewangan, kita mengurus dengan baik, tetapi kita hendak tambah baik lagi belanjawan menjadi teras utama dalam memastikan jentera pentadbiran kerajaan yang cekap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, para yang lain yang ingin saya bangkitkan sementara saya menyokong rang undang-undang ini ialah berkenaan sistem saraan dalam perkhidmatan awam. Kita hargai. Mengikut laporan tahunan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia tahun 2006, jumlah perjawatan tidak termasuk PDRM dan ATM adalah sebanyak 1,116,578 di mana pengisian adalah sebanyak 947,875. Bermakna lebih kurang 170 jawatan belum diisi. Itulah kita mesti ambil perhatian bagaimana pegawai boleh berkhidmat apabila jurang jawatan kosong itu *percentnya* begitu tinggi.

Dalam pada itu mengikut Rancangan Malaysia Kesembilan, guna tenaga buruh ialah 11,790,500 dan tenaga buruh tempatan ialah 9,512,900 dan asing 1,777,600. Oleh yang demikian, tidak perlu saya tegaskan di Dewan yang mulia ini anggota perkhidmatan awam yang melibatkan lebih daripada 15% tenaga buruh di negara tentunya akan menimbulkan impak atau kesan yang agak ketara dalam apa jua tindakan dan keputusan yang akan diambil oleh kerajaan tentang hal ehwal pentadbiran, kebajikan, anggota perkhidmatan awam.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kerajaan pun bersetuju secara prinsip untuk menaikkan gaji anggota perkhidmatan awam seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Perkhidmatan awam telah pun melalui satu perubahan yang cukup mendadak sejak terlaksananya Sistem Saraan Baru (SSB) pada tahun 1992 dan kini digantikan dengan Sistem Saraan Malaysia SSM pada 1 November 2002. SSM merupakan penggantian kepada SSB sebagai penambah baik melalui satu sistem saraan berasaskan merit di mana anggota perkhidmatan awam dinilai dari segi peningkatan kompetensi dan pengetahuan dan tidak lagi bergantung semata-mata laporan penilaian prestasi.

Saya masih ingat bahawa di antara objektif SSM termasuklah menjadi anggota perkhidmatan awam peka terhadap persekitaran, menarik, membangun, menggalak dan mengelakkan anggota perkhidmatan awam yang berkaliber, menggalakkan pendidikan yang berterusan, melahirkan anggota perkhidmatan yang berilmu dan berpengetahuan. Tidak boleh dinafikan bahawa peranan yang dimainkan oleh anggota perkhidmatan awam dan sumbang bakti mereka telah membawa negara ke tahap pembangunan yang kini kita capai.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang mana telah digariskan dalam bab 26 usaha murni kerajaan untuk memantapkan suatu sistem penyampaian perkhidmatan melibatkan pelbagai aspek peningkatan urusan yang melibatkan pentadbiran tanah, perkhidmatan PBT, pemudahan pelaburan, pengurusan kualiti, ukuran prestasi, gabungan lesen dan permit, penambahbaikan perkhidmatan kaunter, urusan aduan awam, hubungan kerendah birokrasi dan pembangunan ICT. Walaupun SSB dan kini SSM telah pun diperkenalkan sejak 15 tahun dan kini lima tahun kebelakangan ini, mungkin wajar SSM perlu dihalusi, saya ingat pegawai-pegawai di belakang Dewan ini juga amat bersetuju. Beberapa rungutan dikaji dan diperbaiki khususnya dalam pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) seperti terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.4/2002 khususnya mengenai peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan mengikut kesesuaian dan acuan yang lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, Kita berasa bangga kerana perkhidmatan awam negara kita merupakan salah sebuah perkhidmatan yang diiktiraf sebagai yang agak terbaik dalam dunia pujian kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atas segala usaha gigih mereka dalam meningkatkan semua elemen pengurusan prestasi terutama komitmen rancangan dan pemantauan demi memantapkan pelaksanaan pengurusan prestasi yang berkesan dan seterusnya meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam. Saya tidak perlu jelaskan dengan

lebih *detail*. Saya dapati bahawa PTK itu harus dikaji semula jika ianya tidak dapat mencapai tujuan dan objektifnya, kita mungkin rombak semula. Kini terdapat 290 Skim Perkhidmatan dengan 85 bagi Pengurusan dan Profesional, 191 bagi Sokongan dan 14 bagi Bersepadu. Bagaimana peperiksaan ini dirumuskan daripada PTK Tahap 1-6 bagi kumpulan Profesional dan bagi PTK 1-4 dan mampukah panel yang mengendalikannya sehingga tidak menjadi keputusan tertunggak. Kita duduk peperiksaan tetapi enam bulan belum dapat keputusan, penilaian tertunggak dan macam-macam lagi dan seterusnya menimbulkan masalah kepada anggota perkhidmatan awam dalam khususnya anjakan gaji dan kenaikan pangkat.

Oleh itu saya berharap, saya menyeru, saya menggesa bagi pihak pegawai-pegawai di belakang, pihak kerajaan supaya jika berkesempatan SSM disusun semula dengan mengambil kira pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh pihak CUEPACS, pihak pengurusan, agar saya yakin, saya percaya kalau SSM itu bukan tidak baik, kita rombak semula, kita tengok mana harus kita teliti semua pegawai akan mendapat motivasi untuk kerja, untuk khidmat untuk negara. Saya memahami pihak JPA bertanggungjawab dalam memastikan perkhidmatan awam mempunyai struktur organisasi yang cekap dan berkesan serta perkhidmatan yang sesuai demi membolehkan agensi dan organisasi perkhidmatan awam menepati objektif penubuhannya. Walaupun penyelarasan gaji atau kenaikan gaji adalah penting bagi menjaga kebajikan mereka seperti mana yang telah dilaksanakan dari masa ke semasa. Namun mungkin sebagai skim perlu disusun semula. Skim juga kita perlu susun semula seperti yang saya nyatakan. Ini di bawah SSM klasifikasinya adalah 20 klasifikasi perkhidmatan. ATM dengan PDRM dia lain, kita tidak boleh longgok semuanya dalam satu kumpulan.

Akhir kata saya hendak habis.....

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Sila kawan saya.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat. Saya masih terpenggil isu perkhidmatan awam yang menjurus kepada PTK yang saya tidak jemu-jemu untuk melahirkan perasaan tentang sensitiviti perkhidmatan awam yang berjumlah 1.2 juta orang. Kita dimaklumkan semalam kos yang terlibat bagi membiayai peperiksaan PTK Ini saya agak terkejut semalam, purata setiap tahun yang dibelanjakan untuk mengendalikan peperiksaan ini RM40 juta setiap tahun walaupun tahun akhirnya semakin rendah.

■ 1520

Tetapi apakah penilaian yang dibuat terhadap kos yang di belanja pada impak kakitangan awam yang telah menjalani secara terpaksa ujian PTK ini, dan juga Tuan Yang di-Pertua sensitiviti perasaan 70,000 kakitangan perguruan yang sengaja menidakkan, tidak mengendahkan mengambil PTK ini kerana pada mereka mungkin relevan atau tidak kadang-kadang subjek itu jauh sekali dengan *skill* ataupun jawatan yang di pegang.

Di sini saya mohon pandangan sahabat saya Yang Berhormat kerana beliau begitu juga bersemangat untuk pihak Jabatan Perkhidmatan Awam mengkaji semula matlamat utama ialah untuk memberi ilmu kepada kakitangan awam dengan harapan produktiviti semakin bertambah. Kita juga harus lihat negatifnya impak positifnya juga harus dilihat kerana itu saya mohon Yang Berhormat, hati saya masih tersentuh kerana bukan melibatkan satu juta perkhidmatan awam tapi kalau dikalikan dengan masalahnya, melibatkan anak, isteri, masalah itu melibatkan hampir lima juta makhluk kerana PTK.

Kasih sayang ibu kepada bapa kadang-kadang terpisah kerana konsentrasi kepada peperiksaan. Kadang-kadang hubungan antara suami isteri terpaksa kerana *study* sebelah malam, kalau kena JPJ, kena imigresen tak ada waktu nak *study* di pejabat, dia *study* malam, tapi kalau agensi-agensi pusat dia masih santai masih boleh ada waktu *study* di dalam pejabat, tak ada orang tahu.

Jadi ini wujud satu - pada saya pandangan saya mesej untuk kita memberi ilmu kepada kakitangan awam, harus melalui kaedah-kaedah lain. Kaedah-kaedah lain yang bersesuaian dengan jurusan masing-masing, kalau doktor bagi dia subjek-subjek secara nota-nota tak perlu ada *exam*, *exam* hanya perlu percubaan pertama hingga tiga tahun, mungkin. Lepas itu sah, *that's it*.

Jadi untuk menambah pembangunan tenaga insan dalam bentuk ilmu sepanjang hayat boleh guna kaedah-kaedah lain, tanpa peperiksaan, apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Boleh saya mencelah sedikit sebelum itu? Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Dato' Dr. Norraesah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua saya juga rasa terpenggil sebab saya juga bekas pegawai kerajaan dan saya sendiri juga melalui peperiksaan-peperiksaan yang *diimpose* yang di kenakan kepada kita. Pada ketika saya dulu, kadang kalanya mengambil peperiksaan yang tidak ada relevansi kepada pekerjaan saya. Ini adalah keluaran yang ikhlas daripada saya sebagai bekas pegawai PTD.

Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Yaakob tadi yang mengatakan bahawa segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan ialah untuk meningkatkan produktiviti pegawai-pegawai. Kalau k-ekonomi ini adalah sesuatu yang menggenggam era kita, maka *knowledge* ilmu itu harus menjadi sesuatu yang harus ditanam kepada pegawai-pegawai kita.

Umpamanya pegawai-pegawai dari Kementerian Pertanian harus mengetahui tentang bioteknologi, urusan bioteknologi penggunaannya untuk meningkatkan produktiviti pertanian, mereka yang di bawah Kementerian Sains dan Inovasi harus mengetahui apa sebenarnya bioteknologi, inovasi dan IT itu, ini yang amat penting!.

Pada masa saya dulu, saya tak tahulah sekarang sama ada mereka harus lagi menduduki peperiksaan yang mengetahui kalau bertolak daripada Pulau Pinang ke Kuala

Lumpur berapa jumlah akan di bayar *general orders*? Tak perlu!, *clerk* saya saja buat! Daripada masa itu pun saya rasa tidak ada relevan kepada pekerjaan.

Saya memang yakin dan saya benar-benar menyokong bahawa segala belanjawan RM40 juta upamanya itu untuk menduduki peperiksaan diberi atau di gunakan untuk meningkatkan ilmu, saya rasa mesti ada *specificity* penggunaannya.

Saya memang ingin menyaran dan mendesak supaya ilmu di kalangan pegawai-pegawai PTD ini harus dipertingkatkan. Sekarang ini apa orang kata di *dynamism of even* dengan izin dunia ini amat dinamik, *knowledge* bertukar. Segala-galanya sudah berubah dari satu kepada satu yang lain, maka kita harus mengikut segala perubahan ini *the only constant thing that is constant, is changed* dengan izin, maka kita harus sentiasa berkejar.

Saya rasa pegawai-pegawai kita ini cerdik-cerdik belaka, tapi kalau tidak diberi masa untuk menimba ilmu yang baru, untuk menyesuaikan diri mereka di dalam tugas dan tanggungjawab mereka, mereka tidak akan menjadi mereka yang amat bijak. Bijak, tetapi tidak bijak mengikut keperluan yang ada.

Jadi saya juga merasakan bahawa jumlah kalau RM40 juta di tambahkan kepada RM50 juta pun kita rasa kita dapat perakui kerana ia akan meningkatkan produktiviti pegawai-pegawai kita dalam kerajaan dan mungkin pengurusan akan lebih baik, maka tidak payahlah kita membentangkan peruntukan pembekalan tambahan yang variannya amat tinggi 20% yang lebih itu saya rasa amat tinggi.

Berkaitan dengan ini kalau diizinkan, tetapi saya pun nak bercakap lepas ni kan, saya berhenti di sini.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak payahlah, sila Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin, Yang Berhormat Dato' Gooi juga bekas PTD ke?

Dato' Gooi Hoe Hin: Pegawai Tadbir, saya memang setuju dengan Yang Berhormat Datuk Yaakob dan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah.

Pegawai kita semuanya sudah pandai, kita nak meningkatkan tahap daripada pandai, cerdik, bijaksana dengan izin *a clever now going to make you intelligent, will make a you wise*. Kebijaksanaan itu bukannya secara am datangnya dari PTK dan saya rujuk, saya baca Pekeliling ini muka surat satu sampai - saya rasa tidak boleh dapat kebijaksanaan.

Saya rujuk kembali kepada Laporan Tahunan Perkhidmatan Awam, ini rujuk hakikat daripada responden 70% telah mengetahui kompetensi kepimpinan yang diperlukan dalam melaksanakan tugas harian, 70% sudah mencapai tahap untuk memahami tugas harian.

Jadi, saya tidak boleh faham, dan saya mungkin kebijaksanaan kerajaan yang kini dipimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dengan ini PTK disesuaikan ataupun boleh dihapus kirakan. Oleh itu, akhir Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya ingin mencadangkan agar semasa penyemakan gaji masa yang sesuai, bayaran imbuhan tahunan atau bonus yang

kita panggil bonus kerja ke, tak kerja ke, KDNK naik ke, KDNK turun ke, satu bulan sudah jadi amalan.

Oleh itu saya *thinking out the box* perlu dikaitkan dengan prestasi agar pertumbuhan negara. Jika KDNK naik bayaran imbuhan tahunan kepada pegawai-pegawai bukan saja profesional, kumpulan sokongan yang penting sekali juga tanpa dia itu pun tak boleh naik, JPA boleh mengkaji satu formula bagi bayaran berkenaan. Bayaran juga boleh di bayar secara tunai dan secara saham, untuk mengelakkan inflasi serta menggalakkan simpanan jimat cermat bagi masa persaraan.

■1530

Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya kerajaan saya ingat masanya sudah sesuai, suatu Amanah Saham Perkhidmatan Awam, Amanah Saham Perkhidmatan Awam diwujudkan supaya apabila negara maju, KDNK naik, tidak perlu satu bulan, mungkin lima bulan, tetapi dua setengah bulan tunai, dua setengah bulan, saham simpan, bila bersara ada duit untuk jaga keluarga.

Dalam pada itu, apabila kenaikan gaji disesuaikan ianya perlu juga mengambil kira apabila pencen kemudian, khususnya bagi kumpulan sokongan pencennya tidak akan di bawah paras kemiskinan. Kalau saya tidak silap di lain-lain tempat perkhidmatan awam ia *pack* dengan izin, *pack* dengan inflasi supaya dia boleh hidup. Apa yang *you* untung RM1,000 sekarang, 30 tahun kemudian bila *you* bersara, katakan anjakan gaji ke RM1,600, sekarang *you* masuk perkhidmatan awam mungkin 23 tahun dan pada 55 tahun bersara, gaji RM2,000, sesetengahnya RM1,000. RM1,000 pada masa sekarang dan RM1,000 pada masa akan datang, 30 tahun akan datang, mungkin hendak beli minyak untuk motosikal pun tidak cukup.

Jadi saya harap apabila penyemakan gaji itu, kriteria-kriteria dan pandangan jauh itu perlu di ambil kira supaya perkhidmatan awam yang bertungkus-lumus bersama-sama dengan kerajaan menuju Wawasan 2020.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Yang Berhormat, boleh saya mencelah sedikit? Tidak boleh lagi?

Dato' Gooi Hoe Hin: Sila,sila

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan ada sedikit dilema dalam perbahasan Yang Berhormat tadi. Mulanya kita hendakkan kebaikan untuk pegawai-pegawai PTD dan gajinya biarlah pada saya, harus ditambah. Soal yang diperbahaskan oleh Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin ialah masalah ataupun soal *chicken and egg*, mana datang dulu? Ayam ke ataupun telur ayam?

Sebab kalau kita kata dalam suasana di mana ekonomi KDNK itu menurun maka janganlah dipertimbangkan kenaikan gaji. Tetapi masa yang sama, apabila kedudukan ekonomi itu agak tidak sihat, selalunya terdapat inflasi, terdapat kenaikan harga dan masa ketika itulah juga pegawai-pegawai sesak nafas. Maka dalam keadaan itu jugalah kita harus melihat supaya

gajinya tidaklah tertekan. Jadi, kalau kita hendak mendorong pegawai-pegawai kita untuk begitu produktif, komited dalam pekerjaan mereka, maka kita harus menimbang kenaikan gaji itu. Oleh kerana dalam ketika KDNK menurun, masa itu mereka kena kerja lebih kuat untuk memastikan bahawa KDNK pada tahun hadapan akan meningkat lebih lagi.

Oleh itu, inilah soalnya bagaimana kita hendak mengimbang. Pada saya kita harus mengambil kira dalam keadaan KDNK menurun, sesak nafas lebih lagi maka masa itulah kita harus melihat bahawa pertambahan kerja bagi mereka itu harus juga disesuaikan dengan kenaikan gaji.

Jadi pegawai-pegawai PTD, kita di sini memanglah inginkan kebaikan untuk...

Timbalan Yang di-Pertua: Maksud Yang Berhormat Dato' Gooi itu untuk semua anggota perkhidmatan awam atau PTD sahaja?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Untuk semua, tambah lagi kepada mereka yang pendapatannya jauh lebih rendah. Jadi kita hendak produktiviti kadangkala meningkat Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita menghargai segala *contribution* atau sumbangan mereka sama ada dalam kedudukan ekonomi yang meruncing ataupun tidak. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Dato' Gooi Hoe Hin: Yang Berhormat ini guru pakar ekonomi saya. Saya setuju, tetapi sementara apabila KDNK turun, kita sama-sama ikat perut. Kita ikat perut, tetapi dengan semangat jitu, semangat bagaimana kita hendak meningkatkan, barulah kita sama-sama boleh kongsi kekayaan. Prinsip, falsafah, memang ekonomi itu tidak boleh ditentukan oleh negara kita sahaja. Jadi itu pandangan, saya sudah akhiri.

Dengan kata-kata sedemikian, saya akhiri dengan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Kedua tahun 2006. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir. Yang Berhormat sudah bersedia?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Ya bersedia

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Dato' Musa.

3.37 ptg.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat Kementerian Kewangan hari ini adalah bertanggungjawab. Kita lihat pada hari ini kerancakan ekonomi kita, saham begitu melambung sekali tetapi siapakah yang mendapat keuntungan daripada keuntungan ekonomi? Yang ini kita mahu, kerajaan Barisan Nasional, kerajaan mesra rakyat, kerajaan bertanggungjawab dengan

rakyat. Maka kita mahu semua lapisan rakyat mendapat perkhidmatan apa yang orang lain dapat.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pada hari ini iaitu bekalan di luar-luar bandar. Kita hendak menyambut ulang tahun Kemerdekaan yang ke 50 tahun, tahun ini tetapi masih ada lagi di luar bandar, bekalan air, bekalan elektrik yang masih lagi tidak mampu disempurnakan oleh kerajaan. Kita lihat pada hari ini kalau sesuatu bantuan, sesuatu yang kita minta birokrasinya begitu susah sekali. Bagaimanakah kerancangan ekonomi ini yang akan dinikmati oleh rakyat di bawah ini.

Kita lihat hari ini Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga barang. Kita tahu beberapa minggu lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengumumkan kenaikan gaji. Kita mahu pegawai-pegawai kerajaan bekerja, kita mahu mereka mesra rakyat, senyum. Macam mana mereka hendak senyum kalau perut kosong Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana hendak senyum kalau masalah rumah tangga tidak boleh diselesaikan. Masalahnya mereka ini mahu bekerja, kita suruh mereka bekerja.

Hari ini, kita lihat kenaikan gaji pegawai-pegawai kerajaan. Saya hendak beri satu contoh kenaikan gaji tetapi sebelum kenaikan gaji, harga barang-barang sudah pun melambung. Barang-barang keperluan telah pun naik. Bagaimanakah kementerian atau kerajaan sendiri mahu menyeimbangkan kenaikan gaji ini supaya ia seimbang dengan kenaikan harga barang? Sebab itu kita bercakap dalam Dewan ini, kalau harga petrol sudah naik, harga elektrik naik, maka kerajaan pada masa itu, tempiasnya akan mengatakan jangan takut, kita akan mengawasi kenaikan harga keperluan tetapi hari ini tidak boleh. Semalam kita dengar Timbalan Menteri sendiri bercakap, pengguna-pengguna berbelanja dengan bijaksana, pengguna tahu bagaimana hendak belanja.

Tuan Yang di-Pertua, hari-hari kita kena makan nasi. Kalau harga beras naik kita tidak beli beras, hendak makan nasi macam mana? Tepung, minyak masak, sardin, ini adalah makanan orang-orang bawahan. Kalau keperluan ini sudah naik, bagaimana mereka hendak jimat? Apakah kita hendak makan rumput? Tidak tahulah kalau Timbalan Menteri hendak mencadangkan rumput yang boleh dimakan, yang tidak payah dibeli. Jadi inilah masalahnya Tuan Yang di-Pertua kita mintalah kerajaan, Kementerian Kewangan sendiri, lihatlah apa yang berlaku pada hari ini supaya semua rakyat dapat menikmati.

Saya hendak pergi ke satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, iaitu tentang lesen peminjam wang atau lesen pajak gadai. Kita lihat hari ini Ah Long-Ah Long yang berlesen. Kita lihat tiap-tiap hari akan ada peminjam-peminjam wang ini diugut, ada yang sampai dibunuh tetapi apakah tindakan kerajaan pada hari ini? Kita lihat, dulu lesen peminjam wang ini adalah di bawah pihak berkuasa tempatan dan hari ini di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Apakah tidak boleh lesen-lesen ini semua dimasukkan di bawah Kementerian Kewangan atau Bank Negara, supaya mereka dapat mengawasi lesen-lesen peminjam wang ini.

■ 1540

Kita lihat pada hari ini lesen peminjam wang mengenakan faedah kalau yang dengan cagaran, satu peratus, maknanya dua belas peratus setahun. Begitu juga dengan tanpa cagaran, satu perpuluhan lima peratus setahun. Dia lapan belas peratus setahun.

Maka apakah salahnya keluar lesen. Kita tahu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini banyak kerja hendak buat. Dia tidak boleh mengendalikan lesen-lesen ini. Biarlah lesen-lesen punya wang ini, kalau lesen-lesen pajak gadai ini di bawah pengawasan Kementerian Kewangan ataupun Bank Negara. Jadi supaya masalah-masalah Ah Long yang berlesen ini, yang bermaharajalela sekarang ini dapat dikurangkan.

Jadi Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua itu sahajalah yang saya mahu bercakap pada hari ini dan saya berharaplah Kementerian Kewangan... Sila.

Tuan M. Munusamy: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk. Berkenaan dengan Ah Long-Ah Long yang bermaharajalela dan telah memberi kesusahan bagi orang-orang yang meminjam daripada mereka, adakah Yang Berhormat Datuk bersetuju sekiranya saya cadangkan bahawa Kementerian Kewangan mengadakan satu dana khas bagi menolong mereka-mereka yang meminjam daripada pihak Ah Long supaya mereka boleh menjelaskan dan seterusnya membayar kepada institusi kewangan dengan kadar yang begitu murah. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah untuk kebaikan rakyat di bawah ini saya seratus peratus setuju. Inilah kebajikan yang patut kita buat untuk rakyat di bawah ini supaya mengelakkan mereka ini meminjam, tetapi dia kena betul-betul berniaga. Jangan pula pinjam duit, main judi pula. Kahwin dua, tidak bolehlah. So, dia betul-betul kena... kalau hendak perniagaan jalankan perniagaan yang betul-betul. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong penuh rang undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Yaakob.

3.42 ptg.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sekadar untuk menyentuh beberapa agensi iaitu Parlimen, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Kementerian Pelajaran dan akhir sekali Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Secara pendek-pendek saja.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Parlimen saya ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada pengurusan Parlimen dari segi mengendalikan persidangan kedua-dua Dewan yang mulia ini kerana telah menunjukkan prestasi yang begitu meningkat berdasarkan kepada apa yang kita alami di masa lalu dan pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Parlimen juga saya ingin menyentuh dari segi institusi yang kita muliakan dan yang banggakan ini. Cuma berlaku beberapa insiden-insiden yang boleh dianggap sebagai mencemarkan imej dan kemuliaan Dewan yang mulia ini. Untuk Dewan Negara, alhamdulillah saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua kerana telah pun memberi tunjuk ajar, bimbingan ke arah meningkatkan lagi situasi dan nama baik kualiti Dewan Negara.

Namun, saya juga ingin mendapat pandangan pihak kerajaan dari segi insiden-insiden yang berlaku di mana apatah lagi siaran secara *live* dibuat ketika perbahasan-perbahasan dibuat di dalam Dewan Rakyat. Yang mana telah meninggalkan impak yang rata-rata baik untuk anak-anak sekolah, baik untuk masyarakat di luar bandar, baik daripada pelawat-pelawat negara asing yang secara kebetulan berada di dalam Dewan Rakyat.

Saya mohon, bagaimanakah caranya Tuan Yang di-Pertua agar suatu pemantauan dibuat tentang cara-cara yang mana saya sendiri terkejut apabila berada di dalam satu kumpulan pelajar yang berada di Dewan yang mulia ini. Mereka berbincang sesama sendiri dan rasa takut cara perbahasan bukan seperti perbahasan, bukan pertengkaran. Entah apa istilah, tetapi mesej, impak kepada anak-anak, pelajar-pelajar yang datang untuk mengikuti, untuk mengambil pengajaran daripada sistem perbahasan yang dibawa sebaliknya secara kebetulan pada waktu itu berlaku situasi kelam kabut. Bangun dengan istilah bahasa-bahasa yang digunakan, dengan *body language* dengan izin yang kurang sopan, yang ditonjolkan oleh Ahli-ahli termasuk kita dalam Dewan yang mulia ini kepada masyarakat yang datang di Galeri Pemerhati. Apatah lagi keluar dalam program di TV-TV.

Jadi di sini, di mana silapnya Tuan Yang di-Pertua agar kita sama-sama Ahli Yang Berhormat Parlimen, tidak kiralah mana-mana pihak, harus ataupun ada tatacara peraturan yang harus dibendung agar perkara-perkara yang sungguh mengaibkan ini tidak berulang. Apatah lagi kita sering kali menyatakan Dewan yang mulia, Dewan yang mulia, tetapi perlakuan di dalam Dewan yang mulia itu tidak menunjukkan seperti apa yang diperkatakan. Itu yang kedua Tuan Yang di-Pertua.

Yang ketiga, menyentuh soal perjalanan Dewan yang mulia ini. Saya sekali lagi mohon merakamkan penghargaan dan tahniah kepada pihak urus setia yang kita lihat penyediaan logistik, memudahkan Ahli-ahli Yang Berhormat mengendali atau mengikuti perbahasan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh dari segi saya katakan tadi itu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam yang saya cuba hubung kaitkan sebagaimana yang telah disentuh oleh sahabat-sahabat saya tadi. Daripada informasi yang dinyatakan oleh sahabat saya tadi, 170,000 jawatan kosong yang wujud hari ini. Enam bulan yang lalu saya nyatakan juga terdapat hampir 200,000 jawatan kosong. Di satu pihak Yang Berhormat Perdana Menteri terus menerus dan begitu juga kementerian tidak... iaitu cuma

menyentuh soal *delivery system*, sistem penyampaian. Di mana penyelarasan harus dibuat? Di satu pihak jawatan kosong banyak, di satu pihak lagi *delivery system* yang tidak begitu sempurna. Masalah-masalah beban tugas yang makin meningkat.

Persoalan saya di sini Tuan Yang di-Pertua, apakah cara yang terbaik untuk mengisi kekosongan ini? Telah setiap tahun, memang ada jawatan-jawatan baru yang diwujudkan, ditambah tetapi jawatan-jawatan yang sedia ada ini tidak terisi. Di mana kelemahannya? Apakah pihak SPA tidak begitu mampu untuk mengisi kekosongan ini? Bagaimana harus apa yang diwar-warkan oleh Yang Amat Berhormat, yang dibimbangkan oleh Yang Amat Berhormat *delivery system* sudah jemu disebut, tetapi hakikatnya jawatan kosongnya masih ada.

Jabatan tidak dapat bertindak. Umpamanya, kalau dilihat dari segi undang-undang penguatkuasaan terlalu cantik di semua kementerian. Ada ditubuhkan. Buat itu tidak boleh, buat ini tidak boleh dari segi penguatkuasaan. Saya minta JPA atau SPA. Saya hendak tahu kekosongan dari segi bahagian penguatkuasaan ikut agensi-agensi yang ada undang-undang penguatkuasaan.

Kalau dilihat kementerian umpamanya Kementerian Sumber Manusia hendak pergi tangkap sini, hendak pergi tangkap sana. Saya hendak tahu berapa jumlah pegawai penguat kuasa? Berapa kosong yang dia ada? Jadi harapan inspirasi penghayatan yang hendak ditonjolkan Yang Amat Berhormat untuk menunjukkan perkhidmatan awam kita boleh menyampaikan produktiviti yang terbaik, tetapi hakikatnya sudah hampir setahun kekosongan ini tidak dapat diisi.

Apakah perlu SPA seperti yang saya katakan tadi, mewujudkan *delegation of power* kepada pegawai-pegawai, penolong pengarah ataupun penolong setiausaha di satu-satu... walaupun kementerian sudah ada. Jadi *delegation of power*, penurunan kuasa pengadilan.

Hakikatnya, kekosongan masih ada. Bagaimana hendak mengisi kekosongan ini? Harus diteliti dengan teliti.

Macam-macam *modus operandi* dengan izin yang dibuat. Iklan, komputer, tetapi kekosongan realitinya ada. Jadi saya mintalah SPA ataupun JPA carilah jalan. Dulu dalam tahun 80-an, di bawah KPPA, waktu itu saya ingat mungkin Timbalan KPPA nya ialah Tan Sri Alias Omar membuat Operasi Isi Penuh. Pegawai-pegawai muda diberi kuasa. Turun seluruh negara, *interview*, isi dalam masa tiga bulan, seratus ribu jawatan dapat diisi.

Jadi ini matlamat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya *delivery system* harus. Jadi saya lihat tidak mahulah lagi kekosongan ini terus tinggal kekosongan. Seterusnya saya hendak sentuh dari segi Jabatan...

■1550

Minta maaf Yang Berhormat sebab emosi sedikit dengan kekosongan ini. Menyentuh Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat hampir 82% pertambahan peruntukan diberikan kepada Kementerian Kewangan. Saya ingin mendapatkan pandangan ataupun jawapan tentang jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada kerajaan-kerajaan negeri dan jumlah hutang itu dituntut balik mengikut negeri, hutang negeri mana bakinya yang belum dijelaskan.

Kemudian saya sentuh tentang Kementerian Pelajaran. Kementerian Pelajaran ini di antara platform ataupun kementerian yang mempunyai peranan penting bagi mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi kaum di peringkat akar umbi, peringkat anak-anak itu seperti yang dikatakan rebung dibentuk sebelum menjadi buluh. Saya ingin mendapatkan pandangan daripada Kementerian Pelajaran tentang sekolah wawasan kerana ini hasrat murni kerajaan untuk cuba menonjolkan ciri-ciri kemesraan di antara semua kaum di bawah satu bumbung.

Saya ingin mendapatkan jawapan daripada kementerian berapakah sekolah yang telah pun melaksanakan sekolah wawasan? Apakah masalah kekangan yang dihadapi oleh kementerian dan strategi untuk menggalakkan sekolah wawasan ini diperkembang ke seluruh negara dan lihat apakah anasir-anasir yang cuba menggagalkan sekolah ini dianggap sebagai mensabotaj dasar-dasar baik kerajaan untuk mewujudkan perpaduan kaum selaras dengan Titah Ucapan Ke bawah Duli Tuanku baru-baru ini dan juga hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri.

Menyentuh soal Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, saya memang selalu angkat topi menghormati di atas kecemerlangan pihak PDRM di dalam mengekalkan ketenteraman awam. Apatah lagi segala yang berlaku daripada rumah turun jalan sampai balik, sampai ke liang lahad daripada lahirnya seorang anak, semua dibebankan kepada PDRM. Masalah kecurian, masalah dadah, masalah persengketaan dan berbagai-bagai masalah, semua PDRM dipertanggungjawabkan.

Soalan yang saya hendak bangkitkan di sini ialah dari segi jumlah OCPD di seluruh negara yang ada pada hari ini dan kalau boleh pihak PDRM nyatakan setiap Ketua Polis Daerah itu berapakah tanggungjawab untuk menjaga penduduk di kawasannya? Apakah seorang OCPD harus menjaga 400,000 penduduk di kawasannya? Apakah seorang OCPD itu mempunyai *justify* dengan *strength* (kekuatan) yang dia ada? Itu yang pertama.

Yang kedua, saya ingin mendapat juga maklumat tentang OC iaitu di bawah OCPD ada OCnya. Kalau boleh dengan mengikut daerah, berapakah OC yang ada di bawah satu-satu *district* dan OC itu dipertanggungjawabkan untuk berapa ramai penduduk?

Timbalan Yang di-Pertua: OCS.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, OCS. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semangat hendak tolong PDRM terlalu banyak tetapi kadang-kadang kita tiada istilah yang hendak disesuaikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya rasa saya sudah merangkumkan hampir kesemuanya, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memberi laluan keadaan sahabat-sahabat saya yang lain. Dengan ucapan itu saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: [Bangun]

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi bagi kepada Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad dahulu. Silakan Dato' Dr. Norraesah.

3.54 ptg.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam membahaskan akta ini, saya hanya ingin menyentuh dua perkara yang saya anggap sebagai *basic and fundamental*. Pertama ialah soal yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin itu tadi iaitu mengenai *variance* yang terdapat dalam peruntukan tambahan ini.

Saya mengakui bahawa amat sukar hendak membuat anggaran perbelanjaan yang tepat. Tentu sekali akan terdapat beberapa perkara yang di luar jangkaan tetapi bukankah kita berupaya atau boleh tidak kita membuatkan satu disiplin diri, satu prinsip di mana *variance* ataupun perubahan ataupun jurang tambahan itu tidak akan melebihi 8% umpamanya. Kalau 5% itu agak rendah, 8% supaya kita dapat benar-benar bersungguh-sungguh apabila membuat anggaran itu memasukkan atau memfaktorkan di dalam anggaran kita itu segala yang kita rasakan di luar jangkaan.

Ini adalah satu daripada cara ataupun pada saya *indicator* (petunjuk) yang menunjukkan bahawa kita benar-benar membuat perangkaan ataupun perancangan yang *efficient* dan berkesan. Saya rasakan saya dahulu pun menjadi pegawai kerajaan juga. Memang sukar hendak membuat anggaran yang tepat tetapi janganlah *variance* itu terlalu tinggi seperti yang terdapat pada tahun ini, hanya sekiranya apa yang berlaku untuk meningkatkan pertambahan di dalam perbelanjaan itu adalah sesuatu yang tidak dapat kita elakkan. Itu cadangan saya.

Satu lagi yang berkaitan dengan perbekalan tambahan ini ialah yang disebutkan tadi di antara tambahan yang diberikan kepada badan-badan berkanun. Saya melihat bahawa beberapa badan berkanun ini prestasinya adalah amat menyedihkan. Saya mengambil sebagai satu contoh ialah LADA di Langkawi.

Ia ditubuhkan mengikut akta pada tahun 1990. Pada permulaannya, pertumbuhan dan pembangunan di Langkawi amat rancak sekali. Semuanya bercakap tentang Langkawi tetapi apabila saya lihat perangkaan dan data yang dikeluarkan oleh LADA, prestasinya kian menurun. Ini amat menyedihkan oleh kerana kita hendak mempromosikan Langkawi sebagai satu destinasi pelancongan yang hebat.

Baru-baru ini Prince Walid daripada Saudi Arabia sudah pun membeli Four Seasons di Langkawi dengan jumlah RM423 juta macam itu. Ini menunjukkan bahawa minat pelancong dan minat pelabur terhadap Langkawi amat baik sekali. Namun apabila kita melawat Langkawi sebagai orang katakan pelancong tempatan, saya rasa segan dan malu juga oleh kerana *maintenance* di Langkawi dalam keadaan yang tidak begitu memuaskan.

Di pekan-pekan Langkawi umpamanya di Pekan Kuah, kedai-kedai dan perumahan kadang kalanya mempunyai *crack* (retakan) di mana tumbuh pokok-pokok di celah-celah *crack* itu. Ini bukanlah satu yang hendak kita tunjukkan kepada pelancong asing. Saya hendak menyarankan di sini supaya LADA meningkatkan prestasi mereka dengan menjadikan sesuatu yang lebih baik sebab penurunan dalam pendapatan LADA begitu ketara sekali, begitu jelas ternampak, walhal geran yang diperuntukkan oleh kerajaan semenjak ia ditubuhkan berjumlah RM109 bilion lebih. Di sini kita bukanlah hendak mengatakan bahawa kita hendak tutup LADA, tetapi kalau ikut KPI yang memang *strict*, LADA ini kita kena turun markah sedikitlah. Ini kerana kalaulah tambahan kepada badan berkanun itu kita teruskan pada setiap tahun tanpa prestasi itu meningkat, maka saya rasa kita harus melihat atau meletakkan KPI kepada badan-badan ini supaya ia akan meningkatkan prestasi mereka.

Tetapi di samping itu, saya ingin mengatakan bahawa kita juga bangga dengan segala usaha yang dilakukan oleh LADA sebab selain daripada Le Tour de Langkawi dan LIMA, ada beberapa lagi acara pelancongan yang berbentuk antarabangsa itu yang sudah diperkenalkan. Cuma kita hanya mendengar tentang LIMA dan Le Tour de Langkawi dan tidak dengar sangat tentang perkara lain. Promosi tanpa menambahkan... Semua orang lihat di bumbung apa fasal? Ada sedikit...

■ 1600

Dato' Gooi Hoe Hin: Yang Berhormat, boleh pohon laluan. Terima kasih, saya hendak tokok-tambah berkenaan dengan badan berkanun. Sama ada Yang Berhormat sedar bahawa kalau yang di bentang di dalam Dewan ini laporan tahunan badan-badan berkanun, selalu saya tengok *balance sheet* nya. Wang ada, banyak simpanan tetap, berjuta-juta tetapi di Dewan ini masih minta peruntukan tambahan. Saya hairan dan saya keliru, adakah Perbendaharaan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad, perlukah kita menentukan satu KPI, tambah lagi masuk betul-betul, ukur prestasinya. Terima kasih.

[Tuan di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya rasa, saya biarkan Timbalan Menteri yang ada bersama kita menjawab soalan itu. Jadi, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh di sini ialah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, tidak ada wakilnya di sini tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa apabila pagi tadi kita bercakap fundamental, soal

back to basic, inilah kementeriannya yang akan menentukan bahawa soal *back to basic* itu dapat kita lakukan dan kita selenggarakan dengan baik.

Sebab kebajikan masyarakat itu kadangkala kita perkecilkan atau kita letakkan di tepi sahaja oleh kerana kita memberi tekanan kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Kita sentiasa bercakap tentang pertumbuhan yang rancak, *Kuala Lumpur Stock Exchange* yang kian meningkat tetapi kadang kala kita lupa hendak bercakap tentang kebajikan masyarakat. Pagi ini kita telah pun bahas tentang *care center*, penjagaan untuk kanak-kanak dan warga emas. Ini adalah satu yang saya rasa kita harus banggakan.

Namun, saya merasakan bahawa peruntukan dalam soal ini kurang mencukupi. Sebab kalau pun kita bangga dengan peruntukan, tentang KDNK kita, tentang inflasi yang menurun dan lain-lainnya tetapi kalaulah kedudukan ekonomi kita begitu baik maka jumlah orang yang memerlukan pertolongan daripada kerajaan dalam soal kebajikan itu harus juga menurun. Oleh kerana ekonomi kita sudah berjaya jumlah mereka yang di bawah, orang kata *welfare* dan kebajikan ini tidaklah begitu ramai.

Dengan itu peruntukan yang harus kita berikan juga harus meningkat, *proportionately* lah dan diharapkan jumlah yang mereka akan dapat adalah jauh lebih tinggi. Tambahan kepada jumlah yang sedikit benar diberikan kepada mereka yang kurang bernasib baik. Saya ingin merakamkan di sini bahawa betapa bangganya saya dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, yang bekerja bertungkus-lumus untuk menentukan supaya wanita itu tidak diletakkan di *periphery* dan kita ini satu golongan, aset yang akan benar-benar digunakan untuk meningkatkan produktiviti negara.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ini menyatakan betapa bangganya saya, saya ingin melafazkan betapa bangga....

Tuan Yang di-Pertua: Adakah kementerian, Yang Berhormat sebutkan tadi, minta peruntukan tambahan atau tidak?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tidak ada, sebab inilah tadi pagi kita berbincang tentang ...

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi kalau saya kuat kuasa peraturan dan bahas saya tidak boleh benarkan Yang Berhormat terus berucap mengenai kementerian ini.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tetapi kita hendak memohon supaya kementerian di lain hari dan juga Perbendaharaan akan mengambil ini di dalam pertimbangan sebab kebajikan saya rasa adalah satu perkara yang penting. Ini saya rasa relevan sebab ia tidak ada, maknanya kita lagi tidak memberi perhatian tentang kebajikan. Jadi, saya ingin mengakhiri dengan menyatakan di sini melafazkan rasa bangga saya dengan Ahli-ahli Dewan Negara oleh kerana kehormatan yang diberikan kepada wanita. Sungguhpun kadang kala kita berbahas tentang isu gender, tentang wanita dengan secara berseloroh, namun tidak pernah terkeluar kata-kata kasar tentang wanita. *[Tepuk]* Jadi, dengan ini saya merasakan....

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, sendiri cakap, sendiri tepuk, nanti orang cakap syok sendiri.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, yang tepuk, kaum lelaki pun sama. Saya rasa ini adalah satu kebanggaan Dewan Negara dan saya mintalah kita berterusan menunjukkan tatasusila yang baik dan cemerlang. Dengan itu saya menyokong.
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawī, selepas itu saya beri Yang Berhormat ...

4.05 ptg.

Puan Mumtaz binti Md Nawī: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya ingin mohon *direction* daripada Tuan Yang di-Pertua, sama ada apa yang bakal saya bahas ini di bawah perbahasan kita pada hari ini. Ini kerana saya akan mohon untuk buat pindaan kepada Akta Undang-undang Sivil. Adakah ini boleh dimasukkan di bawah Parlimen, ataupun di bawah Kementerian Kewangan. Saya tidak tahu di bawah B manakah yang saya perlu masukkan item ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab saya tidak boleh silap, jadi saya benarkanlah.

Puan Mumtaz binti Md Nawī: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya turut sama membahaskan Rang Undang-Undang bagi Perbelanjaan Tambahan bagi tahun 2006 ini. Oleh kerana pagi tadi kita telah pun mendengar jumlah kemalangan yang melibatkan kemalangan maut di negara kita telah pun mencapai angka 80,000 dan bila mana diminta perangkaan daripada Kementerian Sumber Manusia tentang berapakah bilangan pegawai kerajaan yang meninggal dunia dalam masa 10 tahun dan juga berapa orang pegawai yang berkhidmat di sektor swasta yang telah memohon dengan PERKESO dalam masa 10 tahun.

Angka yang saya terima dan didapati adalah tidak lebih daripada 7,000 orang, ini menunjukkan bahawa kebanyakan daripada mangsa kemalangan bukanlah melibatkan pegawai kerajaan mahupun orang yang bekerja di sektor swasta yang dilindungi oleh PERKESO. Oleh yang demikian, saya merasakan bahawa untuk kes yang kita lihat bahawa pertambahan jumlah kenderaan yang telah pun banyak di negara kita kepada meningkat kepada 17 juta kenderaan.

Maka dengan itu saya memohon kepada pihak yang berkenaan untuk membuat pindaan kepada ganti rugi kesedihan yang telah pun diberikan dan diawardkan di bawah Akta Undang-Undang Sivil (Pindaan) 1996 yang telah memberikan satu jumlah yang tetap kepada kesemua mangsa ataupun orang yang ditinggalkan akibat daripada kemalangan, iaitu kepada pasangan ataupun ibu bapa mangsa sebanyak RM10 ribu.

Ini adalah jumlah yang ditetapkan pada tahun 1984 dan jumlah ini adalah jumlah yang belum lagi ditetapkan sebelum daripada tahun tersebut. Jadi, pindaan ini telah pun dibuat pada tahun 1984 demi untuk menjaga kebajikan rakyat yang terlibat dalam kemalangan. Oleh kerana

tahun 1984 dengan tahun 2007, lebih daripada 20 tahun saya fikir bahawa jumlah ini perlu kita tingkatkan demi untuk kita melihat kebajikan dan kesedihan dan tanggungan yang telah dialami oleh mangsa akibat kemalangan yang kita lihat angkanya telah meningkat kepada 80 ribu ini.

Oleh kerana pindaan ini tidak boleh dibuat oleh mana-mana mahkamah ataupun undang-undang melainkan ditetapkan dan diubah oleh Yang di-Pertuan Agong, saya mohon agar dibuat pindaan ini selaras dengan perkembangan semasa kerana memandangkan jumlah ganti rugi untuk kes-kes lain yang terlibat dengan kemalangan, iaitu melibatkan dari segi kepatahan ataupun ketidakupayaan telah meningkat dengan kadar tiga, empat kali ganda, jadi adalah munasabah untuk kita juga memohon agar jumlah kesedihan iaitu RM10 ribu ini juga ditingkatkan dan cadangan saya ia boleh ditingkatkan sehingga RM20 ribu selaras dengan kenaikan nilai mata wang.

Ini kerana kemalangan ini menyebabkan ibu bapa yang berada di kampung kadang-kadang sukar untuk memahami kenapa anak mereka setelah meninggal dunia hanya dinilai sebanyak itu, tetapi kita faham bahawa tujuan penggubalan undang-undang ini di Parlimen bukanlah untuk menilai nyawa seseorang tetapi bila mana kita telah menetapkan jumlah dan jumlah itu telah pun lari daripada trend, sepatutnya jumlah ini dipertingkatkan sesuai, selaras dengan perkembangan semasa. Itu yang pertama.

Yang kedua, dalam Akta Undang-Undang Sivil juga menetapkan bahawa ibu bapa hanya boleh menuntut ganti rugi kesedihan sebanyak RM10 ribu ini kepada mana-mana anak yang meninggal dunia semasa usia mereka kurang daripada 18 tahun dan tidak berkahwin.

■ 1630

Ini akan menjadi amat sukar bilamana yang meninggal dunia adalah anak-anak yang belajar di universiti. Baru-baru ini kita lihat beberapa orang pelajar UiTM telah meninggal dunia akibat kemalangan dan sekiranya kes ini dibawa ke mahkamah, maka jawapan yang mereka akan terima bahawa ibu bapa tidak akan menerima apa-apa ganti rugi dalam bentuk kesedihan kerana anak mereka telah pun melebihi usia 18 tahun walaupun masih belum berkahwin. Oleh kerana kita melihat dalam semua undang-undang lain khususnya berkaitan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang memperuntukkan bahawa anak-anak yang berada di pusat pengajian tinggi juga haruslah dikira ditanggung oleh ibu bapa selagi mana mereka ini belum berkahwin, maka saya mengira bahawa perkara ini juga perlu dipinda dalam akta yang sama.

Begitu juga dari segi *bereavement* ini ganti rugi RM10 ribu ini diberikan juga kepada pasangan yang meninggal dunia. Sebagai contoh, kalaulah suami yang meninggal isteri akan menerima RM10 ribu sekiranya beliau adalah isteri yang sah tetapi dalam keadaan ini yang menjadi persoalannya tidak ada dibuat pembahagian yang jelas dan juga pentafsiran yang jelas tentang bagaimana akan berlaku sekiranya yang meninggal adalah suami yang berkahwin dua ataupun tiga setelah undang-undang untuk berpoligami dibenarkan dalam negara kita.

Oleh yang demikian sekiranya pembahagian untuk ganti rugi *bereavement* yang diterima oleh ibu bapa diberitahu dan diperjelaskan dengan jelas dalam akta undang-undang sivil sepatutnya untuk ganti rugi yang melibatkan pasangan juga perkara yang sama diperjelaskan bagi mengelakkan kekeliruan dan juga menunjukkan kesaksamaan gender. Saya dengan ini tanpa memprejudiskan keputusan-keputusan yang mungkin telah pun ada di mahkamah-mahkamah kerana kita ingin melihat kesaksamaan gender kerana isteri yang dikahwini itu tidaklah mempunyai kuasa untuk menghalang ataupun menidakkan hak suaminya untuk berpoligami tetapi malanglah bagi isteri sekiranya suami tadi meninggal dunia, hak untuk mendapat ganti rugi kesedihan juga terpaksa dibahagikan antara isteri-isteri yang sedia ada walaupun mungkin dalam sesetengah kes mereka tidak tahu akan kewujudan orang kedua mahupun ketiga serta keempat ini. Ini akan lebih menyulitkan kes.

Seterusnya tentang bagaimanakah tindakan oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan perbelanjaan akibat kerugian yang ditanggung akibat kemalangan jalan raya kerana kita lihat pada hari ini kebanyakan kes yang dirujuk di semua mahkamah Malaysia adalah melibatkan kes-kes trafik. Sekiranya untuk kes-kes melibatkan perumahan, untuk kes-kes kecil yang mudah diselesaikan kes boleh diselesaikan di peringkat tribunal.

Saya juga mencadangkan agar pihak kerajaan boleh mengkaji satu mekanisme ataupun cara ataupun mewujudkan satu tribunal untuk menyelesaikan kes-kes yang melibatkan kes-kes kemalangan yang kecil dan juga menyeragamkan secara umum dan menubuhkan jawatankuasa untuk membincangkan tentang berapakah award ataupun kuantum yang patut diberikan kepada mangsa-mangsa kemalangan kerana kita melihat walaupun dalam negara kita yang demokrasi kita boleh memberikan beberapa banyak jumlah yang kita hendak, kadang-kadang untuk patah yang sama ataupun kelumpuhan yang sama di sesetengah negeri *awardnya* mungkin melebihi RM9 juta sebagaimana yang kita lihat di akhbar baru-baru ini dan mungkin setengah negeri hanya mengawardkan RM250 ribu. Ini menunjukkan bahawa berlaku satu ketidakseimbangan dan mungkin perkara ini perlu dilihat dengan cara yang lebih efektif untuk dikawal oleh kerajaan kerana ia berada di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Begitu juga dengan apa yang akan berlaku kepada anak-anak yatim kerana dalam akta yang sama juga bahawa kesemua kiraan untuk jumlah ganti rugi ini hendaklah dibahagikan daripada tahun persaraan ditolak dengan umur semasa beliau masih hidup dan dibahagi dengan dua. Sekarang bila berlaku pindaan kepada akta persaraan 56 tahun di dalam akta sivil untuk ganti rugi ini angkanya masih lagi 55 tahun. Ini kerugian satu tahun untuk dikira kepada orang-orang yang terlibat dalam kemalangan. Ini merupakan satu kerugian.

Dari segi *multiplier* serta *multiplicand* dengan izin, yang digunakan dalam perkiraan di bawah undang-undang sivil bagi ganti rugi kehilangan pendapatan ataupun tanggungan ini, ganti rugi yang digunakan mengira usia mangsa yang mati semasa kemalangan tanpa mengambil kira usia anak-anak yang ditinggalkan oleh mangsa-mangsa akibat kemalangan. Kemungkinan

sekiranya pindaan boleh dibuat kepada akta ini keseluruhan fakta-fakta tadi perlu kita teliti bagi menjamin kebajikan anak-anak yang ditinggalkan oleh mangsa kemalangan ini dapat kita tingkatkan.

Saya dengan itu mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Disebabkan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, saya pun tidak pasti sama ada termasuk di bawah peruntukan-peruntukan yang disenaraikan di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2006 ini, maka terpulanglah kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada mahu menjawab ataupun hanya sebutkan tidak termasuk.

Tuan Tan Ban You: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu lagi. Silakan, Yang Berhormat.

4.10 petang.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya turut serta dalam pembahasan Rang Undang-undang Pembekalan (2006) 2007. Seperti apa yang dikatakan oleh rakan saya beberapa orang tadi, saya tidak akan menyentuh semua perkara tetapi khususnya hendak menyentuh berkenaan dengan Maksud 21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Butiran 060000 iaitu pemberian subsidi baja padi.

Di bawah butiran itu anggaran yang diluluskan semasa 2006 ialah RM186 juta dan angka yang dipohon untuk maksud ini adalah RM214,460 juta. Dengan jumlahnya RM400,460 juta lebih daripada angka yang dipohon. Angka yang dipohon itu lebih daripada angka yang disasarkan, yang diluluskan dulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin berkenaan dengan radian yang dipinta itu tidak boleh melebihi daripada sasarannya 12%. Tetapi kalau kita mengikut kepada anggaran yang ada sekarang ia melebihi daripada apa yang diluluskan pada tahun 2006. Apa yang lebih dikesalkan, saya diberitahu subsidi baja ini, kempit-kempitnya tertera dengan perkataan 'Barisan Nasional' dan tidak boleh dijual tetapi saya difahamkan ia boleh didapati di pasaran dengan harga RM700 hingga RM900. Ini yang saya hendak beritahu di Dewan yang mulia ini. Adakah benar perkara ini berlaku? Itulah yang saya bawa dengan secara ringkasnya.

Saya mohon menyokong akta ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dijemput menjawab.

4.19 petang.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih

kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian yang begitu aktif dan menyeluruh. Saya pada mulanya menjangkakan tidaklah mungkin terlalu ramai yang mengambil bahagian pada petang ini.

■ 1620

Tetapi nampaknya juga tersalah jangkakan seperti mana yang kita hadapi dalam belanjawan yang menjadi persoalan pokok. Saya kira yang disentuh oleh kebanyakan Ahli Yang Berhormat, ialah mengapakah kita kerap kali datang untuk meminta bekalan tambahan belanjawan ini? Tambahan ini tidak cukup sekali, sehingga dua kali. Yang Berhormat Dato' Gooi telah berucap panjang lebar dan disokong pula oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah di samping Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Saya rasa sebagai satu pendekatan yang menyeluruh, sebagai satu peringatan, saya rasa kita boleh terima peringatan ini bahawa dalam kita menentukan belanjawan tahunan, kita cubalah sedaya upaya supaya perangkaan belanjawan ini tidak dibuat semata-mata untuk menyenangkan manakala peruntukan-peruntukan tambahan yang akan diminta pula sehingga dikatakan variannya terlalu besar.

Jadi, sebagai peringatan umum, saya rasa kita dan kerajaan akan terima dan akan membuat sebaik mungkin, tetapi sebagai terperinci dan mengkhususkan sedikit perbincangan kita pada petang ini. Kita pertamanya, mesti memperakui ataupun menerima bagi pihak kita bahawa mungkin kita tidak dapat mengelaknya 100%. Kerana sebagai satu prinsip dalam sebuah negara yang sedang membangun pesat, yang masih lagi mempunyai kelompok-kelompok yang memerlukan segala kemudahan dan perkhidmatan seperti mana Yang Berhormat sendiri sebutkan. Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah sendiri begitu tersentuh dengan keperluan mereka yang kurang bernasib baik.

Jadi kita sebagai kerajaan yang bertanggungjawab yang juga merasai apa yang dirasai oleh rakyat sudah tentu ingin memberi sebanyak mungkin kepada rakyat. Tetapi pemberian ini mestilah juga dalam keadaan dan cara yang berhemah. Kerajaan tidak boleh membuat peruntukan sesuka hati, sebesar mungkin walaupun keperluannya begitu besar kerana yang pentingnya kredibiliti kerajaan kita, yang pentingnya kemampuan kita untuk berbelanja itu mesti dipertahankan.

Jadi dengan kata lain, kita mestilah berbelanja, membuat belanjawan dengan jangkakan hasil yang kita peroleh supaya defisit yang kita bakal tanggung ini tidak terlalu besar. Apabila kita berterusan sepanjang tahun, kita dapati bahawa hasil kita juga kadangkala di luar jangkakan, melebihi daripada sasaran kita. Maka oleh itu kita boleh menambahkan lagi perbelanjaan kita demi untuk kepentingan mereka yang memerlukan ini tanpa menjejaskan kedudukan makro ekonomi kita khususnya dari segi defisit dan indikator-indikator ini. Jadi kita perlu lihat bahawa jangankan disiplin ini ditetapkan ke atas kita sehingga membekukan diri kita dari berbuat sesuatu kebaikan untuk rakyat. Ini satu prinsip yang perlu kita lihat.

Keduanya kita juga perlu lihat bahawa sebenarnya dikatakan bahawa walaupun dikatakan *variousnya* besar, dan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah mencadangkan kita ada 8%... Sebenarnya kalau kita lihat apa yang berlaku sebenarnya, memang kita berada di bawah lingkungan 8%. Kita jangan terpedaya ataupun tersalah faham dengan peruntukan sebanyak RM15 bilion ini. RM15.8 bilion ini hanya merupakan pemindahan daripada akaun hasil yang disatukan. Kita sudah ada lebih, kita hendak masukkan kepada wang pembangunan. Dia bukannya merupakan perbelanjaan yang kita lakukan. Ini sebagai satu pemindahan secara teknikal. Dalam kita mempunyai hasil kita mesti pindahkan. Dalam pemindahan ini, kita masukkan dia sebagai bekalan tambahan, tetapi sebenarnya pemindahan wang hasil.

Jadi yang sebenarnya berlaku ialah penambahan perbelanjaan tambahan sebanyak RM3.2 bilion sahaja untuk tambahan kedua. Kalau kita ambil kira tambahan pertama RM4.1 bilion, kita campurkan dia jadi RM7 bilion. Sebab itulah daripada RM81 bilion bekalan asal dia jadi RM87 bilion ataupun kalau kita tengok jumlah *operating expenditure*, dengan izin daripada RM101 bilion dia jadi RM107 bilion, 107.6 *to be precise*. Jadi maknanya, peningkatan dia lebih kurang 7%. Jadi kalau yang diutarakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah, 8% ini bagus, maka 7% lebih baguslah. Itu satu.

Yang keduanya, jumlah perbelanjaan pembangunan (DE). DE yang diperuntukkan asal ialah RM35 bilion. Tambahan pertama RM4.3 bilion. Tambahan kedua RM1.9 bilion. Jadi kalau dikira dari segi jumlah tambahan semuanya dicampurkan dengan peruntukan asal dia jadi RM41.7 bilion. Mungkin nampak besar RM41.7 bilion berbanding dengan RM35 bilion. Tetapi kita perlu ingat bahawa perbelanjaan sebenar tahun 2006 adalah RM35.8 bilion. Yang peruntukan asal ialah RM35.5 bilion, perbelanjaan sebenar 2006 ialah RM35.8 bilion. Hanya RM300 juta sahaja yang lebih. Ini juga satu prestasi, kalau dikira dari segi variannya cukup baik. Yang Berhormat mungkin bertanya mengapa ditambah, perlu ditambah kalau peruntukannya atau apa yang dibelanjakannya ini hanya RM300 juta sahaja melebihi peruntukan asal? Saya pun tanya kepada pegawai saya, mengapa ini perlu ditambah?

Sebelum Yang Berhormat tanya saya, saya sudah tanya dia. Jawapannya Yang Berhormat, aneh tetapi benar. Apabila sesetengah kementerian, dia berbelanja kurang daripada yang diperuntukkan. Sesetengah kementerian yang lain, dia berbelanja lebih daripada yang diperuntukkan. Satu kementerian yang lebih tidak boleh pinda kepada kementerian yang kurang. Kalau tidak, depa mai pinda sama pinda, entah ke mana dia pergi. Jadi sebab itulah peruntukan tambahan ini sebenarnya untuk menampung keperluan kementerian-kementerian yang memerlukannya. Kementerian yang berlebihan nanti itu tidak apa-apalah, kita ambil balik. Kita tidak ada masalah. Jadi kalau secara keseluruhannya, masih lagi dilihat bagus, RM300 *million* sahaja yang lebih.

Jadi sebab itulah, saya rasa dari segi ungkapan dasar secara keseluruhannya kita boleh terimalah. Yang baik itu baik, tetapi kita juga perlu memberi sedikit pengiktirafan kepada

kerajaan kita, kepada pegawai-pegawai kerajaan kita sebenarnya varian ini tidaklah besar. Kalau kita tengok dari segi OEnya 7%, dari segi DEnya lagi kurang. Ini juga merupakan sesuatu yang

...

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya....

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Boleh.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Daripada penjelasan Yang Berhormat tadi, saya ingin bertanya sama ada kementerian-kementerian yang tidak menggunakan sepenuhnya peruntukan yang sudah pun diperuntukkan kepada mereka itu merupakan kementerian-kementerian yang tidak berjaya untuk menjalankan aktiviti dan juga apa jua usaha yang dikata oleh mereka akan dijayakan untuk tahun itu. Maka itulah jumlah yang diberikan. Adakah ini bermakna *under performance*, dengan izin?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Kita lihat dari segi prestasi kewangan, betul-betul. Bermakna, kalau diminta, sudah pun diberi, tetapi tidak tertunai. Jadi barangkali adalah tetapi mungkin kementerian ada sebab-sebabnyalah yang kita perlu lihat, mengkaji. Jadi ada mungkin prestasi kewangan tidak memenuhi jangkaan, unjuran dan ada pula kementerian yang nampaknya melebihi unjuran dan jangkaan. Jadi..

Tuan Yang di-Pertua: Misalnya diperuntukkan untuk bencana alam, tiba tahun itu tidak ada bencana.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tidak ada bencana. Jadi kalau macam itu, adakah satu penganiayaan kepada kementerian berkenaan kalau kita katakan dia sudah tidak berprestasi kerana tidak berbelanja? Jangan-jangan kita terpaksa mendoakan kepada bencana alam untuk prestasi kewangan. Bergurau sahaja Yang Berhormat. Sekadar maknanya ruang lingkup ini kita kena tengoklah.

■ 1630

Kita tidak boleh kata tidak belanja, maka tidak berprestasi. Jadi saya harap perkara pokok ini kita sama-sama hayati supaya tidak ada salah faham sesama kita. Prinsip, semangat, keikhlasan Yang Berhormat saya terima. Saya tidak berhak mencurigainya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuma [*Masalah rakaman*] kebimbangan Yang Berhormat-Yang Berhormat ialah jangan-jangan soal *variance* ini disuluh sebagai tanda kurang tanggungjawabnya pemerintah, *the act of fiscal responsibility*.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya, jangan, jangan digunakan kerana kerajaan kita memang kerajaan yang bertanggungjawab. Kerajaan kita kerajaan yang betul-betul ingin memberi perkhidmatan kepada mereka di bawah seperti mana Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah dan Yang Berhormat-Yang Berhormat lain, saya ingin sebutkan di sini pada masa ini juga bahawa dari segi mereka yang miskin sama ada pendapatannya kurang daripada garis kemiskinan ataupun tidak, yang berkesusahan oleh kerana pelbagai kenaikan harga barang dan sebagainya, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Musa itu, kita mendengar

tetapi mungkin kalau tidak jelas seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, bahawa satu tumpuan besar akan dibuat dalam Belanjawan 2007 ini untuk melihat dan mencari jalan pendekatan bagaimanakah mereka yang kurang bernasib baik ini dapat dibela dalam Belanjawan 2007.

Saya rasa ini satu pengakuan, satu janji yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua sendiri dan saya hanya dapat menyuarakan semula sebagai satu janji untuk menambahkan satu keyakinan Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini. Jadi saya tidak perlulah hendak jelaskan dengan panjang lebar sangat tentang perkara ini.

Tentang masalah perkhidmatan awam dengan kekosongan jawatan, dengan masalah peperiksaan, tidak puas hati oleh sesetengah pihak, saya rasa ini sesuatu yang umum yang sudah diakui semua, malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, saya tahu dalam Kabinet, dalam *Post-Cabinet*, soal ini sering dinyatakan. Tujuan saya menyatakan ini ialah untuk memberi jaminan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, khususnya macam lipas kudung, ia bergerak sana sini sehingga peruntukan tambahan pun kita bagi untuk mereka pergi buat *interview* dan sebagainya.

Tetapi memanglah proses memakan masa sedikit sama ada kita hendak buat satu gerak gempur khas seperti mana Yang Berhormat Datuk Yaakob cadangkan, saya kira ini saya serahlah kepada JPA yang mempunyai pegawai-pegawai kanannya di sini untuk meneliti dan bagaimanakah ianya seharusnya ditangani.

Dari segi satu lagi cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat mengenai imbuhan sama ada haruskah atau tidak kita ikatkan dia dengan prestasi KDNK. Apakah umpamanya dikaji saraan penjawat awam tidak boleh diikatkan juga dengan kadar inflasi dan sebagainya.

Saya sekali lagi memahami hasrat dan kehendak Yang Berhormat apabila mencadangkan sesuatu sebegini. Tetapi saya sebagai seorang ahli ekonomi yang dididik dalam bidang ekonomi, saya cukup bimbang terhadap satu-satu kaedah yang mengikat kita, yang *paging or indexing*, dengan izin. Umpamanya kalau kita mahu ikatkan gaji, upah dengan inflasi, dia akan boleh menjadi satu *vicious cycle*. Maknanya inflasi naik, kita tambah gaji, harga naik, ia tambah lagi, ia akan jadi satu putaran, satu pusingan. Itu satu kebimbangan.

Keduanya, ia mengikat kita dari segi mempunyai kelonggaran, *flexibility*, dengan izin, untuk menjalankan satu-satu dasar. Apabila *flexibility* ini kita tidak ada, takut-takut dalam suasana-suasana tertentu, kita tidak dapat lari daripada ikatan ini dan kalau kita lari daripada ikatan ini, bermakna tahun ini kita tidak ikut inflasi umpamanya, kita tidak KDNK umpamanya, maka kredibiliti ke atas kaedah tersebut akan hancur. Kalau boleh ubah tahun ini, apakah ia tidak boleh diubah tahun depan atau dua tahun lagi.

Saya bimbang cadangan-cadangan yang mahu mengikat *flexibility* kita ini kerana dalam pengurusan ekonomi dan pengurusan negara, saya kira, memang sulit. Jadi kalau kita hendak mengikat diri kita, lebih-lebih sulit, lebih-lebih susah lagi. *[Air menitik dari bahagian atas]* Ada

tiris di sini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya tahan demi untuk bangsa, negara dan agama. Tiris sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Bukan hendak kompelin, Tuan Yang di-Pertua. Hendak beritahu.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak Yang Berhormat tidak perasan sebab Yang Berhormat kata tiris.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Oh, tiris tidak ada ya? Saya tidak hendak guna perkataan bocor, takut, bimbang. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Oh, tidak boleh sebut. Sudah itu apa perkataan selain daripada tiris? Ketirisan ada apa? Ketirisan.

Tuan Yang di-Pertua: Ketirisan ada. Sebab Yang Berhormat guna loghat Kelantan, tiris itu dia tidak perasan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Oh, Yang Berhormat. Saya tidak boleh mempersalahkan ibu mengandung dan tempat dilahirkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tentang lesen pinjaman wang yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Musa kepada Kementerian Kewangan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya rasa kerajaan tidak ada cadangan buat masa ini tetapi cadangan ini bolehlah diambil pandang oleh pegawai-pegawai bahawa terdapat gesaan atau cadangan dibuat supaya ini dapat dipertimbangkan oleh kerajaan.

Yang keduanya tentang dana khas Ah Long ini, saya juga prihatin dengan nasib sesetengah rakyat yang terjebak dengan masalah Ah Long ini, tetapi kalau kita dok buat tabung demi tabung untuk membantu golongan yang mana kadangkala masalahnya dia cari sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Dia tahu kita sudah cakap Ah Long ini jangan, Ah Long ini bahaya, Ah Long ini tidak berwibawa, pelbagai masalah, tetapi dia ambil juga. Kita cakap pelaburan internet ini jangan, ia merugikan, ia bukan *real, genuine*, dengan izin, tetapi ada juga orang kita yang buat.

Jadi kalau kita buat tabung-tabung untuk membantu mereka yang sering kali terjebak dalam hal ini, maka ini juga akan menjadi satu masalah *moral hazard*, dengan izin. Bermakna makin kita buat, dia makin jadi. Apa salahnya Ah Long ke tidak Ah Long, akhirnya ada tabung. Apa salahnya pelaburan internet, kerajaan akan bantu, umpamanya. Jadi sebagai satu usaha untuk...

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon laluan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Dalam soal Ah Long ini, saya setuju supaya kita tidak adakan dana untuk *rescue* ataupun bantu mereka yang sudah pun terjebak di dalam Ah Long, tetapi kita harus mengambil kira sistem perbankan dan kewangan yang sedia ada yang

tidak memberi kemudahan yang secukupnya dan akses yang sebaiknya kepada mereka, terutama sekali peniaga-peniaga kecil.

Saya pernah bekerja dalam bank dan saya juga mempunyai banyak kawan yang berniaga yang ingin mendapat akses kepada dana dan juga mendapatkan apa jua *loan*, pinjaman daripada bank. Yang kecil-kecil inilah yang amat sukar mendapat akses, mendapat pinjaman daripada bank. Ini adalah satu soal *cause and consequence*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kadangkala mereka terdesak untuk membuat pinjaman terutama sekali oleh penjaja-penjaja kecil. Sememangnya adalah mereka yang pergi ke Ah Long untuk tujuan membiayai sesuatu yang tidak patut, tetapi ramai daripada mereka terpaksa pergi kepada Ah Long untuk menyelamatkan perniagaan yang sedia ada.

Maka apa yang saya hendak katakan di sini ialah kita mohon Kementerian Kewangan untuk melihat dan mengkaji bagaimana sistem perbankan ataupun kedudukan kewangan, *financial* dana-dana yang sedia ada dapat diperbaiki supaya akses kepada kewangan oleh peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja kecil ini dapat diperolehi dengan lebih mudah sedikit.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Okey, itu dapat kita terima bahawa kerajaan perlu memberi tumpuan yang lebih kepada pinjaman-pinjaman kecil. Memang kita tahu sudah ada, tetapi tidak mencukupi. Barangkali adanya TEKUN, Amanah Ikhtiar, dengan adanya SME Bank yang ditubuhkan khusus untuk SME Bank. Mungkin masih lagi terdapat keperluan dan permintaan yang tidak dapat dipenuhi.

■1640

Maka sebab itulah pada masa ini tumpuan dasar oleh kerajaan melalui Bank Negara ialah untuk mempertingkatkan lagi pengenalan sistem mikro kredit ini sehingga apa yang dilakukan Bank Simpanan Nasional akan diubah hala tujunya dan corak perniagaannya untuk menjadi satu mikro...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Bagi saya habiskan dahulu yang ini. Boleh Yang Berhormat? Saya akan bagi Yang Berhormat. Saya tak akan keluar dari Dewan ini tanpa memberi peluang kepada Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ini kepada Yang Berhormat sahabat saya sahaja. Untuk mempertingkatkan lagi mikro kredit ini, Bank Simpanan Nasional akan diubah corak. Begitu juga dengan Bank Rakyat dan Bank Pertanian yakni satu usaha yang sedang dibuat oleh pihak Bank Negara Malaysia. Saya harap lebih luas lagi peluang yang ada kepada peminjam-peminjam kecil ini. Jadi saya bagi laluan kepada Yang Berhormat.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai Ah Long tadi Yang Berhormat. Sebenarnya peminjam-peminjam daripada Ah Long ini sebenarnya mereka adalah orang yang kadang-kadang tak baca surat khabar pun. Kadang-kadang dia tak tahu pun ada

PROSPER dan TEKUN. Bila dia tak tahu perkara ini, dia terpaksa cari Ah Long. Sebagai contoh saya ambil apa yang berlaku di tempat saya di mana seorang wanita meminjam RM10,000 daripada Ah Long. Selepas itu dia tak boleh hendak bayar kepada Ah Long. Ah Long itu bagi pinjam lagi kepada dia untuk bayar balik. Lama-kelamaan hutang itu daripada RM10,000 menjadi RM35,000. Apabila sudah menjadi RM35,000, dia sudah tak boleh hendak bayar Yang Berhormat. Apa yang dia minta daripada perempuan yang berniaga kuih-muih dengan goreng pisang ini? Dia minta anak perempuannya sebagai ganti, Yang Berhormat.

Jadi orang tua ini datang jumpa saya Yang Berhormat, saya terpaksa tolong. Bagi percuma, tak ada *interest*, tak ada apa, kita selesaikan masalah. Lepas itu barulah kita bagi penjelasan kepadanya supaya pergi jumpa PROSPER, pergi ambil daripada TEKUN dan sebagainya. Jadi masalahnya kita hendak sampaikan maklumat ini kepada peringkat bawah itu yang tak dapat. Yang bawah-bawah ini, macam mana kita hendak sampaikan maklumat itu Yang Berhormat?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya yakin bahawa banyak kes seperti ini dan mungkin lebih menyayat hati kita yang berlaku. Sebab itulah masalah Ah Long ini perlu kita banteras, kita cari cara dan jalan untuk meningkatkan skim-skim baru dari segi sistem mikro kredit dan sebagainya. Kita juga dapati bahawa memang kemudahan-kemudahan yang sedia ada ini melalui SME, PROSPER atau TEKUN entah bagaimana tidak dapat difahami oleh semua yang mana kita cuba sebagai sasaran kita dan nampaknya pendekatan Ah Long ini lebih efisien dan lebih baik dari segi maklumatnya. Kepakaran dia itu sudah ada, dengan telefonnya dan sebagainya.

Jadi saya hanya dapat menerima cadangan Yang Berhormat itu supaya semua jentera kerajaan dalam bidang ini untuk mempertingkatkan lagi usaha untuk memaklumkan masyarakat kita bukan sahaja tentang bahayanya Ah Long tetapi lebih-lebih lagi ialah tentang peluang-peluang lain yang ada yang boleh digunakan.

Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya rasa Dewan ini akan kerugian kalau saya tak ajak Yang Berhormat balik kepada perkara *indexing* tadi dikaitkan dengan fleksibiliti kepada pemerintah. Adakah *indexing* mungkin berguna dalam sesebuah negara macam Itali misalnya kerana kerajaannya bertukar empat kerajaan dalam satu tahun. Sebaliknya *indexing* tidak begitu baik bagi sesebuah negara yang kerajaannya selalu terima mandat lebih daripada 2/3 kerana kerajaan beginilah yang sangat memerlukan fleksibiliti itu.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Saya memang setuju dan juga setiap kali saya berada di Dewan yang mulia ini dapat ilmu yang lebih banyak apabila mendengar celahan-celahan Tuan Yang di-Pertua ini. Ini menunjukkan lebih garam yang dimakan, lebih banyak perjalanan yang dibuat sehingga dapat mengaitkan...

Beberapa Ahli: [*Tepuk*]

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: ...apa yang kita bincangkan di sini hari ini dengan negara-negara lain. Saya bersetuju bahawa *indexing* ini bukan saya hendak sebut tidak pernah dilakukan. Memang ada dilakukan bahkan dalam pengurusan dasar kewangan negara, banyak negara lain yang buat dasarnya walaupun tidak *indexing* dipanggil *targeting*. Ia *targeting* inflasi umpamanya di Kanada dan New Zealand pada suatu masa. Dia *target*. Apa pun itu ialah *targetnya*. Jadi dia macam ada satu *rule* yang mana dasar kewangan ini diubah-ubah semata-mata untuk *target* inflasi.

Saya rasa bahawa Tuan Yang di-Pertua, *indexing* ataupun *targeting* ataupun *pegging* ini dilakukan di negara-negara yang betul yang mungkin berubah-ubah sebagai satu disiplin yang hendak dikenakan, pertamanya. Keduanya, di negara yang mungkin sudah maju di mana peranan kerajaan sendiri tidak begitu besar dalam sesebuah ekonomi. Bermakna tidak mengharapkan rakyat yang meminta bantuan itu, bantuan ini, hendak ubah perbelanjaan terlalu banyak. Ini lebih kerap dilakukan tetapi bagi negara kita yang bukan sahaja sebuah negara yang masih lagi membangun, masih lagi perlu melakukan banyak kerja dan tugas untuk kesejahteraan rakyat tetapi dipimpin oleh kerajaan yang ingin berbuat demikian dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk berbuat demikian. Bukannya kerajaan yang mengetahui ada masalahnya, tetapi membuat ala kadar umpamanya. Tetapi kita mahu berbuat demikian maka inilah sebabnya fleksibiliti itu perlu sekali kita adakan untuk kita, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad ada menimbulkan beberapa perkara. Saya sudah ada sentuh sedikit tadi tentang disiplin atau imej Dewan ini saya kira ini sudah pun sampai ke peringkat Kabinet. Kabinet sudah pun membincangkannya, jadi kita serahkanlah kepada kebijaksanaan Kabinet asalkan Dewan kita yang mulia ini dapat kita jaga bersama. Barangkali yang lainnya kita serahkan kepada badan-badan lain untuk mengawal selia diri masing-masing. Tentang jawatan kosong saya sudah cakap.

Tentang pinjaman kepada negeri-negeri saya ada sedikit maklumat di sini iaitu jumlah yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan kepada negeri-negeri pinjaman ialah kesemuanya *outstanding* hampir RM20 bilion iaitu RM19.9 bilion pada akhir tahun 2006. Kemudian dari segi bayaran balik, ada negeri-negeri yang bayar dan ada yang bayar lewat sedikit. Sehingga kini tunggakan bayaran baliknya ialah sebanyak RM2.5 bilion. Bayaran balik pada tahun 2006 ialah RM375 juta. Ini sedikit maklumat yang diminta oleh Yang Berhormat tadi.

Keduanya dari segi sekolah wawasan. Sekolah wawasan ini saya dimaklumkan oleh kementerian di sini ada notanya. Ada terdapat enam buah kompleks sekolah wawasan. Walau bagaimanapun hanya satu sahaja kompleks iaitu sekolah wawasan di USJ Subang Jaya yang ada tiga jenis sekolah iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil. Yang ketiga-tiganya ini ada satu. Keseluruhan sekolah wawasan ada enam.

Dari segi jumlah OCPD, *rationya* dan OCS, saya minta Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang bagi. Saya tak tahu juga dari segi jumlah ini tapi saya yakin Kementerian Keselamatan Dalam Negeri boleh beri maklumat ini secara langsung kepada Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, tak perlu melalui saya. Jadi saya mintalah pegawai-pegawai yang ada.

■ 1650

Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad sudah ada sebut tadi pasal belanjawan, *variants*, saya sudah menyentuh juga tentang badan-badan berkanun khususnya LADA yang dirasakan mungkin perlu kepada tindakan untuk memperbaiki imej Langkawi dari segi prasarannya dari segi penyelenggaraannya dan juga dari segi rakyat yang susah yang perlu pembelaan yang mana saya ada sebut tadi. Jadi dari segi Langkawi ini saya rasa semua cadangan ini akan diambil kira dan LADA sendiri akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Kalau betul ada tempat-tempat yang tidak terurus dan terabai ini saya rasa sebagai sebuah pusat pelancongan antarabangsa yang begitu berjaya, dua tiga kali saya pergi ke Langkawi memang hendak dapat bilik pun susah.

Jadi mungkin masa saya pergi itu masa *peak period* tetapi nampaknya begitu ceria. Saya sendiri baru pergi sebulan lepas merasakan bahawa keadaan Langkawi itu nampaknya semakin baik tetapi dari segi kemudahan yang ditimbulkan Yang Berhormat itu saya kira mestilah diambil kira. Apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi ini, saya kadangkala tidak begitu faham jugalah maklum saya bukan *lawyer* tetapi saya tahu hasrat beliau, Yang Berhormat ini sering berbincang dengan saya macam-macam idea dia bagi bagus dia, seorang anak muda yang mempunyai idea yang banyak. Jadi saya tahu bahawa dalam segi ini pun dia banyak mencadangkan pindaan kepada akta, undang-undang sivil dan sebagainya saya serahlah kepada pihak-pihak yang mendraf undang-undang dengan izin atau kementerian yang menjaganya untuk mengambil perhatian apa yang ditimbulkan oleh beliau.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Bon You ada menyebut tentang subsidi padi ini dia kata ini juga dari segi *variantsnya*, peruntukan asal RM186 juta meningkat menjadi RM214 juta. Sebab utamanya ialah kenaikan kos baja yang mempunyai hubung kait rapat dengan kos bahan api, minyak, kos minyak meningkat. Jadi nampaknya ada peningkatan, yang keduanya kalau isu baja ini ada dijual, tidak sepatutnya dijual, maka ini satu kesalahan. Saya rasa kita tidak boleh menyokong usaha yang tidak amanah ini dan saya harap jika ini berlaku kita minta semua kementerian yang berkenaan dan agensi-agensinya untuk ambil tindakan yang sewajarnya. Tetapi kalau boleh saya seru kita semua walaupun kelihatan subsidi ini besar sedikit hendaklah juga salah satu usaha kita untuk bantu mereka yang susah, golongan penanam-penanam padi yang begitu perit oleh sebab kenaikan harga minyak, kenaikan harga baja dan sebagainya.

Jadi mungkin sedikit ruang kita beri kepada mereka usaha kita bantu dan membela nasib mereka. Dengan itu, kalau masih ada soalan-soalan yang tidak terjawab yang terlepas pandang Tuan Yang di-Pertua saya bagi pihak kementerian dan kerajaan memohon banyak-banyak ampun dan maaf. Tetapi percayalah bahawa kita berada dalam sebuah negara yang bertuah, negara keramat kerana negara yang berprestasi cemerlang di kalangan negara-negara membangun dan sebahagian besarnya oleh sebab kepimpinan yang bukan sahaja bijaksana tetapi penuh komited dan salah satu kekuatan kita juga ialah mempunyai satu perkhidmatan awam, *civil service* yang menjadi contoh kepada dunia. Jadi saya mohon mencadang, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibaca kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2006 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksudnya yang tertentu bagi bahagian tahun itu disetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.56 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta yang dinamakan

Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 bagi penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sektor koperasi merupakan satu gerakan sosioekonomi yang universal. Secara umumnya objektif sektor koperasi adalah untuk menyediakan perkhidmatan kepada anggotanya melalui aktiviti-aktiviti ekonomi yang berasaskan kepada tujuh prinsip berikut:

- (i) anggota sukarela dan terbuka
- (ii) kawalan secara demokrasi oleh anggota
- (iii) penglibatan ekonomi anggota
- (iv) kebebasan dan autonomi
- (v) pendidikan latihan dan maklumat
- (vi) bekerjasama di antara koperasi; dan
- (vii) prihatin terhadap masyarakat.

Di negara kita sektor koperasi bermula pada tahun 1922 dengan kelulusan undang-undang koperasi yang pertama yang dinamakan *Cooperative Society Enactment 1922*. Semenjak dari itu gerakan koperasi telah berkembang dengan pesatnya dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Sehingga 30 Disember 2006, sebanyak 4,918 buah koperasi telah didaftarkan dengan keanggotaan sebanyak 5.9 juta orang melibatkan syer dan yuran berjumlah RM7.4 bilion dan aset yang bernilai RM38.4 bilion. Kerajaan menyedari tentang kepentingan dan sumbangan yang boleh dimainkan oleh sektor koperasi di negara ini malah berkeyakinan sektor ini mempunyai potensi dan kelebihan yang tersendiri di mana sekiranya diurus tadbir secara profesional dan bertanggungjawab ianya akan diterima oleh masyarakat secara menyeluruh kerana ia dapat mengatasi masalah ekonomi dan sosial mereka yang dianggotainya.

Di samping itu, aktiviti perniagaan yang diceburi oleh koperasi juga semakin bertambah luas dari segi skop dan saiznya yang melibatkan berbagai-bagai bidang ekonomi dan semua lapisan masyarakat. Bagaimanapun potensi sektor koperasi sebagai instrumen ekonomi ke arah menyumbang pembangunan ekonomi di negara ini tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya disebabkan kelemahan atau masalah yang wujud dalam sektor tersebut. Kelemahan ini kalau tidak ditangani dengan segera ia bukan sahaja menghilangkan keyakinan kepada orang ramai terhadap koperasi tetapi juga mendatangkan kerugian kepada anggota dan pihak kerajaan.

Pada masa-masa lepas, kerajaan terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk menangani masalah yang dihadapi oleh anggota koperasi. Sebagai contoh, dalam pertengahan

tahun 1980-an, bila mana koperasi mengambil deposit, mengalami masalah dengan pendeposit mereka. Jadi kerajaan terpaksa menyediakan hampir RM1 bilion untuk mengatasi masalah tersebut.

■ 1700

Sementara itu dalam tahun 1998 pula, kerajaan terpaksa menyediakan RM160 juta dalam bentuk pinjaman mudah kepada 10 buah koperasi. RM7 juta dalam bentuk geran untuk menyelesaikan masalah koperasi yang tidak *solvent*. Di samping itu, menerusi audit usaha wajar atau *due diligence audit* yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia dan JPK, terdapat sebanyak empat buah koperasi menghadapi masalah. Tuntutan pengeluaran wang caruman oleh anggota-anggota. Sekiranya perkara ini berlaku, kerajaan juga akan terpaksa menyediakan peruntukkan yang dianggarkan RM446 juta untuk memenuhi tuntutan caruman oleh anggota-anggota koperasi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tersebut berlaku berpunca daripada ketidakcekapan dalam tadbir urus, tidak mematuhi undang-undang koperasi, menyimpang dari tujuan asal penubuhan dan salah laku dalam pengurusan. Berdasarkan kepada keadaan inilah maka kerajaan telah melancarkan Dasar Koperasi Negara pada 29 Januari 2004. Bukan sahaja untuk mengekang permasalahan tersebut, tetapi juga berharap sektor koperasi akan menjadi sektor penting ketiga dalam menjana ekonomi negara. Malah untuk memantapkan pelaksanaan Dasar Koperasi Negara, kerajaan telah meletakkan sektor koperasi di bawah Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi. Tindakan ini merupakan sesuatu yang telah dan wajar kerana ia akan mewujudkan platform baru untuk merancakkan lagi penglibatan koperasi dalam aktiviti keusahawanan.

Kementerian fokus kepada keusahawanan koperasi dan akan diberi penekanan kerana memandangkan institusi koperasi adalah sebuah entiti keusahawanan. Sehubungan dengan itu, hala tuju dan skop gerakan koperasi telah diperluaskan dengan menggalakkan penglibatan dalam aktiviti keusahawanan seperti program pepadanan perniagaan, *groom big*, rangkaian nilai, francais vendor, satu wilayah satu industri dan *hub* koperasi. Program ini adalah bertujuan mendedahkan dan mewujudkan kerjasama strategik di antara koperasi dengan swasta dan di antara koperasi dengan koperasi lain yang boleh dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak melalui program keusahawanan koperasi. Dalam masa yang sama, perlu juga ditekankan di sini bahawa pergerakan koperasi di Malaysia berpotensi untuk menggembeleng lebih dana dalam sektor koperasi untuk digunakan bagi membiayai perusahaan mikro dan perniagaan kecil.

Perusahaan mikro dan perniagaan kecil berkeupayaan menjana aktiviti ekonomi bagi sebahagian besar penduduk Malaysia di kawasan bandar dan juga luar bandar. Ini adalah selaras dengan program yang dirancang yang menggalakkan sektor koperasi menyertai pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Menyedari hakikat dan peranan yang boleh dimainkan oleh sektor koperasi, Kementerian MECD bercadang untuk mengubah JPK kini merupakan jabatan kerajaan menjadi

Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang merupakan sebuah badan berkanun. Tujuan utama penubuhan SKM ialah:

- (i) merangsang pembangunan sektor koperasi supaya kukuh dan selamat.
- (ii) memastikan kestabilan dalam sektor koperasi.
- (iii) memastikan pembangunan sektor koperasi yang terancang dan mampan.

Di samping itu juga, ia dapat menyediakan persekitaran yang kondusif untuk membantu koperasi menjalankan aktiviti dengan lebih cekap, aktif ke arah merealisasikan usaha melaksanakan pelan tindakan di bawah Dasar Koperasi Negara tercapai. Pembubaran rang undang-undang ini akan membolehkan SKM ditubuhkan sebagai satu pertubuhan perbadanan yang bertanggungjawab bagi membangun dan mengawal selia sektor koperasi di negara ini.

Ia meliputi koperasi asas tani, perikanan dikawal selia di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Susulan penggubalan rang undang-undang ini, beberapa pindaan sama ada berbangkit atau penambahan peruntukkan baru perlu dibuat ke atas Akta Koperasi, Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, Peruntukan Khas 1978, Akta Persatuan Nelayan 1971, dan Akta Pertubuhan Peladang 1973 bagi tujuan untuk menyelaraskan kesemua peruntukan undang-undang berkenaan koperasi. Tuan Yang di-Pertua, pengawal seliaan sektor koperasi yang efisien, efektif, berdaya saing memerlukan sokongan perundangan yang mantap. Justeru, rang undang-undang digubal bagi mengandungi perkara-perkara berikut:

- (i) Objektif perbadanan. Sebagai pertubuhan perbadanan, SKM ditubuhkan untuk menggalakkan pembangunan koperasi dan sektor koperasi secara tersusun dan teratur menurut nilai-nilai serta prinsip-prinsip koperasi. SKM juga berperanan untuk menggalakkan sektor koperasi mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, progresif dan mampan demi mengekalkan keyakinan dalam pergerakan koperasi itu.
- (ii) Tadbir urus perbadanan. Lembaga Pengarah diperuntukkan untuk bertanggungjawab dalam memastikan fungsi dan objektif penubuhan SKM dapat di laksana dan dicapai iaitu memastikan sektor koperasi dibangunkan dan dikawal selia dengan sepenuhnya, peruntukan undang-undang koperasi dikuatkuasakan, dasar-dasar pembangunan berkaitan koperasi dilaksanakan. Lembaga Pengarah akan bertanggungjawab kepada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Lembaga Pengarah akan dianggotai oleh Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Eksekutif. Kedua-duanya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agung. Empat orang ahli mewakili kerajaan, tiga daripadanya

ditetapkan dalam rang undang-undang iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Gabenor atau Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi diberi kuasa melantik seorang lagi Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha yang mewakili mana-mana kementerian yang berkepentingan dalam pergerakan koperasi mengikut keperluan semasa dan enam anggota yang lain di mana sekurang-kurangnya dua orang daripadanya terdiri daripada yang mempunyai reputasi pengalaman dalam pergerakan koperasi itu. Komposisi di atas dicadangkan bagi mewujudkan Lembaga Pengarah yang bebas dan seimbang. Pengerusi Eksekutif yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan kelancaran pentadbiran dan urusan harian SKM. Kuasa Ketua Pendaftar seperti mana yang ditetapkan dalam Akta Koperasi 1993 akan dipinda kepada Lembaga Pengarah SKM. Tuan Yang di-Pertua,

- (iii) Kuasa-kuasa SKM. Rang undang-undang SKM diberi kuasa kepada SKM untuk mengambil alih seluruh fungsi tugas dan kuasa Ketua Pendaftar Koperasi di bawah Akta Koperasi 1993 Akta 502 seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 11 Akta SKM dan mengawal selia semua koperasi berdaftar termasuklah Koperasi Asas Tani di bawah kawal selia Ketua Pengarah Lembaga Pengarah. Lembaga Pertubuhan Peladang dan juga Koperasi Nelayan di bawah kawal selia Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Satu peruntukan meletak hak akan digubal bagi membolehkan kesemua harta, hak, liabiliti kerajaan dan Ketua Pendaftar Koperasi dan Ketua Pengarah dipindahkan dan diletakkan haknya kepada SKM.
- (iv) Hal Ehwal Kewangan. Rang undang-undang SKM ini memperuntukkan had modal dibenarkan RM300 juta jumlah modal berbayar yang akan dilanggan sepenuhnya oleh kerajaan semasa penubuhan SKM adalah RM50 juta dan Yang Berhormat menteri boleh menaikkan jumlahnya dari masa ke semasa sebagai diperuntukkan di bawah Seksyen 31 Akta SKM.

■ 1710

Bagi memastikan urusan operasi yang efisien SKM diperuntukkan kuasa untuk menubuhkan, menyelenggara kumpulan-kumpulan wang tertentu. Seksyen 35 SKM melalui

pinjaman, pengeluaran bond, dibentur, stok dan sekuriti lain serta diberi kuasa untuk membuat pelaburan. Rang undang-undang memperuntukkan kuasa kepada SKM untuk mengendalikan beberapa kumpulan wang sedia seperti Kumpulan Wang Pusat Koperasi - RM11.2 juta, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi - RM96.2 juta, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi - RM27.4 juta dan Akaun Pelikuidasi Koperasi. Bagi memastikan sektor koperasi kukuh dan stabil SKM akan menubuhkan Kumpulan Wang Likuditi Pusat atau CLF di bawah seksyen 42 dan Akaun Deposit Koperasi di bawah seksyen 43 Akta SKM.

Peraturan-peraturan mengenai bidang tugas operasi dan pengurusan akan disediakan dan diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri hendaklah diperoleh terlebih dahulu. Semua dana-dana tersebut penting bagi membangunkan satu pasaran kewangan yang tersendiri dan kukuh bagi sektor koperasi. Penguatkuasaan Undang-undang Koperasi bagi memastikan Undang-undang Koperasi dipatuhi demi kestabilan sektor koperasi, rang undang-undang memberi kuasa kepada SKM untuk menyasat, menggeledah dan menyita bagi ketidakpatuhan atau pelanggaran sebarang peruntukan rang undang-undang ini.

Akta Koperasi 1993 dan mana-mana undang-undang bertulis yang di bawah bidang kuasa SKM. Kuasa yang diberikan membolehkan pengawalseliaan yang berkesan, cekap dan pantas ke atas koperasi atau mana-mana orang yang melanggar undang-undang koperasi. Selanjutnya rang undang-undang juga mengadakan kuasa bagi SKM untuk mengkompaun dan mendakwa kesalahan.

Di bawah seksyen 45 SKM boleh melantik pegawai-pegawai penyiasat diberi kuasa masuk menggeledah dan menyita di bawah seksyen 46 Akta SKM. Dalam menjalankan tugas berkenaan, SKM boleh mendapat bantuan daripada polis, pegawai awam dan lain-lain melalui peruntukan seksyen 52. Kuasa yang diberi akan membolehkan pengawalseliaan yang berkesan, cekap dan pantas ke atas koperasi atau mana-mana orang yang melanggar Undang-undang Koperasi.

Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006, sehubungan di atas butiran terperinci mengenai rang undang-undang adalah seperti berikut.

Bahagian I rang undang-undang mengandungi perkara permulaan. Fasal 2 mengandungi takrif bagi ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam rang undang-undang.

Bahagian II, rang undang-undang memperkatakan mengenai penubuhan suruhanjaya.

Bahagian III, rang undang-undang memperkatakan mengenai kuasa dan fungsi suruhanjaya.

Fasal 23 memperuntukkan bahawa suruhanjaya hendaklah mempunyai kesemua kuasa yang diperuntukkan di bawah akta ini. Akta Koperasi 1993 atau mana-mana undang-undang bertulis lain termasuk untuk menasihati menteri mengenai semua perkara yang bersangkutan dengan koperasi dan sektor koperasi.

Fasal 25 memberi kuasa kepada menteri untuk memberi arahan kepada suruhanjaya dan menghendaki maklumat yang berhubungan dengan fungsi suruhanjaya.

Bahagian IV rang undang-undang memperkatakan mengenai peruntukan yang berhubungan dengan pegawai dan pekerja suruhanjaya.

Fasal 27 membenarkan suruhanjaya melantik orang untuk menjadi mana-mana pegawai atau pekerjanya. Sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi perjalanan yang cekap, urusan dan hal ehwalnya. Fasal ini juga memperuntukkan bagi saranan elaun dan faedah pegawai yang bekerja termasuk penubuhan Akaun Kebajikan Kakitangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Bahagian V, rang undang-undang mengandungi peruntukan kewangan.

Fasal 31 menetapkan modal suruhanjaya dan fasal 32 menubuhkan kumpulan wang *reserve* am suruhanjaya.

Fasal 33 dan 34 masing-masing menetapkan peruntukan tahunan pemberian kerajaan yang menubuhkan Kumpulan Wang Operasi dan menetapkan sumber kumpulan wang itu.

Fasal 41 memperuntukkan bahawa suruhanjaya mestilah mengendalikan mengurus dan menyelenggara beberapa kumpulan wang dan akaun seperti Kumpulan Wang Pusat Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, Akaun Likuiditi Koperasi, Kumpulan Wang Likuiditi Koperasi, dan Kumpulan Wang lain yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya dengan kelulusan menteri.

Fasal 42 memberi kuasa kepada suruhanjaya untuk menggendaki mana-mana koperasi melalui perintah bertulis untuk membuat sumbangan dalam kumpulan wang likuiditi pusat. Suruhanjaya boleh mengeluarkan peraturan-peraturan dengan kelulusan bertulis menteri terlebih dahulu mengenai bidang tugas koperasi dan pengurusan kumpulan wang itu.

Fasal 43 memperuntukkan bahawa dalam masa dua tahun dari tarikh mula berkuat kuasa fasal ini untuk mana-mana tempoh lain sebagaimana yang dibenarkan secara bertulis melalui suruhanjaya semua koperasi dikehendaki untuk mendepositkan kumpulan wang mereka yang tidak diperlukan dengan segera bagi operasi atau pelaburan ke dalam akaun deposit koperasi. Suruhanjaya boleh dengan kelulusan menteri membuat peraturan mengenai bidang tugas operasi dan pengurusan akaun deposit koperasi.

Bahagian VI rang undang-undang mengandungi peruntukan mengenai penyiasat, penggeledah dan penyitaan.

Fasal 44 memperuntukkan bahawa Bahagian VI akta terpakai bagi kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta Koperasi 1993, mana-mana undang-undang bertulis lain yang dikuatkuasakan oleh suruhanjaya, peraturan, perintah dan arahan yang dibuat di bawah akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis itu.

Fasal 45 memperuntukkan bahawa suruhanjaya boleh melantik pegawai penyiasat yang memperuntukkan kuasa fungsi dan tugas mereka.

Fasal 46 memperuntukkan kuasa bagi kemasukan penggeledah dan penyitaan.

Bahagian VII rang undang-undang mengandungi peruntukan mengenai hal-hal am.

Fasal 55 memperuntukkan kesalahan khusus yang dilakukan oleh seseorang di bawah akta dan fasal 56 memberi kuasa kepada suruhanjaya untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang dihukum di bawah akta.

Fasal 60 memberikan imuniti kepada Kerajaan Malaysia, kerajaan negeri, suruhanjaya, mana-mana pengarah, pegawai, pekerja atau mana-mana orang yang dengan sah bertindak sebagai pihak kerajaan atau bagi pihak suruhanjaya atau bagi pihak mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja mana-mana kerajaan atau suruhanjaya sama ada secara peribadi atau atas sifat rasminya daripada tindakan guaman dan pendakwaan dengan syarat perbuatan atau kenyataan itu dibuat secara suci hati.

Yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua, fasal 63 memberi kuasa kepada suruhanjaya dengan kelulusan menteri untuk membuat peraturan bagi melaksanakan objektif akta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad. Yang Berhormat pernah menjadi Pengerusi Bank Rakyat dahulu.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Wajar pun lah.

5.19 ptg.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk membahas sedikit tentang akta Pertubuhan Suruhanjaya Koperasi. Sebagai permulaan saya ingin menyatakan di sini bahawa sektor koperasi sungguhpun melalui banyak masalah, namun ia pun sudah berkembang dengan begitu baik dan kita harus berbangga dengan kedudukan di mana sektor koperasi di Malaysia itu juga dicontohi oleh pelbagai negara.

■1720

Hari ini kita berada di hadapan satu akta yang akan menubuhkan satu Suruhanjaya Koperasi. Ini merupakan satu pengiktirafan terhadap sektor koperasi yang sudah pun memainkan peranan yang amat besar dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Yang Berhormat tadi menyebut tentang falsafah koperasi. Sebenarnya falsafah koperasi yang terpenting ialah konsep *self help*, dengan izin. Iaitu satu konsep di mana ahli-ahli membantu diri

sendiri untuk menjayakan sesuatu perniagaan dan juga meningkatkan rezeki dan pendapatan mereka. Konsep *self help* ini iaitu konsep menolong diri sendiri sesama mereka itu menjadi satu perkara yang terpenting di dalam koperasi.

Yang kedua ialah konsep demokrasi di mana satu ahli mempunyai satu undi. Sungguhpun ada kalanya berpendapat, di mana perundian itu tidak sebenarnya satu ahli satu undi sebab sudah ada pakatan. Namun asas landasannya ialah satu ahli, satu undi. Tuan Yang di-Pertua, koperasi di Malaysia yang harus kita sanjungi dengan izin harus saya sebutkan di sini Bank Kerjasama Rakyat yang ditubuhkan pada tahun 1954, begitu lama sekali. Daripada permulaan ia merangkak-rangkak, berlari-lari sehingga kini berdiri teguh dengan keuntungan yang tidak pernah siapa sangka iaitu lebih daripada RM600 juta satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat, kalau kita dapat buat perbandingan kejayaan koperasi di dunia dengan segera kita dapat melihat Rabo Bank. Kita dapat melihat Credit Agricole, Credit Agricole adalah merupakan di antara bank yang terbesar di dunia yang berasaskan petani yang permulaannya ialah membiayai petani-petani di Perancis dan permulaan penubuhan koperasi juga bermula di Perancis pada tahun 1759, begitu lama sekali.

Kalau kita lihat ini, kedudukan Bank Kerjasama Rakyat sebagai satu koperasi kewangan begitu berjaya dan kita dapat lihat di mana-mana pertubuhan koperasi itulah yang amat berjaya sekali di samping koperasi pertanian, tetapi di sini koperasi pertanian di negara kita sungguh pun kita memberi tekanan kepada sektor pertanian sebagai penjana ketiga yang terpenting di Malaysia, namun koperasi pertanian tidak begitu menyerlah. Jadi saya mengharapkan bahawa dengan adanya Suruhanjaya Koperasi ini, maka kepelbagaian koperasi sektor dan aktiviti dapat diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat koperasi kalau hendak kita contohi, saya rasa 'De Jardin' di Kanada adalah satu di antara koperasi yang terbesar dan terbaik yang harus kita contohi. Ia perkataan Perancis, maknanya "*garden*" itu taman, dan di sini kita harus mengambil dalam perkiraan untuk menjayakan suruhanjaya koperasi dan juga sektor koperasi menerima dari negara-negara asing, *best practices* iaitu apa jua yang menjayakan koperasi itu harus kita terima. Jangan kita rasa macam kita sudah pun berjaya kita tidak payah melihat kepada negara lain.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan bahawa Kementerian MECD ini, harus kita beri pujian sedikitlah, sebab mereka prihatin tentang kedudukan sektor koperasi. Sebenarnya jumlah aset yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dan jumlah mereka yang sudah pun menjadi ahli dalam koperasi di seluruh negara kita begitu besar sekali. 2.3 bilion ahli, 5.1 *million*. Di Eropah sahaja jumlahnya ialah 23.6 *million* ahli koperasi dan jumlah aset berbilion-bilion.

Ini menunjukkan bahawa apa yang hendak dilakukan oleh kementerian adalah sesuatu yang wajar yang harus kita semuanya memberi sokongan. Namun, ada beberapa perkara yang harus kita halusi dan harus kita perbaiki di dalam membentuk atau pun mewujudkan Suruhanjaya

Koperasi. Saya ingin mengatakan satu perkara yang merunsingkan kita, janganlah episod CCB iaitu *deposit-taking cooperative* yang sudah pun merugikan ramai manusia dan juga kerajaan berulang lagi. Maka pemantauan yang harus dilakukan oleh suruhanjaya adalah sesuatu yang harus diberikan tekanan kepada kredit ataupun *deposit-taking cooperative*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak perlu banyak kali sangat paling kepada saya, bimbang - kita manusia ini pelik atau aneh sikit dengan duit lagi banyak lagi baik kita mahu lagi banyak duit, tapi dengan cakap kadang-kadang kita mahu orang itu cakap banyak, kadang-kadang kita tidak mahu orang itu cakap banyak. Kali ini kita mahu Yang Berhormat cakap banyak.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Oh, saya ingat hendak duduk dah tadi tidak mahu bagi cakap banyak. Sebab saya kadang-kadang susah hati dengan Tuan Yang di-Pertua rasa macam, hendak suruh saya duduk ya? Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab cakap dengan duit itu berlainan. Kalau duit lagi banyak lagi mahu kita mahu banyak, tapi dengan cakap; kadang-kadang kita mahu orang itu cakap banyak-banyak. Kadang-kadang daripada orang itu juga kita tidak mahu dia cakap banyak-banyak.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Jadi sekarang ini hendak saya cakap banyak atau pun tidak cakap banyak?

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang kita mahu Yang Berhormat cakap banyak-banyak.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih. Sudah habis dah perjalanan pemikiran sudah terjajah sedikit. Okey, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hajat dan hasrat kerajaan melalui kementerian adalah sesuatu yang amat baik. Namun hasrat dan hajat kadangkalanya tergelincir juga oleh sebab apabila ia dipraktikkan ia tidak sempurna.

Di sini saya ingin menyebut tentang beberapa perkara yang saya khuatir, oleh sebab kuasa diberi terlalu banyak kepada suruhanjaya. Soal imuniti itu, macam *complete* dan *total*. Dalam perkara ini sekiranya imuniti diberi dengan *complete* dan *total* secara menyeluruh yang rasa yang tidak ada caralah, tidak ada ruang untuk membawa ke mahkamah atau pun membuat apa jua teguran, maka mesti ada *corporate governance* yang amat ketat terhadap suruhanjaya. Ia hendak menentukan bahawa *corporate governance* itu diikuti oleh koperasi-koperasi tetapi bagaimana mereka yang hendak memantau dan menjaga orang punya *corporate governance*. *Corporate governance* dia macam mana. Jadi ini adalah satu perkara yang harus diberi perhatian yang amat pentinglah terhadap suruhanjaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan globalisasi, saya sendiri pun amat terkejut apabila Joseph Stiglitz iaitu bekas Pengerusi World Bank sendiri telah membuat satu ceramah mengenai koperasi; peranan koperasi dan pentingnya koperasi. Jadi saya rasa di sini kita mengikut era, mengikut *dynamism*, memang yang terdapat dalam dunia sekarang ini. Cuma, cuma kita harus

beri tekanan terhadap penubuhan koperasi di dalam bidang-bidang yang dikatakan dinamik di negara kita. Apakah bidang-bidang yang dinamik? Iaitu terhadap sektor bioteknologi, sektor IT...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa cukup, Yang Berhormat boleh sambung minggu hadapan hari Isnin.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: ..terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.